

"DI SAMPING itu ia juga memungkinkan untuk pihak swasta memperoleh sumber tenaga manusia yang berkualiti dari dalam negeri yang dengannya nanti secara beransur-ansur akan mengurangkan pengantungan kita kepada tenaga kerja dari luar negeri." - Titah sempena Hari Kebangsaan Kali Ke-17 Tahun 2001.



"TIADA ada suatu amalan yang dikerjakan oleh anak Adam pada Hari Raya Haji yang lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wataala dari menumpahkan darah. Bahwasanya ia (korban itu) datang pada Hari Kiamat dengan tanduk-tanduknya, bulu-bulunya dan kuku-kukunya dan bahwasanya darah (korban itu) mendapat tempat yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wataala sebelum darah itu tumpah ke bumi oleh karena itu hendaklah kamu berkorban dengan hati yang bersih." - Hadis riwayat Al-Tirmidzi.

## Brunei - Bangladesh berkongsi harapan dan aspirasi

OLEH SAHARI AKIM

**BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Januari.** - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzuddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, Brunei Darussalam dan Bangladesh banyak berkongsi harapan dan aspirasi dalam menghadapi masa hadapan.

Menyentuh hubungan rasmi kedua-dua buah negara yang dalam masa terdekat ini akan genap 20 tahun, baginda melahirkan rasa bangga atas perkongsian kerjasama dan persahabatan antara rakyat kedua buah negara selama ini.

Rakyat Bangladesh terdiri dari lelaki dan perempuan yang berkerja di negara ini, titah baginda juga telah memberikan sumbangan yang begitu banyak dalam pembangunan negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Persantapan Bagi Meraikan Lawatan Rasmi dua hari Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia berlangsung di Istana Nurul Iman.

Baginda menambah titah, sumber yang banyak selain masyarakat dinamik dan keunggulan budaya yang terdapat di kedua-dua rantau merupakan cabaran bagaimana ia dapat dimanfaatkan bersama dalam menghadapi cabaran-cabaran

an besar di bidang politik, ekonomi dan sosial di abad ke-21 ini.

Dalam hal tersebut titah baginda, Asia Selatan dan Asia Tenggara jelas mempunyai kepentingan bersama dan adalah penting bagi negara-negara di rantau tersebut mengambilkira akan peranan persatuan-persatuan serantau.

Pada majlis itu baginda juga bertitah mengenai abad 20 yang telah mengetengahkan bahaya-bahaya nasionalisme tulen dan konsep globalisasi ketika ini mungkin mempunyai bahaya serupa yang memerlukan kerjasama lebih rapat, berkongsi pengalaman dan belajar di antara satu sama lain.

Baginda bertitah melahirkan keyakinan bahawa tahun-tahun yang akan datang akan memperlihatkan wujudnya hubungan 'saling memerlukan' secara lebih mendalam di Asia dan dunia seluruhnya.

Adalah sangat membanggakan titah baginda, bahawa negara-negara Asia Selatan memberikan penekanan yang sama dalam kesatuan serantau mereka.

Terdahulu baginda bertitah mengucapkan tahniah kepada Puan Yang Terutama dan rakyat Bangladesh atas pencapaian negara tersebut setelah mencapai kemerdekaan lebih dari 30 tahun lampau dan ketika ini mampu menawarkan sumbangan besar kepada hal-ehwal serantau dan dunia antarabangsa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzuddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia sejeurus sebelum kedua-dua pemimpin mengadakan rundingan dua hala di Istana Nurul Iman.

## ASEAN - SAARC punyai pendekatan sama hadapi masa depan

**BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Januari.** - Pemimpin-pemimpin ASEAN di Sidang Kemuncak Bali pada akhir tahun lepas dan para pemimpin SAARC di Sidang Kemuncak Islamabad awal tahun ini memperlihatkan kesepakatan dalam pendekatan mereka menghadapi masa hadapan.

ASEAN berkeyakinan bahawa rakyatnya mempunyai bakat, kemahiran inovatif dan imaginasi dalam menghadapi suasana dunia hari ini serta cabaran-cabarannya dan apa yang menjadi keutamaan kepada para pemimpin ialah menangani persoalan bagaimana mewujudkan persekitaran yang membolehkan bakat-bakat tersebut dapat dimanfaatkan.

\*Persekitaran yang ada

menghendaki program-program ekonomi yang praktikal yang menghubungkan keseluruhan rantau kita malah jiran-jiran kita,\* titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzuddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Persantapan Meraikan Lawatan Rasmi Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia di Istana Nurul Iman.

Apa yang menjadi keutamaan titah baginda ialah keselamatan menyeluruh, sosial dan kebudayaan di samping fizikal dan keabadian yang bererti kepada sosial dan kehendak bersama - 'kompleksiti, toleransi dan fleksibiliti'.

Apa yang tidak diinginkan di mana ada yang cuba mendorong masyarakat berfikir secara mudah, bertindak secara kekerasan dan mewujudkan perpecahan di kalangan masyarakat dan negara.

Dalam hal ini, baginda tertarik dengan Deklarasi Islamabad yang telah dikeluarkan oleh para pemimpin SAARC tiga minggu lepas yang menggariskan program-program pembangunan sosial.

Selain dari itu menurut titah baginda, penekanan terhadap usaha menangani keganasan dalam konvensyen serantau itu juga merupakan sumbangan penting kepada komitmen sejagat.

Baginda menambah titah, diharapkan langkah yang telah diambil oleh

ahli-ahli SAARC mengenai masalah-masalah keselamatan merupakan tanda ke arah memperbaharui keyakinan bahawa kompleks dan pertikaian silam boleh ditangani secara aman.

Langkah konkrit dan praktikal ke arah mengurangkan ketegangan itu titah baginda, merupakan sesuatu yang sangat dialu-alukan di seluruh dunia.

Pada majlis itu baginda juga bertitah bahawa hubungan erat antara Brunei Darussalam dan Bangladesh didasari oleh sebab-sebab lain yang lebih mendalam seperti perkongsian nilai, persahabatan dan kerjasama yang dijalin sejak 20 tahun lampau yang sangat bererti kepada semangat saling memerlukan (interdependence) antara kedua-dua belah pihak.



HARI KEBANGSAAN

26 HARI LAGI

ANTARA YANG MENARIK

Haluan : Banteras keganasan penganiayaan dengan hukuman berat

- Muka 2

Kebawah DYMM, PM Bangladesh adakan perjumpaan dua hala

- Muka 4

Lawatan rasmi Perdana Menteri Bangladesh

- Muka 8 & 9

Nilai pencapaian dalam laksanakan tugas, t-jawab

- Muka 10

Ajaran sesat menggugat keharmonian, perpaduan

- Muka 3 ANEKA

Al-Hafiz gelaran berharga yang bukan ringan

- Muka 5 ANEKA

Kenapa ia ... terjadi

- Muka 7 ANEKA

Perkenalkan negara di mata dunia

- Muka 16 ANEKA

### TAHUKAH AWDA

**BENDERA** Negara Brunei Darussalam dalam bentuknya yang ada sekarang kecuali lambangnya telah digunakan semenjak tahun 1906 tatkala Brunei menjadi sebuah naungan berikutan dengan satu perjanjian yang ditandatangani di antara Brunei dengan Great Britain. Lambang itu telah ditetapkan dalam tahun 1959 selepas Pemasyuhuran Perlembagaan 1959. - Sumber: Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. (Edisi Semakan). Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri. (2003 : 1).



28 JANUARI 2004 BERSAMAAN 1424 5 ذوالحجه

## HUBUNGAN BSB - DHAKA BERTAMBAH KUKUH

**S**EJAK termeterainya hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh pada 5 Mei 1984, kerjasama dan persahabatan antara kedua-dua negara semakin bertambah akrab dan mantap. Dalam masa hampir 20 tahun hubungan rasmi antara kedua-dua negara itu, ternyata Bandar Seri Begawan dan Dhaka telah dapat menikmati hubungan yang begitu erat. Persahabatan kedua-dua negara sedia terjalin berasaskan kepada kepercayaan kebudayaan dan tradisional.

Hubungan erat antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh sangat mendalam seperti perkongsian nilai, persahabatan dan kerjasama yang dijalin sejak 20 tahun lampau yang sangat bererti kepada semangat saling memerlukan antara kedua-dua negara. Selain itu kedua-dua negara juga mempunyai aspirasi dan pandangan yang sama terhadap isu-isu antarabangsa dan dunia global. Kedua-dua negara menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Sungguhpun jumlah perdagangan dan pelaburan antara BSB dan Dhaka masih kecil, namun, dengan keakraban dan persefahaman yang erat antara kedua-dua negara akan membuka lebih banyak kerjasama di masa mendatang. Antara kerjasama yang berpotensi untuk diteroka termasuklah kerjasama tenaga, perkembangan tenaga manusia, teknologi informasi dan juga bidang-bidang perdagangan ekonomi pelaburan dan perkhidmatan. Kedua-dua negara juga berharap perniagaan dan pelaburan antara BSB dan Dhaka akan bergerak maju dengan komitmen secara langsung ahli-ahli perniagaan kedua-dua negara.

Lawatan rasmi Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia ke Negara Brunei Darussalam pada 25 hingga 26 Januari lalu terus membuka lembaran baru dalam memperkukuh hubungan persahabatan dan kerjasama yang sedia terjalin antara kedua-dua negara. Sesungguhnya lawatan Perdana Menteri sangat bererti dalam usaha berterusan kedua-dua negara untuk memperingkatkan dan memperluaskan kerjasama dalam pelbagai bidang yang akan memberikan manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa meraikan Perdana Menteri Bangladesh di Majlis Santap Rasmi bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh berkongsi banyak harapan dan aspirasi dalam menghadapi masa hadapan. Baginda menegaskan kedua-dua negara memiliki sumber kekayaan termasuk rakyat yang dinamik dan gigih dalam mencapai kemajuan yang diharapkan.

Sementara itu Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia dalam ucapannya pula berkata bahawa republik berkenaan begitu menghargai akan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menyatupadukan perpaduan ummah. Selain itu Puan Yang Terutama juga memuji kepimpinan baginda yang telah membawa rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam menikmati keamanan dan kesejahteraan serta kesejahteraan hidup yang lebih moden.

Dalam konteks pembangunan Brunei, rakyat negara berkenaan juga turut menyumbang dalam pembangunan dan kemajuan negara. Menurut statistik, sehingga tahun 2002, sejumlah 4,883 orang termasuk 30 wanita rakyat Bangladesh berkhidmat di negara ini terutama di bidang industri pakaian, pembuatan dan pembinaan. Seramai 12 orang termasuk 10 orang pegawai perubatan dan dua jururawat dari negara berkenaan juga kini sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan.

Bagi kita, Negara Brunei Darussalam turut menyumbang dalam meringankan kesengsaraan yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk Bangladesh dari segi kemasuian. Dalam tahun 1990, Negara Brunei Darussalam telah menghulurkan bantuan perikemasuian sejumlah wang tunai B\$600 ribu. Selain itu, Brunei juga menyumbangkan 22 tan makanan, 20,000 helai pakaian dan 232 kotak bahan perubatan yang kesemuanya bernilai B\$250 ribu dalam usaha untuk membantu meringankan penderitaan yang dialami oleh sebahagian rakyat berkenaan setelah ditimpa bencana ribut taufan pada 30 April 1990 yang mengorbankan 200 ribu orang.

Sesungguhnya atas perkongsian kerjasama dan persahabatan yang wujud antara rakyat Negara Brunei Darussalam dan Bangladesh selama ini, memberikan gambaran jelas bahawa kerjasama pelbagai bidang antara kedua-dua negara akan dapat diperluaskan. Berasaskan persefahaman yang erat antara kedua-dua negara juga, kita berkeyakinan usaha berterusan yang dijalin dan diteroka antara BSB dan Dhaka di masa masa mendatang akan seterusnya membuahkan hasil yang lumayan bagi kedua-dua belah pihak. Apa yang diharapkan agar ahli-ahli korporat dan usahawan negara ini merebut peluang keemasan seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri Bangladesh untuk membuat pelaburan dan meluaskan perniagaan di negara berkenaan.

## HALUAN...

# Banteras keganasan, penganiayaan dengan hukuman berat

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**B**ETA dengan amat berbesar hati mengalu-alukan kesemua tetamu dan delegasi terkemuka ke Negara Brunei Darussalam.

Sememangnya tahun ini merupakan satu penghormatan yang besar bagi Perkumpulan Wanita kami selaku tuan rumah Persidangan Serantau Kali Ketujuh Perkumpulan Wanita Sedunia (ACWW) Bagi Asia Tenggara dan Timur Jauh.

Beta ingin mengucapkan tahniah kepada Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) di Brunei kerana berjaya menjalankan tugas selaku tuan rumah dalam majlis yang penuh berkebakikan ini.

Bila kita melihat tema ACWW tahun ini - 'Bekerja Dengan Wanita Di Seluruh Dunia', adalah jelas bahawa dalam era 'globalisasi' ini, tema ini menjadi lebih relevan.

Revolusi ICT dengan internet dan kemajuan selanjutnya dalam komunikasi mudah alih mendapat kesan yang amat besar dalam penghidupan manusia di rantau kita dan juga dengan cara-cara kita berkomunikasi dan berinteraksi.

Salah satu contoh penggunaan ICT adalah penghantaran teks dengan telefon mudah alih, berkomunikasi dengan rakan-rakan, keluarga dan pejabat mereka.

Tindakan yang sederhana ini dengan sendirinya menggambarkan salah satu daripada pelbagai cara di mana kemajuan teknologi menjadi peralatan bagi kaum wanita di seluruh dunia, bukan hanya untuk berkomunikasi, bahkan juga sama pentingnya adalah mendidik diri mereka sendiri pada semua tahap. Ini adalah untuk memastikan agar generasi muda juga boleh memperoleh pendidikan dengan biaya yang berkemampuan.

Justeru itu adalah penting bagi kerajaan dan NGO di seluruh dunia untuk bekerja bersama-sama bagi memastikan bahawa hasil teknologi dapat diagih oleh setiap orang, terutama sekali penduduk negara-negara membangun dan kurang membangun.

Kemajuan dalam teknologi juga meningkatkan kesedaran ke arah perlindungan alam sekitar semula jadi kita dan bahaya yang disebabkan oleh pencemaran udara yang kita hirup, air yang kita minum dan makanan yang kita makan.

Wanita sewajarnya hendaklah berwaspada dengan bahaya ke atas kesihatan akibat pencemaran, kerana dalam rumah tangga, kaum wanita bertanggungjawab menyediakan makanan untuk keluarga dan juga menjaga kesihatan anak-anak yang masih kecil.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam di Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Serantau Kali Ketujuh Perkumpulan Wanita Sedunia (ACWW) Bagi Asia Tenggara dan Timur Jauh berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 11 Januari 2004.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Zahara HAM

mahupun jenis makanan yang sedia ada.

Perubahan gaya pemakanan ini kini kelihatan sebagai faktor utama yang menyumbang ke arah apa yang dipanggil 'penyakit gaya hidup', termasuklah penyakit jantung koronari, tekanan darah tinggi, kencing manis dan pelbagai jenis barah.

Dalam hubungan ini, beta berpendapat kaum wanita seharusnya cuba untuk mengagih segala pengalaman mereka dengan makanan sihat bagi keluarga mereka agar kita semua dapat memastikan

mereka yang kita sayangi tidak akan mengabaikan kesihatan mereka dengan apa-apa yang mereka makan dan minum.

Isu keganasan terhadap kaum wanita juga harus diberi perhatian yang besar kepada semua wanita. Kita seharusnya mengakui bahawa begitu banyak bentuk keganasan dan penganiayaan terhadap wanita di seluruh dunia.

Di samping itu, keganasan rumah tangga, merogol, memperkosa juga kedua-dua penganiayaan mental dan fizikal berlaku bukan hanya di rumah dan

di jalan, bahkan juga di tempat kerja dan tempat-tempat lain di mana kaum wanita sepatutnya berasa agak selamat.

Apa yang menyedihkan kita adalah begitu banyak bentuk penganiayaan yang kerap berlaku dengan berpanjangan tanpa sebarang hukuman dikenakan disebabkan mangsa tidak mengetahui undang-undang ataupun hak-haknya.

Kejadian keganasan dan penganiayaan semestinya dibanteras dengan kombinasi pendidikan dan hukuman yang berat terhadap pelaku-pelaku jenayah.

Pertubuhan Perkumpulan Perempuan seperti WI pada peringkat kebangsaan dan ACWW pada peringkat serantau dan antarabangsa justeru itu boleh memainkan peranan utama dalam mendidik kaum wanita serta meningkatkan kesedaran rakyat terhadap keperluan untuk menghentikan keganasan dan penganiayaan seperti ini.

Akhir sekali beta ingin mengucapkan selamat maju jaya dalam perundingan awda sekalian di mana beta yakin bahawa persidangan ini dapat menyumbang untuk menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik bagi kaum wanita serta persekitaran yang lebih selamat bagi penghidupan anak-anak kita.

Semasa awda sekalian berada di sini, beta juga berharap agar awda semua berkesempatan melawat beberapa tempat yang menarik di samping mengenali para penduduk di sini juga cara hidup kami.

Dengan kalimat 'Bismillahir Rahmanir Rahim', beta dengan amat sukacitanya merasmikan pembukaan Persidangan Serantau Kali Ketujuh Perkumpulan Wanita Sedunia Bagi Asia Tenggara dan Timur Jauh.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**WANITA sewajarnya hendaklah berwaspada dengan bahaya ke atas kesihatan akibat pencemaran, kerana dalam rumah tangga, kaum wanita bertanggungjawab menyediakan makanan untuk keluarga dan juga menjaga kesihatan anak-anak yang masih kecil.**

**MENJELANG SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-20**

# Pesta Buku 2004 dari 25 Februari hingga 3 Mac

BERAKAS, 20 Januari. - Sempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-20 tahun 23 Februari ini, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan menganjurkan Pesta Buku Brunei 2004.

Pesta itu akan diadakan selama 10 hari selepas perasmian pada 25 Februari hingga 5 Mac di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, di sini.

Menurut Pemangku Pengarah DBP, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Zainal, pesta tersebut akan bermula dari jam 9.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali hari Jumaat dimulakan jam 9.00 hingga 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 10.00 malam.

Katanya, sebanyak 70 buah booths atau petak jualan buku-buku akan disediakan oleh pihak DBP, namun setakat ini sudah lebih 80 peratus ditempah termasuk

Oleh Abdullah Asgar

dari Malaysia, Singapura, Indonesia dan Jordan hanya tinggal 18 petak saja yang masih kosong.

Beliau memberitahu perkara itu di Majlis Sidang Akhbar sempena penganjuran pesta berkenaan di DBP di sini.

Selain mengadakan jualan buku, pesta itu, katanya, juga akan diselitkan dengan beberapa acara sampingan seperti pelancaran beberapa buah buku terbitan DBP, pertandingan gerai tercantik dan acara-acara lain.

Jelasnya, pesta tahun ini akan bertemakan 'Buku Untuk Semua' dengan memberi kesempatan pertemuan kepada toko-toko buku, pendedar, penerbit ilustrator, pustakawan, pelajar, pencinta buku

dari dalam dan luar negeri untuk meningkatkan daya apresiasi terhadap buku.

Tambahnya, bagi buku-buku yang dijual oleh gerai DBP akan diberikan potongan dari 20 hingga 70 peratus, manakala bagi gerai-gerai lain hanya 20 - 30 peratus potongan.

Katanya, pesta itu akan dijadikan sebagai acara tahunan memandangkan selain internet, buku merupakan bahan rujuk utama untuk mendapatkan segala maklumat dan sumber.

Semasa pesta buku berlangsung nanti antara buku-buku yang akan dijualbelikan termasuklah buku seni, kanak-kanak, agama, peta, panduan melancong, sains dan teknologi, akademik, fiksyen dan bukan fiksyen, cd-rom, majalah dan komputer.

Awang Haji Abu Bakar berkata tujuan



mengadakan Pesta Buku Brunei 2004 ialah bagi mengenalkan dan menjual buku-buku, memberikan peluang kepada orang ramai bagi mendapatkan pelbagai tajuk buku untuk dijadikan khazanah ilmu pengetahuan di tempat yang mudah dan selesa dan mengeratkan hubungan jalinan kerjasama, 'business contact' dan bermuafakat untuk merancang strategi bagi mengembangkan industri penerbitan buku di peringkat serantau dan global.

## Menerima mengadap Menteri Luar Bangladesh

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, hari ini berkenan menerima

mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama M. Morshed Khan, M.P, yang berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan. Menurut siaran akhbar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang

Terutama berada di negara ini sebagai sebahagian daripada delegasi Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia yang dalam lawatan rasmi dua hari ke negara ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, hari ini berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama M. Morshed Khan, M.P, yang berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

## Perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Luar Republik India, Tuan Yang Terutama Yashwant Sinha sempena Hari Republik India hari ini.

Dalam perutusan itu, DYTm melahirkan rasa gembira atas hubungan kerjasama dan persahabatan rapat yang berterusan antara kedua-dua negara dalam semua peringkat.

Sementara itu, dalam perutusan kepada Menteri Luar Australia, Yang Berhormat Alexander Downer sempena Hari Australia hari ini, DYTm amat menghargai hubungan cemerlang antara kedua-dua negara.

DYTm penuh berharap untuk terus bekerjasama dengan TYT dalam usaha untuk meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara dan juga dalam kerjasama serantau.

DAIRI PELITA BRUNEI			
TARIKH	MASA	MAJLIS/CARA	TEMPAT
<b>RABU</b> 28 Januari 2004	8.00 pagi	Rakaman Majlis Forum Keagamaan dan menyingkap keagamaan ciptaan Allah	Di perkarangan Masjid Kampong Bunut
<b>KHAMIS</b> 29 Januari 2004	8.00 pagi	Pemerintah Angkatan Tentera Laut Di-Raja Brunei terima kunjungan hormat Laksamana Thailand	Markas ATLDB, Berakas Kem
	10.00 pagi	Pemerintah ABDB terima kunjungan Pemerintah Tentera Laut Thailand	Bolkiah Garrison
	12.00 tengahari	Jamuan / penyerahan derma	Pusat Ehsan, Kg Sengkurong
<b>SABTU</b> 31 Januari 2004	3.00 petang	Jamuan / penyerahan derma	Pusat Ehsan, Kg Bengkurong
	2.30 petang	Perjumpaan Bersama Pengusaha-pengusaha Permit Teksi 2004	Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan
	8.00 pagi	Majlis Penyampaian Sijil Prefek Sekolah Menengah Awang Semaun	Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Awang Semaun
	9.00 pagi	Majlis pelancaran penerangan peranan Eko-sistem Hutan Hujan Tropika	Taman Warisan ASEAN, Tasek Merimbun, Tutong
<b>AHAD</b> 1 Februari 2004	9.30 pagi	Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM	Dewan Persantapan Lapau, Bandar Seri Begawan
	1.30 petang	Majlis Korban Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	Ruang Legar Tingkat Bawah, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
<b>ISNIN</b> 2 Februari 2004	9.45 pagi	Majlis Ibadah Korban anjuran Bank Islam Brunei Berhad (IBB)	Masjid Kg. Belimbing Subok, Bandar Seri Begawan
	2.45 petang	Majlis Ibadah Korban / Aqiqah anjuran Majlis Perundingan Kampong Subok, Bandar Seri Begawan	Rumah Ketua Kg. Subok, Bandar Seri Begawan
<b>SELASA</b> 3 Februari 2004	10.00 pagi	Majlis Ibadah Korban Kementerian Kesihatan	Letak Kereta, Kem Kesihatan, Berakas

Nota: Maklumat diterima sehingga petang 27 Januari 2004  
Acara tertakluk kepada perubahan



Senyum Budiman



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia semasa mengadakan rundingan dua hala di Istana Nurul Iman (kanan).

**BAGINDA** semasa mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Bangladesh di Istana Nurul Iman sejurus sebelum kedua-dua pemimpin itu mengadakan rundingan dua hala (atas).



**BAGINDA** bersama Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh berjalan beriringan sejurus sebelum mengadakan rundingan dua hala (atas).



## Kebawah DYMM, PM Bangladesh adakan perjumpaan dua hala

**BANDAR SERI BEGAWAN**, 25 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama di majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed

Oleh  
**Abu Bakar HAR**  
**Gambar-gambar**  
oleh Halim HS,  
Masri Osman,  
Hamadi HM dan  
Mohd. Zul-izzi HD

Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Malik.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah

Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kaltum Al-Islam beserta ahli kerabat yang lain.

Sebelum Majlis Mengadap bermula, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengadakan perjumpaan dua hala bersama Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia yang berangsur di ruang lain.

Sejurus selepas Majlis Mengadap baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia bersama ahli kerabat yang lain kemudiannya beredar

ke Dewan Persantapan bagi Majlis Santap.

Sebelum Majlis Santap bermula, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Puan Yang Terutama berada di negara ini bagi lawatan rasmi selama dua hari bermula hari ini.

Antara pegawai tinggi yang menyertai rombongan Puan Yang Terutama ini termasuklah dua orang yang memegang jawatan sebagai menteri dan pegawai-pegawai kanan dari pelbagai jabatan.

Sementara itu Puan Yang Terutama ketika berada di negara ini termasuklah melawat Kampong Ayer dan bertemu warga Bangladesh yang berada di negara ini.

**BAGINDA** dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika berangkat mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh (kiri).

**DYTM**, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad dan Setiausaha Tetap Dimuliakan Pehin Orang Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya ketika hadir di rundingan tersebut (kanan).





# LAWATAN RASMI PM BANGLADESH

Oleh  
Samle Haji Jait  
Gambar-gambar  
oleh Ramli Tengah

BERAKAS, 25 Januari. - Hubungan dua hala Republik Rakyat Bangladesh dan Negara Brunei Darussalam terus diakrakan lagi dengan lawatan rasmi Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia ke negara ini selama dua hari bermula hari ini.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Puan Yang Terutama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Sejurus ketibaan Duli Yang Teramat Mulia dan Puan Yang Terutama beredar ke pentas khas untuk menerima hormat diraja.

Kemudian, Perdana Menteri Republik Rakyat



Bangladesh memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari anggota Batalion Ketiga Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei.

Sebelum meninggalkan lapangan terbang, Duli Yang Teramat Mulia disembahkan kepada ahli rombongan Perdana Menteri Bangladesh, manakala Puan Yang Terutama juga diperkenalkan kepada

pembesar-pembesar Negara Brunei Darussalam.

Sepanjang berada di negara ini, Puan Yang Terutama akan diperkenalkan kepada ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Majlis Santap di Istana Nurul Iman pada sebelah malamnya.

Perdana Menteri Rakyat Bangladesh itu juga dijadualkan untuk bersemuka dengan rakyat Bangladesh di negara ini dan akan dibawa menyaksikan keindahan Kampong Ayer di ibu negara.

Hubungan dua hala Negara Brunei Darussalam dengan Bangladesh telah dibentuk pada 5 Mei 1984, sementara negara Bangladesh menubuhkan misi



MENGALU-ALUKAN ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berangkat mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (atas).

HORMAT DIRAJA ... Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh dan Duli Yang Teramat Mulia ketika menerima hormat diraja daripada perbarisan kehormatan (atas kiri).



BERSALAMAN ... Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh ketika bersalaman bersama pembesar-pembesar negara (atas).

DIPERKENALKAN ... Duli Yang Teramat Mulia ketika diperkenalkan kepada rombongan Perdana Menteri Bangladesh (kiri).

diplomatiiknya di Bandar Seri Begawan pada 29 Julai 1985.

Sejak itu kedua-dua buah negara terus menjalin persefahaman mesra, bagaimanapun jumlah pelaburan dan perdagangan di antara kedua-dua negara masih kecil.

Sehingga tahun lepas lebih 4,800 orang termasuk 30 wanita rakyat Bangladesh berkhidmat di ne-

gara ini di dalam pelbagai bidang sektor swasta seperti perkilangan, pembinaan dan kilang pakaian.

Ketika ini, 12 orang

termasuk 10 pegawai perubatan dan dua jururawat Bangladesh berkhidmat di Kementerian Kesihatan.



PERDANA Menteri Republik Rakyat Bangladesh ketika berangkat turun dari pesawat khas se-jurus tiba di lapangan terbang (kiri).

PERDANA Menteri Republik Rakyat Bangladesh ketika diperkenalkan kepada pembesar-pembesar Negara Brunei Darussalam (atas).



MEMERIKSA PERBARISAN ... Puan Yang Terutama ketika memeriksa perbarisan kehormatan.



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien mengetuai seruan Allah

Akbar sebanyak tiga kali sebaik sahaja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempurna melafazkan titah Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tepat 12.00 malam 31 Disember 1983, dan disahut lebih 60,000 rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang membanjiri Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin. - Sumber: PELITA BRUNEI, 4 Januari 1984 (1984: 10).

## E-kerajaan tingkat kecekapan sumber manusia

RIMBA, 17 Januari. - Tatacara menghadapi masalah dan menanganinya secara berkesan dalam pembangunan e-kerajaan adalah penting sebelum memulakan operasinya bagi mengelakkan kerosakan yang berhubung kait dengan operasi e-kerajaan.

Taklimat bagi meningkatkan pengetahuan mengenai pengendalian e-kerajaan telah disertai oleh pegawai-pegawai kanan

Oleh Samle HJ

kerajaan di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Pengarah Urusan LEC-DAS, S. K. Chong berkata, salah satu punca kegagalan sistem elektronik untuk beroperasi ialah petir dan sebab itulah sebelum sistem e-kerajaan di negara ini digunakan lebih jauh lagi adalah penting untuk

mengetahui cara-cara masalah dan menanganinya dengan berkesan.

Menurutnya, kegagalan mempunyai pengetahuan yang mendalam itu boleh mendorong kerosakan kepada stesen janakuasa (generator), komputer, sistem suis elektrik dan perkakas-perkakas komunikasi yang lain yang berhubung kait dengan operasi e-kerajaan.

Awang Chong dalam

taklimatnya juga menjelaskan mengenai tatacara menghalang fenomena itu dari berlaku.

Beliau menambah, pengenalan sistem e-kerajaan di negara ini sudah tepat pada masanya di mana ia membolehkan peningkatan kecekapan sumber-sumber manusia.

Sementara itu, Jason Lim pula berkata, trend sistem pengurusan sumber-sumber manusia (HRMS) dalam pasaran kini telah meningkat berseesuaian pada masanya.

Beliau yang berpengalaman dalam mengendalikan beberapa sistem elektronik di Republik Singapura berkata, banyak kelebihan hasil penggunaan biometrik dalam merangka keputusan-keputusan yang strategik.

Lebih dari itu katanya, penyatupaduan biometrik merupakan salah satu cara penyelesaian HRMS yang juga menawarkan bagi membolehkan pengembangan kepada aplikasi yang lebih kritikal.

Jason Lim turut mengkongsi pengalamannya dalam menyelesaikan masalah-masalah aplikasi dalam teknologi yang lebih inovatif.

## Perpindahan Bukit Beruang mempunyai masjid baru

TUTONG, 21 Januari. - Para penduduk Perpindahan Negara Kampong Bukit Beruang dan kampung-kampung persekitarannya kini mempunyai sebuah masjid yang baru bagi menggantikan masjid yang lama.

Masjid baru itu adalah lebih selesa dan besar daripada masjid lama yang sedia ada di Kampong Bukit Beruang itu.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Kunci bangunan masjid berkenaan telah diadakan di masjid berkenaan di sini.

Menyempurnakan penyampaian kunci bangunan masjid itu telah disempurnakan oleh Pemangku Arkitek Kanan, Jabatan Kerja Raya, Dayang Hajah Muihani binti Haji Abdul Hamid kepada Pemangku Penolong Pengarah Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Rahim

Oleh  
Aliiddin HM

bin Haji Tahir yang kemudiannya menyampaikan kepada imam masjid berkenaan, Awang Rosnadini bin Haji Mohd. Yusof.

Masjid tersebut mula dibina pada 28 Mei 2002 dan siap pada 10 Disember 2003 dengan melelan belanja sebanyak \$1,982,849.01 atas pembiayaan wang zakat asnaf Al-Gharimin.

Masjid ini boleh menampung seramai 1,200 jemaah termasuk jemaah perempuan untuk menunaikan sembahyang.

Kawasan masjid seluas 3.3 hektar itu dilengkapi dengan beberapa kemudahan seperti dewan serbaguna yang boleh digunakan sebagai dewan sembahyang jika dipertukan dan boleh

menampung 50 orang jemaah.

Selain itu juga ia mempunyai bilik imam, bilik VIP berserta tempat wuduk, ruang dapur, ruang wuduk lelaki dan perempuan, bilik air lelaki dan perempuan, stor dan tempat letak kereta juga disediakan.

Reka bentuk masjid ini mengambil kira keperluan tambahan yang akan datang dengan memaparkan seni bina Melayu dan unsur-unsur rekaan seni bina Brunei.

Majlis Perletakan Batu Asas bagi masjid tersebut telah disempurnakan pada 21 Oktober 2002 oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad.



PEMANGKU Arkitek Kanan, Jabatan Kerja Raya, Dayang Hajah Muihani menyerahkan replika kunci masjid kepada Pemangku Penolong Pengarah Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Rahim (atas). Sementara gambar bawah, Pemangku Penolong Pengarah Masjid dan lain-lain pegawai menyaksikan mimbar masjid tersebut. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



PENGAH Urusan LEC-DAS, S. K. Chong ketika memberikan taklimat mengenai pengendalian e-kerajaan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

# KE MANA NILAI KEMANUSIAAN

**M**ANUSIA diciptakan dari sebaik-baik kejadian. Sering dikatakan bahawa manusia jika benar-benar bertakwa dan beriman boleh lebih hebat dari malaikat tetapi jika ia melakukan kemungkaran dan kejahatan dia boleh jadi lebih hina dari haiwan.

Pada keadaan tertentu sering juga dikatakan bahawa dalam 'masyarakat manusia tidak ada binatang tetapi dalam masyarakat binatang ada manusia'. Binatang tidak mungkin berada dalam kumpulan manusia kerana manusia diciptakan dari sebaik-baik kejadian yang dilengkapi akal dan nafsu. Sebaliknya bagi manusia yang sudah dikuasai nafsu maka selalunya ia berada dalam kumpulan haiwan yang tidak berakal.

Begitulah gambaran keadaan yang berlaku kepada sebilangan manusia ketika ini. Terdapat manusia yang jauh lebih jahat dan ganas dari haiwan. Di mana-mana sahaja di muka bumi ini terjadi segala macam gejala negatif dan perbuatan tidak bermoral yang dilakukan oleh manusia tanpa pertimbangan kewarasan akal dan nilai-nilai kemanusiaan.

Secara global kita menyaksikan pelbagai bentuk kejahatan yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia yang dikuasai oleh nafsu serakah. Di sana sini berlaku kekacauan, peperangan, penindasan, keganasan,

pembunuhan, rompakan, rogol, perkosaan, penderaan dan bermacam kegiatan yang tidak bermoral.

Kita bersyukur kerana negara ini bebas dari peperangan, kekacauan dan penindasan. Rakyat hidup dalam suasana aman, damai dan sejahtera di bumi bertuah yang dicintai ini. Semuanya dapat dinikmati dengan adanya perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini. Keadaan itu juga banyak bergantung kepada nilai-nilai murni kebruneian yang kita amalkan.

Namun dalam era globalisasi yang serba moden ini kita tidak terlepas dari 'ketampiasan' gejala-gejala sosial yang melanda masyarakat dunia ketika ini. Di kalangan masyarakat sudah berlaku keruntuhan moral seperti terlibat dengan penagihan dadah, pergaulan bebas, judi, minum arak, penderaan, rogol, samseng dan banyak lagi.

## MEMBUANG BAYI

Baru-baru ini kita dikejutkan lagi dengan kes pembunuhan seorang bayi (anak damit) berhampiran kawasan pembuangan sampah di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS). Walau pun anak damit tersebut dapat diselamatkan tetapi perbuatan itu adalah amat terkutuk dan tidak berperikemanusiaan.

Lebih parah lagi pernah juga berlaku anak damit yang di

## FOKUS OLEH SAHARI AKIM

buang tempat-tempat yang jauh dari penglihatan orang ramai seperti kawasan pembuangan sampah, di hutan atau ke dalam sungai. Seolah-olah anak-anak damit tersebut tidak mempunyai nilai dan harga, sama sahaja seperti membuang sampah di mana mereka suka.

Sebenarnya anak-anak damit yang tidak berdosanya itu lebih mempunyai nilai dan harga diri disisi Allah Subhanahu Wataala dan masyarakat. Orang yang tidak mempunyai nilai dan harga diri ialah mereka yang membuang bayi tersebut yang jauh lebih hina dan kejam dari haiwan. Betullah seperti yang dikatakan bahawa binatang lagi tahu sayangkan anak atau 'segarang harimau pun tidak memakan anaknya'.

Dalam hal ini di manakah nilai seorang manusia yang dijadikan Allah dengan dilengkapi akal dan fikiran yang sempurna. Di mana peradapan dan tamadun serta nilai-nilai murni seorang insan. Lebih jauh lagi di mana iman, akhlak dan ihsan jika ia dilakukan oleh seorang muslim.

Begitulah jika nafsu jahat sudah menguasai diri manusia. Hilanglah segala rasa kasih sayang dan belas kasihan. Mereka akan lebih malu kepada

manusia tetapi tidak malu dan takut kepada penciptanya Allah Subhanahu Wataala.

Jika kita amat-amati, perbuatan membuang anak damit seumpama itu sama sahaja seperti perbuatan membunuh. Apa tidaknya bayi yang dibuang terdedah kepada bermacam kemungkinan. Anak damit itu akan mati begitu sahaja jika tidak ditemui orang dalam tempoh yang agak lama. Selain cuaca panas atau sejuk dan kelaparan anak damit yang dibuang itu juga akan digigit atau disengat binatang berbisa atau menjadi mangsa kepada anjing atau tikus.

Alangkah aib dan menjijikkan sekali perbuatan membuang anak damit itu. Seolah-olah sebilangan manusia yang bertamadun sudah mahu kembali semula ke zaman jahiliah di mana kanak-kanak perempuan dibunuh atau ditanam hidup-hidup. Sepatutnya perkara tersebut tidak berlaku lagi dalam dunia yang sudah bertamadun ini.

## AGAMA

Dari beberapa kajian yang dibuat kejadian-kejadian jenayah dan anti-sosial sering dilakukan oleh mereka yang tidak terdidik dengan ajaran agama yang sempurna. Mereka juga

kurang mendapat bimbingan mengenai nilai-nilai murni budaya bangsa. Selain dari itu kebanyakan mereka juga tidak mendapat didikan, perhatian dan kasih sayang dari ibu bapa.

Maka masyarakat perlu kembali menghayati dan mengamalkan perintah agama untuk kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat. Islam mendidik umatnya berpandukan hukum yang menyeru kepada kebaikan dan menegah kepada segala kemungkaran. Islam juga mempunyai disiplin dan peraturan yang lengkap serta nilai-nilai murni yang menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan hidup manusia.

Pada masa yang sama kita juga patut menyediakan persekitaran yang sempurna yang boleh mendorong masyarakat melakukan perkara-perkara positif. Persekitaran yang dimaksudkan meliputi bukan sahaja dalam sesebuah rumah tangga malah persekitaran perkampungan, mukim, daerah dan bandar.

## BERSEPADU

Dalam sama-sama menangani isu gejala sosial ini maka kesepaduan kerjasama yang dilakukan oleh pihak kerajaan melalui agensi-agensinya selama ini hendaklah dipertingkatkan. Begitu juga usaha badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat umumnya melalui aktiviti-aktiviti kebajikan hendaklah diperbanyakkan dari masa ke semasa.

Pihak kerajaan dan badan-badan NGO di negara ini telah melaksanakan pelbagai aktiviti dakwah, ceramah-ceramah, motivasi, bengkel-bengkel, kempen-kempen dan seminar-seminar. Sementara pihak media elektronik dan media cetak juga telah sama-sama berperan melalui kaca televisyen dan surat-surat khabar, laman-laman web selain penyebaran poster-poster. Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan juga telah dilaksanakan.

Mungkinkah kita terpaksa memperuntukkan hukuman yang lebih berat kepada pesalah yang melakukan jenayah besar termasuk sebat di khalayak ramai umpamanya. Semua itu merupakan usaha ke arah pencegahan.

Yang penting dari segalanya ialah benteng diri individu itu sendiri iaitu ajaran agama, keimanan, ketaqwaan, akhlak, disiplin, nilai-nilai murni kehidupan selain sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat.

Dalam hal ini kita semua berperanan untuk sama-sama mewujudkan suasana persekitaran yang harmonis dan sejahtera. Sebagai ibu bapa mahu pun selaku individu dalam masyarakat maka adalah wajar untuk sentiasa ingat-mengingati serta menyeru kepada kebaikan dan menjadi contoh yang baik atau 'role model' terutama kepada anak-anak, kaum keluarga serta masyarakat sekeliling.

# 423 dikurniakan pingat kehormatan

**BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Januari.** - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda ke-57 tahun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada seramai 423 orang penerima.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Oleh **Aliddin HM**

Billah. Istiadat Pengurniaan Pingat Kehormatan tersebut berlangsung di Dewan Persantapan Lapau di ibu negara.

Mendahului senarai para penerima pada pagi itu ialah Dato Paduka Awang Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli yang dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) dan diikuti pula oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Dato Seri Setia Haji Metussin bin Haji Baki.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) kepada seramai 58 orang penerima dan 179 orang penerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.) dan 186 orang penerima pula menerima

Pingat Kerja Lama (P.K.L.) yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan kerajaan yang telah berkhidmat dalam kerajaan lebih 20 tahun.

Antara yang berangkat dan hadir di majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet, ahli-ahli Majlis Mesyuarat, diplomat-diplomat negara sahabat, setiasusaha-setiasusaha tetap dan ketua-ketua jabatan.

Setiap penerima pingat mestilah mempunyai rekod bersih dalam semua perkhidmatan dalam kerajaan termasuk keselamatan dalam negara serta tatatertib perkhidmatan.

Bagi memberkati majlis pada pagi itu, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

## TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN BAHAGIAN III

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Pemohonan persatuan-persatuan sukan bagi kebenaran cuti tanpa catat/ke luar negeri * Memproses/menghadapkan permohonan sokongan tanpa catat/kebenaran ke luar negeri ke Jabatan Perkhidmatan Awam * Memaklumkan keputusan yang diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Awam	5 hari bekerja 3 hari bekerja
2.	Pemohonan persatuan-persatuan sukan bagi kelonggaran waktu bekerja/belajar * Memproses/menghadapkan permohonan kelonggaran waktu bekerja bagi pegawai kerajaan/syarikat swasta * Memproses/menghadapkan kelonggaran waktu belajar ke maktab-maktab dan sekolah-sekolah	5 hari bekerja 5 hari bekerja

# Laksanakan Pelan Pengurusan ATUDB

**KAMPONG RIMBA, 23 Januari.** - Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) akan melaksanakan Pelan Pengurusan ATUDB bermula bulan April ini sebagai menggantikan arahan Pemerintah ATUDB yang lazim digunakan, jelas Pemerintah ATUDB, Kolonel Haji Mahmud bin Haji Saidin.

Menurutnya, pelan berkenaan sedang dalam proses sekarang sebelum diguna pakai April ini yang juga sebagai menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai proses persejajaran di mana Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) terlibat dalam proses persejajaran Pelan Strategik ABDB.

Oleh **Abdullah Asgar**

Katanya, ATUDB akan mempunyai sasaran bagi memperbaiki pengurusan proses yang ada ke tahap yang sebanding dengan tahap antarabangsa. ATUDB juga mempunyai sasaran bagi melahirkan tenaga kerja yang bermotivasi, terlatih dan sesuai untuk jawatannya.

Oleh itu, jelasnya pencapaian sasaran tersebut akan disukat melalui pengumpulan fakta-fakta, penglibatan, sokongan, komitmen dan usaha gigit semua anggota yang beruniform dan ahli-ahli awam di ATUDB. Dengan demikian tegasnya, ATUDB akan

yang lain dan meningkatkan tahap profesional ahli-ahlinya.

Katanya, ATUDB akan mempunyai sasaran bagi memperbaiki pengurusan proses yang ada ke tahap yang sebanding dengan tahap antarabangsa. ATUDB juga mempunyai sasaran bagi melahirkan tenaga kerja yang bermotivasi, terlatih dan sesuai untuk jawatannya.

Oleh itu, jelasnya pencapaian sasaran tersebut akan disukat melalui pengumpulan fakta-fakta, penglibatan, sokongan, komitmen dan usaha gigit semua anggota yang beruniform dan ahli-ahli awam di ATUDB.

Dengan demikian tegasnya, ATUDB akan

menekankan tanggungjawab dan 'accountability' dalam pelaksanaan pelan tersebut di mana tanggungjawab setiap pemimpin untuk melaksanakan tugas masing-masing dan memastikan ahli-ahli yang dipimpinya melaksanakan tugas serta tanggungjawab tindakan yang mereka ambil.

Cawangan latihan kali ini menerima Anugerah Cawangan Cemerlang 2003, manakala Cawangan Gerakan diberikan Anugerah Terbaik Disiplin dan Cawangan Logistik menerima Anugerah Terbaik Jasmani, sementara Koperasi Suraya Mohammad dipilih sebagai olahragawati dan olahragawan diterima oleh Staf Sarjan Rosdi Kapal.

# LAWA PM BA

Gambar-gambar oleh Halim HS, Masri Osman, dan Mohd. Zulfizli



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Sultan Haji Hassanat Bolkiah Mu'izzaddin dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berhadapan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh Terutama Begum Khaleda Zia di Majlis Iman (kiri).



BERBUAH BUNDA dan Perdana Menteri Bangladesh Begum Khaleda Zia berhadapan Perdana Menteri Brunei Darussalam Yang Di-Pertuan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Pengiran Anak Hajah Saleha (kiri).

BAGINDA Menteri Bangladesh Begum Khaleda Zia berhadapan Menteri Kanan Brunei Darussalam Datuk Seri Pengiran Haji Sa'adatul Bolkiah (kiri).

BAGINDA Menteri Bangladesh Begum Khaleda Zia berhadapan Menteri Kanan Brunei Darussalam Datuk Seri Pengiran Haji Sa'adatul Bolkiah (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Pengiran Anak Hajah Saleha berhadapan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh Terutama Begum Khaleda Zia (kiri).



DULI Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Kalthum Al-Islami ketika berhadapan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh Terutama Begum Khaleda Zia (kiri).

# TAN RASMI ANGLADESH



BAGINDA ketika berkenan mengurniakan titah (kiri).

BAGINDA berdua ketika berkenan menerima menghadap Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh sejourus sebelum Majlis Santap (atas).

MENGAMINKAN DOA... Baginda berdua berserta Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia ketika menadah tangan mengaminkan doa (kanan).



BERANGKAT sama bagi menghadiri Majlis Santap itu ialah putera-putera dan puteri baginda, adinda-adinda baginda serta kerabat-kerabat diraja (atas kiri, atas, kiri sekali dan kiri).





PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun ketika berucap di Majlis Mesyuarat Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung. Majlis berlangsung di Jabatan Daerah Brunei dan Muara. - Gambar oleh Ramli Tengah.

## RTB wujudkan bekal maklumat mesra pelanggan

Oleh  
Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Januari. - Pengarah Radio dan Televisyen Brunei (RTB), Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamed berkata, penggunaan Sistem Penerbitan Rangkaian Berita Elektronik (ENPS) di Bahagian Balai Berita RTB merupakan satu pencapaian RTB dalam membekalkan maklumat dan satu mercu tanda dalam pelaksanaan e-Kerajaan dalam usaha mewujudkan suasana pentadbiran kerajaan lebih lancar, efisien dan mesra pelanggan.

Menurut beliau, di samping itu RTB akan melaksanakan projek-projek lain termasuk sistem rangkaian dalam pelbagai bidang yang akan membawa kepada perubahan siaran RTB kepada sistem digital.

Beliau menyatakan demikian di Majlis Penandatanganan Perjanjian Bagi Pemasangan dan Penyediaan ENPS bernilai \$685,000.00 di Balai Berita, RTB yang diandatangani beliau bagi pihak RTB, manakala Syarikat Techtel Asia Tenggara Sendirian Berhad diwakili oleh Pengurus Jualan Serantau, Awang Saifuddin bin Mohd. Sani.

Bahagian Balai Berita,

RTB menggunakan sistem berkenaan dalam penyediaan, penerimaan dan penyuntingan berita daripada agensi-agensi sumber berita seluruh dunia.

Sistem berkenaan merupakan sistem yang pertama digunakan di negara ini dan RTB merupakan pengguna pertama di serantau sebelah sini dan dijangka beroperasi penghujung bulan ini.

Sebanyak 40 set komputer dan enam set 'notebook' dipasang bagi kegunaan penyuntingan dan penyediaan skrip. Sistem ini akan menyediakan laluan 'online' kepada semua agensi-agensi sumber berita semasa RTB, ASP, EPTN, REUTERS dan TV REUTERS dengan keupayaan menampung sehingga 16 perkhidmatan serupa atau hubungan 'dial-in' antara pemberita.

Sistem ini turut digunakan dengan meluas oleh 400 buah stesen radio dan televisyen seluruh dunia dalam 60 bahasa. Antara rangkaian terbesar yang menggunakan sistem tersebut ialah BBC dan ESPN.

# Nilai pencapaian dalam laksanakan tugas, t-jawab

BERAKAS, 21 Januari. - Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun bin Haji Ismail berkata, para penghulu dan ketua kampung perlu merenung dan menilai sejenak kejayaan dan pencapaian yang telah mereka harungi sepanjang 2003 dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah digariskan dalam Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 sudah tercapai.

Menurut beliau, pihak-pihak berkenaan sering menyarankan peranan yang perlu para penghulu dan ketua kampung mainkan khususnya sikap pemedulian dan perkhidmatan yang perlu diberikan kepada anak buah mukim dan kampung masing-masing.

Sehubungan itu, beliau juga menyeru para penghulu dan ketua kampung menilai sejauh mana mereka sudah memberikan pemedulian dan perkhidmatan yang diharapkan. Dalam waktu yang sama para penghulu dan ketua kampung selaku akar umbi akan dinilai oleh anak-anak buah kampung serta orang ramai dalam soal kepimpinan.

Menurut beliau, masa ini, kita boleh sahaja menerima rungutan dan aduan-aduan bukan sahaja dari mulut ke mulut malah juga daripada surat-surat akhbar dan juga internet.

"Jika kita benar-benar melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan

baik, setentunya tidak akan timbul aduan-aduan yang negatif. Jikapun ada aduan-aduan negatif ianya tidak akan mengusarkan dan menjejaskan kewibawaan kita kerana kita sebenarnya telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cara yang baik dan berkesan," ujar beliau.

Para penghulu dan ketua kampung, jelas beliau, adalah orang yang penting di mukim dan kampung kerana maju mundurnya, bersatu atau berpecahnya masyarakat di mukim-mukim dan kampung banyak dipengaruhi oleh kepimpinan, kewibawaan serta pembawaan penghulu dan ketua kampung itu sendiri.

"Para penghulu dan ketua kampung juga dikatakan sebagai mata, telinga dan lidah antara kerajaan dan orang ramai, di samping sebagai penawar sumber inspirasi rakyat kepada anak-anak buah masing-masing," tambah beliau.

Menurut beliau lagi, kepimpinan para penghulu dan ketua kampung akan dinilai antaranya dari aspek pemedulian. Dalam hal ini, para penghulu dan ketua kampung hendaklah sentiasa siap sedia dan mudah untuk dijumpai kerana sikap sedemikian adalah ciri-ciri asas pemedulian yang perlu wujud di kalangan para penghulu dan ketua kampung. Jangankan sampai terdengar sebarang rungutan dan aduan bahawa penghulu dan ketua kampung susah untuk dijumpai dan di-

Oleh  
Haji Ahmad HS

bawa untuk berunding.

Melalui sumber-sumber secara rambang, jelas beliau, pernah terdengar adanya sebahagian kecil penghulu dan ketua kampung memang sukar untuk di-jumpai. Ada antaranya mewakili salah seorang ahli keluarga untuk melayani mereka yang hendak berurusan, ada pula yang lama untuk 'mengeluari' mereka yang ingin berjumpa dan ada pula yang menghadkan masa untuk berjumpa di waktu siang sahaja.

Di samping itu, terdapat juga penghulu dan ketua kampung yang menonjolkan sikap yang kurang manis bila bercakap dan seribu macam perangai yang boleh saja mengugris perasaan anak buah kampung.

Dalam hubungan itu, beliau menasihatkan bahawa kita perlu melihat reaksi orang ramai sebagai suatu yang positif dengan bertindak untuk tidak akan tergolong mereka yang sukar dan payah untuk dijumpai.

Seperti yang dijelaskan, ujar beliau, penghulu dan ketua kampung bukan hanya dinilai oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri malah juga dinilai oleh anak-anak buah kampung dan orang ramai.

Oleh itu, tegas beliau, semua penghulu dan ketua kampung perlu sama-sama

menjaga imej institusi penghulu dan ketua kampung, di samping dapat meningkatkan pemedulian dan tanggungjawab yang diamanahkan seperti pembahagian elauu pencen tua dan bantuan kebajikan.

Menurut beliau, walaupun penghulu dan ketua kampung tidak dikehendaki untuk menghantar elauu pencen tua dan bantuan kebajikan ke rumah penerima, tetapi adalah wajar dan bijaksana ianya dihantar ke rumah-rumah penerima berkenaan kerana inilah peluang untuk mereka melihat keadaan rumah-rumah berkenaan dan sekelilingnya.

Beliau juga menasihatkan para penghulu dan ketua kampung supaya walaupun mereka mempunyai kesulitan, mereka harus mencuba mengatasinya. Jika tidak dapat dilaksanakan, minta bantuan kepada orang lain untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab berkenaan.

Beliau menyatakan nasihat dan saranan itu dalam Mesyuarat Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung bersama Pegawai Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Antara agenda mesyuarat bulanan itu ialah mengesahkan minit mesyuarat yang diadakan pada 25 Jun 2003 dan seterusnya membincangkan perkara-perkara berbangkit, mendengarkan laporan Majlis Perundangan Mukim dan Kampung dari penghulu-penghulu mukim dan

membentangkan cadangan-cadangan tahun 2004 Majlis Perundangan Mukim dan Kampung daripada penghulu-penghulu mukim.

Ketika ini terdapat seramai 99 orang penghulu dan ketua kampung daripada 17 buah mukim di Daerah Brunei dan Muara.



PENGARAH RTB, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail dan Pengurus Jualan Serantau, Syarikat Techtel Asia Tenggara Sendirian Berhad, Awang Saifuddin bin Mohd. Sani ketika menandatangani perjanjian pemasangan dan penyerahan ENPS (atas), sementara gambar bawah, Pengarah RTB berucap di majlis itu (atas dan bawah). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.





TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Othman menyampaikan bantuan peralatan sekolah sumbangan HSBC dan PSW kepada seorang pelajar. - Gambar oleh Masri Osman.

## 160 penuntut terima bantuan HSBC, PSW

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Januari - Seramai 160 penuntut dari 13 buah sekolah kerajaan di seluruh negara telah menerima bantuan alat-alat tulis dan wang daripada Hongkong and Shanghai Bank Corporation (HSBC) dan Persatuan Siswazah Wanita (PSW), Negara Brunei Darussalam.

Pemberian bantuan peralatan sekolah ini adalah salah satu program di bawah projek jangka panjang persatuan PSW yang dinamakan 'Save Our Children'.

Hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Bantuan Alat-alat Sekolah kepada penuntut-penuntut yang berdaftar di bawah program 'Save Our Children' ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Othman bagi menyampaikan bantuan peralatan sekolah tersebut.

Juga hadir ialah Timbalan Pengarah Urusan HSBC, Mr. Simon Williams dan juga Yang Dipertua PSW, Dayang Hajah Intan binti Haji Mohd. Kassim.

Dalam ucapan alu-aluannya Yang Dipertua PSW menyatakan bahawa PSW mempunyai beberapa program di bawah projek ini seperti sponsor a child programme dan cadangan untuk mengadakan sebuah rumah bagi penuntut-penuntut yang memerlukan di mana program ini akan dikemaskini lagi pengurusan-pada tahun 2004.

"Pada tahun 2003, PSW telah selesai menguruskannya 'compilation of database' bagi penuntut-penuntut sekolah yang memerlukan di mana pengumpulan database tersebut telah dapat diusahakan dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan

Oleh Ak. Jefferi PD

dan juga guru-guru besar dan guru-guru berkenaan di sekolah-sekolah kerajaan di negara ini," tambahnya.

Yang Dipertua PSW seterusnya menambah, pada masa ini terdapat seramai 280 nama penuntut di dalam database PSW yang akan terus dikemaskini setiap tahun di mana dengan adanya database akan memudahkan PSW untuk mengungkayahkan program 'sponsor a child' dan bantuan peralatan sekolah dengan lebih berkesan dan sistematik pada tahun 2004 ini dan tahun-tahun seterusnya.

"PSW juga menyeru kepada pihak-pihak swasta supaya akan dapat menyokong persatuan ini dalam program-program di bawah 'Save Our Children' kerana tanpa bantuan semua dari segi kewangan program ini tidak akan berjaya," tambah Yang Dipertua PSW.

Kebanyakan penuntut yang diberikan sokongan oleh guru besar sekolah untuk menerima bantuan tersebut adalah berdasarkan latar belakang

keluarga penuntut yang berpendapatan rendah selain pelajar-pelajar yang cemerlang dalam pelajaran mereka.

Selain HSBC yang sering memberikan sokongan dan bantuan dalam projek jangka panjang PSW 'Save Our Children' turut memberikan bantuan ialah BLNG Sdn. Bhd.

Ahli PSW, yang masing-masing mempunyai keahlian dalam bidang-bidang tertentu, berhasrat untuk membimbing dan memberikan apa jua yang dapat dibantu sehingga mereka ini menjadi golongan yang terpelajar kerana mereka merupakan aset masa depan Negara Brunei Darussalam.

PSW adalah non-profit organization dan tidak mengambil apa-apa keuntungan daripada program-program yang diungkayahkan dan segala program yang diaturnya adalah semata-mata sebagai sumbangan tenaga kepada masyarakat.

Kira-kira 90 peratus ahli-ahli PSW terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang telah banyak menggunakan masa lapang mereka untuk mengungkayahkan program-program di bawah projek ini.

# Pengusaha kraf tangan perlu sentiasa ikuti arus globalisasi ICT

Oleh Haji Ahmad HS

Di negara kita Brunei Darussalam, jelas beliau, perusahaan pertukangan tangan telah mendapat tempat dan wujud sekian lama selain sebagai penimbal atau mata pencarian para pengusaha kraf tangan. Manakala mutu produk yang dihasilkan juga tidak kurang hebatnya dan setanding dengan yang dihasilkan oleh negara-negara luar dan dapat diketengahkan dalam pasaran.

Beliau berharap, bengkel berkenaan sekurang-kurangnya memberi inspirasi, dorongan dan sebagai landasan dalam menggarap kemahiran dan

kaedah yang telah ditunjuk ajar oleh para pakar.

Bengkel dua hari setengah itu dihadiri oleh 17 peserta terdiri daripada para pegawai kerajaan dan pengusaha tempatan.

Sepanjang bengkel itu, mereka ditunjuk ajar kaedah-kaedah dan cara berkesan dalam mempromosikan produk yang dihasilkan berpandukan kepada pengalaman para pengusaha dan kepakaran di negara Jepun.

Selain itu mereka juga akan dibimbing bagaimana untuk menghayati dan memastikan kaedah yang digunakan itu dapat dimanfaatkan kepada syarikat-syarikat mereka dan membentuk strategi-strategi dan pelan-pelan tindakan dalam mempromosikan dan mengem-

bangkan produk-produk berkenaan agar dapat menembusi pasaran.

Bengkel itu adalah anjuran bersama Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Pusat ASEAN-Jepun (AJC) dan dikendalikan oleh seorang pakar dari Jepun yang juga Presiden Y's Worth Corporation, Yoko Kawaguchidengan.

Matlamat bengkel adalah untuk membincangkan cara terkini dalam mempromosikan produk tempatan dalam menembusi pasaran antarabangsa, mengetahui dan memahami teknik promosi yang bersesuaian dan merangka serta menyusun pelan tindakan bagi program 'Mempromosikan Produk Tempatan'.



KETUA Bahagian Promosi dan Perkembangan Keusahawanan KPSSU, Pengiran Metali bin Pengiran Haji Damit (tengah) berharap agar para pengeluar kraftangan tempatan kekalkan identiti dan reka bentuk. - Gambar oleh Harun HR.

## KAWALAN 'BIRD FLU' DIPERKETATKAN

JABATAN Pertanian. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memaklumkan kepada orang ramai agar tidak merasa cemas tentang laporan-laporan mengenai wabak penyakit 'Bird Flu' yang dilaporkan berlaku di beberapa negara Asia baru-baru ini. Penyakit 'Bird Flu' juga dikenali sebagai 'Avian Influenza', 'selesema ayam' dan 'selesema burung'.

Jabatan Pertanian telah melaksanakan usaha-usaha pengawalan bagi memperketatkan lagi peraturan-peraturan kurantin haiwan dalam usaha mencegah kemungkinan berlaku penularan penyakit tersebut ke negara ini. Tindakan tidak membenarkan kemasukan

burung iaitu termasuklah ayam dan spesies dengannya sama ada hidup atau sebaliknya dari negara-negara dijangkiti serta negara-negara yang berisiko tinggi adalah bertujuan melindungi kepentingan di negara ini.

Usaha memantau status penyakit tersebut di negara-negara berkenaan akan terus dilakukan sehingga keadaan menjadi pulih dan selamat. Dalam hubungan tersebut, jabatan akan terus memperketatkan langkah-langkah pengawalan supaya berjaga-jaga bagi menangani kemungkinan berlakunya penyakit 'selesema ayam' di ladang-ladang ayam di seluruh negara melalui pemantauan yang berterusan.



PARA penuntut yang berdaftar di bawah Program 'Save Our Children' ketika hadir bagi menerima wang dan peralatan sekolah sumbangan HSBC dan PSW. - Gambar oleh Masri Osman.



TIMBALAN Laksamana Ernesto Hernandez mengadakan kunjungan hormat kepada Pemerintah ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi di Bolklah Garison. - Gambar oleh Masri Osman.

# Brunei - Filipina eratkan hubungan dua hala

BERAKAS, 21 Januari. - Kunjungan Timbalan Laksamana Ernesto Hernandez ke Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mewujudkan kesefahaman yang lebih baik bagi mengeratkan lagi hubungan dua hala di bidang pertahanan antara kedua-dua belah pihak.

Oleh Samle HJ

mi selama tiga hari ke sini, Timbalan Laksamana Ernesto Hernandez telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pemerintah ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof di Bolklah Garison di sini.

Sepanjang lawatan ras-

Kunjungan Timbalan Laksamana itu diiringi oleh Pemerintah Angkatan Tentara Laut Diraja Brunei, Kolonel (L) Joharie bin Haji Matussin. Juga hadir ialah Duta Besar Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Virginia H. Benavidez.

Lawatan itu merupakan lawatan perkenalan beliau sejak dilantik ke jawatan berkenaan pada 20 Feb-

ruari lalu bagi menggantikan Timbalan Laksamana Vicorina Hingo yang telah bersara.

Timbalan Laksamana mula menjadi kadet bagi Akademi Ketenteraan Filipina pada tahun 1968 dan seterusnya meningkatkan kerjaya dengan menimba banyak pengalaman terutama dalam bidang angkatan laut dalam dan di luar negara sehingga memegang jawatan sekarang.

# KEGIATAN EKONOMI MAMPU SEDIAKAN LEBIH 3,000 PEKERJAAN SETAHUN

BERAKAS, 20 Januari. - Menurut perangkaan sejak sepuluh tahun kebelakangan ini kegiatan ekonomi di negara ini telah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan pada kadar purata lingkungan tiga peratus atau 3,000 ke 4,000 pekerjaan setahun.

Perangkaan buruh di beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan peningkatan bilangan rakyat dan penduduk tetap yang bekerja di sektor swasta yang mana pada tahun 2,000 seramai 23,535 orang berkhidmat di sya-

rikat swasta iaitu sekitar 26 peratus dari jumlah tenaga kerja seramai 90,258 orang di sektor berkenaan ketika itu.

Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Kamis bin Haji Tamin menjelaskan, kadar itu meningkat kepada 28 peratus pada tahun 2002 yang mana terdapat 27,784 orang pekerja tempatan dari bilangan 100,591 orang pekerja yang ada di sektor swasta dan pada tahun yang sama juga terdapat sebanyak 140,600

Oleh Bolhassan HAB

pekerjaan di negara ini.

"Trend peningkatan ini walaupun pada kadar yang rendah, tetapi ia menunjukkan kesedaran yang besar di kalangan pencari kerja tempatan dan juga majikan yang mula menyedari bahawa tenaga dari anak tempatan itu adalah sebanding atau lebih baik berbanding tenaga kerja asing yang pernah mereka ambil terdahulu,"

jelas Awang Haji Kamis.

Sehubungan itu, anak-anak tempatan disaran supaya tidak bersandar kepada sektor kerajaan semata-mata bagi mendapatkan pekerjaan disebabkan peluang-peluang di sektor awam semakin terhad.

Berucap di Majlis Taklimat Skim Lanjutan Latihan Kemahiran Industri dan Teknologi Info-Komunikasi, Awang Haji Kamis seterusnya berkata, "Berlainan keadaannya di sektor swasta di mana kera-



KETUA Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Kamis bin Haji Tamin.

jaan melalui dasar-dasar dan Rancangan Kemajuan Lima Tahun menghendaki

sektor swasta sebagai teras kepada pembangunan ekonomi dan seterusnya memainkan peranan penting dalam membekalkan peluang pekerjaan bagi anak tempatan."

Data pekerjaan di negara ini menunjukkan bahawa peluang pekerjaan yang sedia ada di sektor swasta adalah mencukupi dari segi bilangan untuk membekalkan kerajaan kepada semua anak tempatan yang mencari pekerjaan.

"Kita menyedari antara peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan itu ada di antaranya tidak digemari oleh anak-anak tempatan dan ini memanglah difaha-

mi, akan tetapi apabila diamati masih juga terdapat jenis-jenis pekerjaan yang sesuai dan menarik kepada anak-anak tempatan tetapi masih diisikan oleh pekerja-pekerja asing," katanya.

Walau bagaimanapun, ujarnya, dasar kerajaan dalam hal tersebut adalah jelas bahawa di samping masih memerlukan tenaga asing, keutamaan adalah diberikan kepada anak-anak tempatan untuk mengisi jawatan-jawatan yang bersesuaian yang tertakluk kepada kebolehan dan komitmen mereka untuk memenuhi keperluan majikan.

# Sentiasa peka terhadap gejala sosial

GADONG, 21 Januari. - Timbalan Pengarah Siasatan Jenayah I, Penguasa Kanan Polis Haji Abdul Rahim bin Haji Md. Noor

menyeru semua Ahli-ahli Jawatankuasa (AJK) Kejiranan Kampung supaya sentiasa peka akan perkara-perkara atau aktiviti-akti-

viti gejala sosial, jenayah atau perbuatan yang melanggar peraturan dan akta kerajaan.

Beliau yang selaku Pe-

ngurus Pengawasan Kejiranan Kampung Seluruh Negara menggesa semua AJK Kejiranan Kampung supaya melaporkan segala

Oleh Abdullah Asgar

perbuatan yang dimaksudkan tersebut kepada agensi-agensi kerajaan yang bersangkutan mengikut bidang kuasa masing-masing.

"AJK Pengawasan Kejiranan Kampung juga perlu mengumpulkan ahli-ahlinya untuk bermuafakat dalam usaha pembanteraan jenayah dan menjalankan rondaan malam bagi menjamin keamanan serta keselamatan kampung masing-masing," katanya.

Penguasa Kanan Polis Haji Abdul Rahim membuat seruan tersebut di Majlis Muzakarah Ahli-Ahli Jawatankuasa Pengawasan Kejiranan Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ), Mata-Mata.

Menurut beliau, dengan cara bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain sudah setentunya akan dapat mengurangkan kadar jenayah di kawasan, kampung atau mukim masing-masing.

Katanya, AJK Kejiranan Kampung mempunyai kuasa untuk menangkap orang-orang yang membuat kesalahan jenayah yang kemudiannya menyerahkan kepada agensi-agensi yang tertentu atau terus kepada Pasukan Polis Diraja Brunei untuk diambil tindakan menurut undang-undang.

Jelasnya, kuasa AJK Kejiranan Kampung adalah sangat terhad untuk menangkap sahaja dan selebihnya akan diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

Tambahnya, majlis seumpama itu akan juga

dilanjutkan kepada daerah-daerah lain di negara ini dalam usaha untuk mengurangkan dan memberantas kadar jenayah agar negara ini akan lebih aman dan tenteram.

Lebih 50 AJK Kejiranan Kampung STKRJ, Mata-Mata hadir di majlis itu berpeluang mengadakan sesi soal jawab bersama Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan-jabatan Buruh, Imigresen, Pengangkutan Darat, Syariah dan Kastam dan Eksais Diraja.

STKRJ Mata-Mata adalah di bawah Mukim Gadong dan hingga sekarang belum mempunyai ketua kampung yang sedikit-sebanyak menyukarkan anak-anak buah kampung untuk membuat aduan atau mengadakan permuakarahannya penduduk-penduduk kampung.



TIMBALAN Pengarah Siasatan Jenayah I, Penguasa Kanan Polis, Awang Haji Abdul Rahim bin Haji Md. Noor (empat dari kiri) semasa hadir di majlis berkenaan. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

# Mengenang jasa



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan mengetuai Majlis Membaca Surah Yaasin, Tahليل dan Membaca Doa Arwah khusus bagi Allahyarham Mata-Mata 2309 Awang Mohd. Izzat. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Oleh Samle HJ

**BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Januari.** - Jasa anggota Polis, Allahyarham Mata-mata 2309 Awang Mohd. Izzat yang meninggal dunia ketika menjalankan tugas telah dikenang.

Majlis membaca surah Yaasin, Tahليل dan Membaca Doa Arwah khusus bagi Allahyarham telah diadakan di Tanah Perkuburan Islam, di Jalan Residency, di sini.

Kira-kira 150 pegawai dan kakitangan anggota Pasukan Polis Diraja

Brunei termasuk Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan hadir di majlis berkenaan dan seterusnya menjurus aying asah-asahan ke pusara Allahyarham.

Sebelum kembali ke rahmatullah, Allahyarham telah bertugas di Jabatan Siasatan Kawalan Lalu Lintas.

Majlis berkenaan juga adalah bagi menyambut ulang tahun penubuhan Pasukan Polis Diraja Brunei ke-83 tahun.

Oleh Samle HJ

## Projek Pilot bermula April ini Perlaksanaan FTC Brunei - Malaysia



PENGARAH Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Sa Bali bin Abas hadir di Mesyuarat Dua Hala dan Harmonisasi Urusan Imigresen di antara Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam dengan Jabatan Imigresen Malaysia. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

JERUDONG, 20 Januari. - Perlaksanaan Kad Perjalan Kerap (Frequent Travellers Card) di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia merupakan salah satu pencapaian pada Mesyuarat Dua Hala dan Harmonisasi Urusan Imigresen di antara Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan Jabatan Imigresen Malaysia berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini.

Bagi peringkat awal, kedua-dua agensi itu bersetuju untuk melaksanakannya secara berperingkat-peringkat di mana projek pilot akan diperkenalkan bagi memastikan sistem itu sesuai untuk dilaksanakan dan keberkesannya dalam memudahkan lagi perjalanan di antara kedua-dua buah negara.

"Kita bukan hanya melihat dari aspek mempermudah perjalanan, tetapi kedua-dua belah pihak juga mengambil berat mengenai aspek-aspek penguatkuasaan supaya jangan sampai kemudahan yang dicipta itu akan memberi kesan yang negatif," jelas Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Awang Sa Bali bin Abas kepada wakil PELITA BRUNEI.

Projek Pilot itu akan bermula bulan April tahun ini di mana seribu orang dari kedua-dua buah negara akan diberikan, dan akan dimulakan beroperasi di Pos Kawalan Sungai Tujoh, sementara pihak Malaysia akan mengadakan di Pos Kawalan Miri.

Warga Negara Brunei Darussalam akan menggunakan Kad Pengenalan Pintar (KPP), manakala warganegara Malaysia akan menggunakan Mykad bagi tujuan penggunaan (FTC) tetapi mereka hendaklah mem-

bawa pasport bersama mereka.

Menurut Awang Sa Bali, satu pengumuman akan dibuat mengenai tarikh mula menerima permohonan, dan bagi mereka yang ingin menyertainya boleh berhubung terus ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Ketika ditanya mengenai ciri keselamatan FTC, beliau menjelaskan KPP yang dikeluarkan di negara ini memang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang sendiri dan akan menyulitkan bagi mana-mana orang yang akan menyalahgunakan kad berkenaan.

Awal dari itu, beliau melahirkan rasa gembira hasil mesyuarat yang berjalan dengan baik, semangat kerjasama yang erat di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia di samping melihat sesuatu masalah dan kepentingan bersama akan dirujuk

kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Ketua Pengarah Imigresen Malaysia, Datuk Mohd. Jamil Kamdi pula menjelaskan pihaknya terus mengkaji keperluan bagi mengadakan pos kawalan yang beroperasi 24 jam atau lebih dari masa yang ditetapkan.

"Kita akan melihat keperluan penggunaan di pos-pos kawalan berkenaan, jika tidak ada yang menggunakan seperti waktu yang ditetapkan ia akan merugikan dari segi tenaga sumber manusia," ujarnya ketika ditemu bual.

Ketika ini, waktu operasi di pos-pos kawalan memang dibincangkan di mana di Sungai Tujoh dan Kuala Lurah, Puni Temburong dan Labu Temburong dibuka bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam, manakala Feri Terminal bermula 6.00 pagi hingga 6.00 petang.

Mesyuarat selama dua hari itu merupakan kali ke tiga dalam rangka kerjasama Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan jabatan imigresen seluruh Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan, Sarawak dan Sabah.

Perjumpaan kali ini juga mencapai beberapa kemajuan hasil mesyuarat lepas di Miri, Sarawak di mana pihak Brunei Darussalam telah memaklumkan mengenai pembedaan hala masuk ke Pos Kawalan Kuala Lurah dan Pos Kawalan Putat yang telah beroperasi pada 1 Disember 2003.

Pihak Imigresen Malaysia telah mengumumkan Pos Kawalan Sementara Terusan Bazaar Lawas, Sarawak telah mula beroperasi, sementara Pos Kawalan Sungai Tujoh,

Miri Sarawak telah menambah tiga lagi kaunter imigresen.

Mesyuarat yang juga membincangkan perkembangan mesyuarat yang dilaksanakan dicadangkan sebelum ini juga berpeluang membincangkan pelbagai isu yang relevan kepada tugas-tugas dan tanggungjawab jabatan.

Mesyuarat dua kali dalam setahun itu dipekerusi bersama Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Sa Bali dan Ketua Pengarah Imigresen Malaysia, Datuk Mohd. Jamal Kamdi. Mesyuarat itu juga memperbaharui kesempatan kedua-dua belah pihak untuk bersua muka dengan semangat sedia kawan bagi memperbaharui lagi kerjasama yang sudah sedia terjalin di antara agensi kerajaan kedua-dua buah negara.

# SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA ini sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

**Ruangan Surat Pembaca,  
PELITA BRUNEI,  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama  
Berakas BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.**

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

## BUKU '8 DISEMBER DALANGNYA SIAPA?' BERAT SEBELAH

BUKU '8 Disember Dalangnya Siapa' telah pun terbit dan mula terjual di kedai-kedai buku. Setelah lebih 40 tahun peristiwa itu berlaku baru sekarang buku tersebut terbit.

Bila kita membaca dari awal hingga akhir buku berkenaan, kita dapati kandungannya berat sebelah kerana pengarangnya tidak mencatat permesyuaratan Dewan Undangan Negeri yang telah ditetapkan pada 5 Disember 1962 telah dibatalkan oleh Yang Dipertua Dewan atas nasihat British.

Dengan pembatalan tersebut, PRB telah menggunakan senjata sulitnya iaitu TNKU untuk melancarkan pemberontakan bersenjata, rakyat dan penduduk yang tidak berdosa telah terkorban. Isteri kehilangan suami dan anak-anak kehilangan bapa dan banyak lagi kesulitan dihadapi rakyat yang tidak berdosa. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah segera menghulurkan bantuan kepada isteri-isteri dan anak-anak mereka berupa barang-barang makan dan sedikit wang saku.

Sekiranya Dewan Mesyuarat tidak dibatalkan mesyuaratnya pada 5 Disember 1962 dan terus mengadakan mesyuaratnya dengan usul PRB meminta Brunei mencapai Kemerdekaan pada 1963 dan Ahli-ahli Dewan di mana Ahli PRB menang hampir kesemua kerusi dalam Dewan melalui Pilihan Raya pada bulan Ogos 1962 dapat dibahaskan oleh Ahli Dewan berkenaan. Kita percaya PRB tidak akan melakukan pemberontakan kerana mereka (PRB) telah menang dalam Pilihan Raya tersebut dan dapat bersidang dalam permesyuaratan yang memang sudah menjadi cita-cita rakyat selama ini, berunding adalah lebih baik bagi membuat penyelesaian melalui Dewan Undangan Negeri. Sekarang apa sudah terjadi, disebabkan pembatalan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri pada 5 Disember 1962 itu PRB telah putus asa dan terpaksa mengangkat senjata pada 8 Disember 1962.

Sekarang Negara Brunei Darussalam sudah pun merdeka pada 1984 atas kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Tahun 2004 genaplah 20 tahun Brunei Merdeka. Seluruh rakyat dan penduduk negara ini hidup aman damai di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Semoga negara dan sultan terus di bawah lindungan Allah jua. Amin.

Anak Dagang,  
Tutong.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar (tengah) menyatakan sesuatu di Majlis Perjumpaan bersama para pengusaha bas pengangkutan awam dengan agensi-agensi kerajaan. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

# Patuhi zon-zon yang ditetapkan, pastikan perkhidmatan tidak terjejas

BERAKAS, 24 Januari - Perangkaan pada tahun 2003 menunjukkan sebanyak 118 buah permit telah dikeluarkan bagi bas pengangkutan awam. Daripada jumlah itu hanya 87 buah yang masih aktif, manakala 24 buah lagi tidak beroperasi iaitu 20 peratus dari jumlah bas yang diberikan permit. Peratus ini adalah dikira tinggi jika dibandingkan dengan bilangan penumpang yang diangkut.

Dalam hubungan ini, Kementerian Perhubungan menyeru semua para pengusaha bas awam supaya memastikan bahawa bas-bas yang mereka miliki diperbaiki secepatnya supaya tidak menjejaskan perkhidmatan pengangkutan awam.

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyatakan perkara itu di Majlis Perjumpaan bersama para pengusaha bas pengangkutan awam dengan agensi-agensi kerajaan kelolaan Kementerian Perhubungan yang berlangsung di Kementerian Perhubungan.

Menurut beliau, kekeperluan perjalanan bas melalui zon-zon yang telah ditetapkan hendaklah ditambah dan jangan menunggu bas penuh baru berjalan dan laluan yang telah diberikan hendaklah dipatuhi. Jangan ada yang membuat jalan pintas

Oleh  
Haji Ahmad HS

kerana memikirkan tidak ada orang yang menunggu perkhidmatan berkenaan, perkara ini selalu dilaporkan ke Kementerian Perhubungan.

Menurut beliau, bagi memastikan semua kenderaan termasuk bas-bas pengangkutan awam berada di dalam keadaan selamat untuk dipandu, Kementerian Perhubungan dengan bantuan beberapa jabatan kerajaan sedang dalam proses pelaksanaan projek pembinaan pusat-pusat pemeriksaan kenderaan bagi Daerah Tutong dan Temburong.

"Penyiapan pembinaan pusat-pusat pemeriksaan itu nanti akan dapat membantu semua pihak termasuk pengusaha-pengusaha bas awam memberikan perkhidmatan mereka dengan lebih selamat, memuaskan dan berkesan," jelas beliau.

Sementara itu, Pusat Pemeriksaan Kenderaan di Gadong akan diperbaiki dengan menambah kakitangan yang bertugas di setiap tempat yang memerlukan pemberian perkhidmatan yang cekap.

Ke arah itu, tambah beliau, Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat telah dan

sedang mengatur langkah memperbaiki sistem dan efisiensi pengangkutan awam di samping beberapa projek bagi memperbaiki sistem pengangkutan awam telah dan sedang dilaksanakan melalui rancangan kerja tahunan dan Rancangan Kemajuan Negara Ke-8.

"Rancangan kemajuan ini akan menyediakan prasarana bagi kemudahan orang awam seperti kawasan terbuka bagi belajar memandu. Projek ini juga menyediakan kawasan latihan memandu bagi pemandu-pemandu bas awam. Rancangan kemajuan ini juga ada menyediakan pusat ujian memandu serta litar latihan memandu pengangkutan awam (driving circuit)," jelas beliau.

Dalam sesi soal jawab antara pengusaha-pengusaha bas bersama agensi-agensi kerajaan, antara persoalan yang dibincangkan ialah mengenai tempoh perkhidmatan bas awam yang diberikan dan laluan zon-zon yang telah ditetapkan.

Perjumpaan itu bertujuan memberi peluang kepada semua yang terlibat bagi berinteraksi dan bersua muka secara langsung demi memajukan industri pengangkutan di negara ini dan bagi menyampaikan pendapat dan ulasan secara terbuka kerana melalui cara ini Kementerian Perhubungan dapat mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh para penguasa bas awam.

# JABATAN PERTANIAN PANTAU WABAK SELESEMA BURUNG

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Januari. - Jabatan Pertanian memaklumkan kepada orang ramai agar tidak bimbang mengenai berita-berita wabak selesema burung yang berlaku di negara-negara asing dan mengemukakan bahawa daging dan telur ayam yang terdapat di pasaraya-pasaraya di negara ini adalah selamat dimakan.

Wabak atau virus selesema burung yang kini hangat diperkatakan merupakan 'virus virulen' burung pertama yang boleh menjangkiti secara langsung dari burung kepada manusia. Mujurlah virus ini tidak menyebabkan jangkitan antara manusia, oleh itu penularan penyakit tersebut antara manusia adalah terhad.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah bebas daripada penyakit selesema burung.

Selesema burung yang juga dikenali sebagai selesema ayam dan Avian Influenza, menular melalui najis dan udara yang tercemar. Oleh kerana ayam kini diternak secara intensif selesema burung mudah merebak dalam keadaan yang sesak dan kotor bahkan kerajaan seperti itu menyebabkan pekerja ladang berisiko tinggi dijangkiti penyakit tersebut melalui najis ayam dan udara yang tercemar akan tetapi memakan daging tercemar setelah dimasak adalah selamat.

Pengarah Pertanian, Dr. Haji Mohamad Yusoff bin Haji Mohiddin dalam satu temu ramah eksklusif bersama Unit Pengguna RTB berkata, ladang-ladang ayam di negara ini mengeluarkan kira-kira 15 ribu tan metrik daging ayam dan lima ribu tan metrik telur setahun, mencapai tahap seratus peratus sara diri bagi komoditi tersebut.

"Industri ayam dan telur di negara ini adalah teratur. Pengeluaran kini melebihi 15 ribu tan metrik daging ayam dan

Oleh Siti Aishah HS

lima ribu tan metrik telur, yang mana jumlah tersebut telah mencukupi untuk keperluan negara sepenuhnya," ujar beliau.

Beliau menjelaskan, orang ramai tidak perlu bimbang kerana daging dan telur ayam yang terdapat di kedai-kedai, pasaraya dan pasar ikan adalah dijamin selamat untuk dimakan dan dinasihatkan supaya jangan membeli barangan tersebut dari sumber-sumber yang dicurigikan kerana kemungkinan besar barangan berkenaan tidak diperiksa.

Sebagai langkah berjaga-jaga, Jabatan Pertanian memperketatkan kuarantin haiwan di pintu-pintu masuk sempadan dan mengingatkan orang ramai bahawa membawa masuk burung, ayam dan telur dari negara asing tanpa kebenaran jabatan adalah satu kesalahan dan akan dikenakan tindakan undang-undang.

Justeru itu, Pengarah Jabatan Pertanian meminta orang ramai agar kerjasama dengan jabatan berkenaan agar tidak menyeludup daging-daging dan telur ayam kerana tindakan sedemikian akan menjejaskan status kesihatan haiwan di negara ini.

Sementara aktiviti penyeludupan tersebut berisiko membawa masuk penyakit dan cjen penyakit tersebut ke negara ini dan Jabatan Pertanian tidak akan teragak-agak mendakwa mereka yang melakukan kesalahan tersebut.

Untuk mempertingkatkan kaedah kebersihan ladang terurus, Jabatan Pertanian telah mengarahkan pegawai-pegawainya turun padang bagi memerhatikan keadaan di ladang-ladang dan menunjuk ajar kepada penernak-penernak cara penernakan yang baik, buka sahaja bagi mencegah penyakit selesema burung, tetapi juga merupakan faktor kejayaan penting bagi perusahaan mereka.

# Petugas 'front line' perlu tingkatkan kecekapan

Oleh  
Bolhassan HAB

dengan penuh penghayatan dan berupaya memanfaatkan ilmu dan kemahiran dan diperolehi.

"Oleh itu budaya 'cincal' atau asal ada apatah lagi sikap 'malas tah kuingan' sama sekali tidak boleh diamalkan. Patut dikikis habis-habisan dalam perkhidmatan awam," jelas Awang Haji Saifon ketika berucap merasmikan Bengkel Intensif Penyambut Tetamu/Telefon Operator Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Di samping itu aspek-aspek bahasa, adab dan sopan santun yang masih merupakan ciri-ciri utama perlu dibayati dan diamalkan oleh setiap penyambut tetamu dan operator dalam membantu pelanggan atau orang ramai untuk mendapatkan maklumat.

Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Saifon bin Awang Haji Besar berkata, keazaman yang kuat merupakan kualiti dalam yang amat perlu dimiliki kerana ia boleh mendorong untuk melaksanakan tugas

"Memandangkan penyambut tetamu/telefon operator adalah sebahagian daripada keluarga kementerian atau jabatan di mana mereka bertugas masa adalah mustahak mereka dilibatkan dalam semua aktiviti yang dilaksanakan termasuk dalam agenda pembinaan dan pembaharuan yang diutamakan," ujar Awang Haji Saifon.

Penilaian tahap perkhidmatan ujarnya, hendaklah sentiasa dipantau dan dilaksanakan berdasarkan ciri-ciri yang dipilih serta disarankan agar pemberian anugerah kepada petugas dan perkhidmatan kaunter yang cemerlang.

Menurut Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pemberian anugerah itu bukan sekadar pengiktirafan kepada khidmat cemerlang mereka tetapi ia diharap akan dapat mendorong petugas-petugas lain meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka.

Bengkel dua hari anjuran Jabatan Penerangan dengan

# Sektor swasta disaran buka peluang pekerjaan untuk anak tempatan

Oleh  
Bolhassan HAB

Menurutnya, hasil dari perundingan-perundingan tersebut, JPKE memperoleh sebanyak 559 tawaran pekerjaan dalam pelbagai jawatan yang ditawarkan oleh 54 buah syarikat dan koperasi.

Pemohonan mengikuti Skim Lanjutan Latihan Kemahiran Industri dan Teknologi Infokomunikasi fasa kedua melalui JPKE dan Jabatan Buruh telah dibukakan mulai 20 Disember 2003.

Seramai lebih 3,000 pemohonan mengemukakan permohonan untuk mengikuti skim yang bertujuan melatih dan mempersiapkan anak-anak tempatan untuk mengisi jawatan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat swasta.

Skim berkenaan dibukakan kepada rakyat dan penduduk tetap yang berumur di antara 18 hingga 35 tahun



SEBAHAGIAN para pengusaha bas pengangkutan awam yang menghadiri majlis berkenaan. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

BERAKAS, 20 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui jabatan-jabatan tertentu telah mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat perusahaan yang beroperasi di tapak-tapak perindustrian, koperasi-koperasi yang bernaung di bawah Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) dan beberapa syarikat di sektor perkapalan supaya membukakan seberapa banyak peluang pekerjaan yang bersesuaian kepada anak-anak tempatan.

Timbangan Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Awang Haji Razali bin Mohd. Yusoff berkata walaupun JPKE kerjasama Jabatan Buruh dan BINA telah menyeru sektor swasta namun kecenderungan mereka untuk mengutamakan

mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya tingkatan tiga dan benar-benar berhasrat untuk mendapatkan pekerjaan di syarikat swasta.

Pemohon yang terpilih untuk menajwai jawatan-jawatan berkenaan akan terlebih dahulu mengikuti latihan anali atau program motivasi yang diwajibkan bertujuan untuk memastikan calon-calon mendapat kemahiran dan juga pendedahan yang diperlukan oleh majikan. Kerajaan membiayai 100 peratus kos latihan dan pelatih-pelatih akan diberikan claus sepanjang tempoh latihan.

Pelatih yang berjaya menamatkan program latihan akan diambil bekerja oleh syarikat swasta yang berkenaan bagi tempoh tidak kurang dari dua tahun dengan menandatangani kontrak pekerjaan.

**ARENA SUKAN**

**FADILLAH DAN DK. ROSMAHWATI JADI OLAHRAGAWAN, OLAHRAGAWATI ABDB**

PENERIMA pingat perak dan gangsa acara karatedo, Koperal Fadillah bin Sanip serta penyandang pingat emas dalam acara silat olahraga, Soldadu Dayangku Rosmahwati binti Pengiran Haji Badaruddin di Temasya Sukan SEA di Viet Nam masing-masing dianugerahkan Olahragawan dan Olahragawati Terbaik 2003 peringkat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Penganugerahan olahragawan dan olahragawati terbaik berlangsung dalam Majlis Penghargaan Sukan ABDB 2003 di sebuah restoran di Gadong pada 16 Januari lalu.

Pemerintah ABDB, Yang Dimulikan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi dalam

Oleh **Bolhassan HAB**

ucapannya di majlis tersebut antara lain menjelaskan bahawa dalam persediaan seseorang individu untuk menjadi seorang tentera, mereka tidak seharusnya mengabaikan pencapaian dalam bidang sukan memandangkan ia merupakan asas penting dalam latihan ketenteraan.

Sementara itu enam orang anggota ABDB telah menerima anugerah bagi pencapaian cemerlang dalam beberapa acara sukan untuk kategori Berjasa dan Cemerlang sebagai mengenang sumbangan mereka menjadi atlet.

Penerima-penerima bagi kategori tersebut terdiri daripada 6435 PWI Bungsu bin Haji Piut yang

merupakan seorang ahli tinju negara; 6315 PWI Abas bin Tanjung yang cemerlang dalam bola-sepak dan hoki; 7356 PW2 Metusin bin Sumpung, pemain veteran bola sepak ABDB; 7937 Sarjan Nordin bin Tujoh, pemain bola sepak takraw ABDB dan 11432 Koperal Issa bin Bismi pemenang pingat emas Kejohanan Terbuka Kebangsaan Malaysia tahun lepas.

Anugerah olahragawan dan olahragawati mula diberikan oleh ABDB sejak tahun 1994 dan merupakan anugerah tahunan kepada anggota ABDB yang mencapai kejayaan cemerlang dalam acara sukan.

Penerima bagi kedua-dua kategori tersebut kebiasaannya merupakan

atlet kebangsaan yang telah mewakili negara di pelbagai acara sukan bertaraf serantau dan antarabangsa. Mereka juga telah memperolehi pingat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Sukan SEA dan kejohanan Terbuka Malaysia, Indonesia dan sebagainya.

Di majlis tersebut, Pemerintah ABDB yang juga selaku tetamu kehormat telah menyempurnakan penyampaian sijil kepada pengurus, jurulatih dan pemain bola sepak ABDB 2002/2003.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimulikan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menyampaikan anugerah olahragawati ABDB kepada Soldadu Dayangku Rosmahwati, sementara gambar bawah, kelihatan beberapa orang ahli sukan ABDB yang menerima penghargaan dalam penglibatan sukan. - Gambar oleh Masri Osman.



PEGAWAI-PEGAWAI Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum menyampaikan taklimat mengenai penerimaan penuntut baru Sekolah Sukan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

**Sekolah Sukan pelawa pelajar baru 2004**

BERAKAS, 25 Januari. - Pelajar-pelajar yang lulus peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun 2003 atau lulus peperiksaan akhir tahun 2003 bagi sekolah yang tidak mengambil peperiksaan PSR adalah berpeluang untuk memasuki Sekolah Sukan, Kementerian Pendidikan bagi pengambilan kedua tahun 2004.

Penyertaan yang dibukakan kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah berumur tidak lebih 13 tahun pada 1 Januari 2004.

Pengambilan yang selama ini hanya dibukakan kepada peserta lelaki kini

Oleh **Abu Bakar HAR**

telah dibukakan kepada pengambilan wanita dan jumlahnya dihadkan kepada 60 orang sahaja dan akan dilaksanakan pemilihannya pada bulan Februari tahun ini.

Permohonan yang akan berakhir pada penghujung bulan ini antara lain mensyaratkan kepada pemohonnya agar mempunyai penglihatan yang baik tanpa menggunakan kaca mata dan mempunyai tubuh badan yang sihat serta sempurna, di samping akan melalui ujian pemeriksaan kesihatan dari hospital atau pusat-pusat kesihatan kerajaan.

Sekolah Sukan yang ditubuhkan sejak 13 tahun lalu dikendalikan sepenuhnya oleh Unit Uru-setia Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negara Brunei Darussalam dan Latihan Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum dengan pengambilan pertama seramai 55 orang dengan menawarkan sebanyak lima acara sukan iaitu badminton, bola sepak, olahraga, golf dan sepak takraw.

Setelah setengah tahun penubuhannya Sekolah Sukan kini mula mengorak langkahnya apabila menambah bilangan pengambilan, di samping memasukkan peserta wanita dan menambah dua acara sukan yang lain iaitu silat dan bola keranjang.

PERSATUAN Sepak Takraw Kebangsaan Brunei Darussalam (PESTABARU) akan menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw Regu Belia Kebangsaan bawah 20 tahun yang terbuka kepada pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan, kelab-kelab sukan, sekolah dan institusi pengajian di seluruh negara ini.

Kejohanan tahunan peringkat kebangsaan ini merupakan langkah PESTABARU ke arah mempertingkatkan mutu permainan sepak takraw di kalangan belia-belia negara ini



ANTARA aksi pemain-pemain muda yang menyertai Kejohanan Sepak Takraw Regu Belia tahun lalu. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

**PESTABARU anjur Sepak Takraw Regu Belia Kebangsaan 20 tahun**

Oleh **Haji Ahat HI**

selain mendedahkan mereka untuk mendapatkan pengalaman dalam kejohanan-kejohanan tempatan.

Melalui kejohanan itu juga akan dapat menampilkan bakat-bakat muda untuk diasuh dan mendekatkan mereka dengan sukan sepak takraw.

Secara tidak langsung kejohanan tersebut menjadi landasan kepada PESTABARU untuk mem-

persiapkan para pemain muda sebagai pelapis bagi penyertaan kejohanan-kejohanan serantau dan antarabangsa.

Borang-borang penyertaan serta keterangan lanjut bagi menyertai kejohanan ini boleh menghubungi Awang Haji Abu Bakar bin Kasim di Jabatan Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan; Awang Ismail bin Atan di Kompleks Sukan Mengliat Gadong; Awang Hasrah bin Osman di Kompleks Jabatan Belia dan Sukan Pekan Tutong dan Awang Haji Ahmadi bin Hashim di Jabatan Belia dan

Sukan, Kuala Belait.

Kesemua borang penyertaan bagi kejohanan hendaklah dihantar kepada pihak penganjur tidak lewat pada 31 Januari 2004.

Sementara itu mesyuarat bagi pengurus-pengurus pasukan kejohanan tersebut akan berlangsung pada 1 Februari 2004 di Kompleks Sukan Mengliat Gadong, jam 9.00 pagi bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kejohanan tersebut.

# Bangladesh menghargai kepemimpinan Kebawah DYMM

**BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Januari.** - Republik Rakyat Bangladesh begitu menghargai akan kepemimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyatupadukan perpaduan ummah Islam.

Republik Rakyat Bangladesh dan Negara Brunei Darussalam juga akan terus bekerjasama dalam menghakis persepsi-persepsi yang salah yang disebarkan mengenai masyarakat Islam.

Ini dijelaskan oleh Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia di dalam ucapan Puan Yang Terutama di Majlis Santap Malam yang dikurniakan

**Oleh Ak. Jefferi PD**

oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berlangsung di Istana Nurul Iman.

Puan Yang Terutama seterusnya berkata, kita memerlukan semangat dalam menyuburkan lagi ummah Islam bagi menghadapi cabaran-cabaran yang dilalui dan ke arah itu kita juga perlu memperkenankan imej sebenar Islam.

Puan Yang Terutama seterusnya menambah, terdapat begitu banyak bidang kerjasama yang dapat dipelajari oleh kedua-dua buah negara termasuklah bidang teknologi maklumat, kerjasama kuasa, per-

kembangan sumber manusia dan juga bidang-bidang perdagangan ekonomi, pelaburan dan perkhidmatan.

"Saya juga berharap para delegasi perniagaan kita akan dapat bergerak sebagai pemangkin untuk merangsangkan lagi perniagaan dan pelaburan kedua-dua negara," tambah Puan Yang Terutama.

Kata Puan Yang Terutama, Bangladesh juga memberikan tawaran yang tinggi dan menarik dalam perniagaan dengan memberikan lokasi yang strategik kadar buruh yang rendah dan berkemahiran, para usahawan di mana Negara Brunei Darussalam akan mendapat keuntungan serta kebaikan pelaburan di Bangladesh.

Menyentuh kehidupan penduduk di Negara



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika meraikan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia di Majlis Santap Malam di Istana Nurul Iman. Dalam gambar kelihatan Perdana Menteri Bangladesh semasa menyampaikan ucapan belas.**

Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama menyatakan penduduk di negara ini kini berada di dalam suasana yang betul-betul aman dan selesa dengan kemudahan yang diberikan seperti pendidikan, kesihatan dan juga kesejahteraan kehidupan yang moden. Nyata sekali, jelas Puan Yang Terutama apa yang dicapai oleh penduduk di

Negara Brunei Darussalam pada masa ini merupakan hasil daripada kepemimpinan raja negara ini berdasarkan kepada keseimbangan antara kemodenan, kebudayaan, tradisional dan juga nilai-nilai rohaniah.

Hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh dijalin

pada 5 Mei 1984 di mana Bangladesh menubuhkan misi diplomatik di Bandar Seri Begawan pada bulan Julai 1985. Hubungan rapat yang sedia terjalin antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh berasaskan kepada kepercayaan, kebudayaan dan tradisional.

Menurut statistik 2002 terdapat 4,883 rakyat Bangladesh berkhidmat di pelbagai sektor di negara ini termasuk 30 pekerja wanita.

Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia tiba di negara ini Abad lepas bagi lawatan rasmi 2 hari.



## Berkenan mengurniakan pingat-pingat kehormatan

**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah** ketika berkenan mengurniakan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada salah seorang penerima di Majlis Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Persantapan Lapau pada 27 Januari lalu. Berita lanjut di muka 7.

## Kebawah DYMM utus tahniah

**BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Januari.** - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Dr. A.P.J. Abdul Kalam, Presiden Republik India dan Tuan Yang Terutama Atal Bihari Vajpayee, Perdana Menteri Republik India bersempena Ulang Tahun Hari Pengisytiharaan Republik India hari ini.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persepahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara kedua negara. Untuk itu baginda berharap semoga

keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Dalam perutusan itu baginda, seterusnya berharap semoga TYT Presiden Dr. A.P.J. Abdul Kalam, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat berkenaan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu, di dalam perutusan kepada TYT Perdana Menteri Republik India, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat republik itu sempena dengan Ulang Tahun Pengisytiharaan Republik India.

Baginda merakamkan

perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persepahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara kedua negara. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang

akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing dan berharap semoga TYT sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik India akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

## BRUNEI MENYAMBUT HARI RAYA AIDILADHA PADA 2 FEBRUARI

**BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Januari.** - Negara Brunei Darussalam akan menyambut Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Korban pada hari Isnin ini, 2 Februari 2004 Masihi bersamaan 10 Zulhijah 1424 Hijrah.

Sehubungan dengan itu sembahyang sunat Hari Raya Aidiladha akan diadakan di semua masjid utama, masjid-masjid dan surau di seluruh negara bermula jam 7.30 pagi.

نگارا برسیه رعیه صیحة  
NEGARA BERSIH RAKYAT SIHAT

دربیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتقن اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Januari - Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) telah mengambil maklum mengenai laporan daripada beberapa ahli anggota ASEAN yang menjadi penyelaras kepada 11 industri keutamaan di sidang Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang berlangsung pada 19 hingga 20 Januari lepas di Yogyakarta, Republik Indonesia.

Antara 11 industri keutamaan itu adalah seperti elektronik (Filipina); industri berasaskan kayu dan automotif (Indonesia); industri berasaskan pertanian dan perikanan (Myanmar); syarikat-syarikat penerbangan dan pelancongan (Thailand); produk-produk getah, tekstil dan pakaian (Malaysia); e-ASEAN dan barangan kesihatan (Singapura).

Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Ekonomi ASEAN itu dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Cham Prasad selaku Menteri Perdagangan Kemboja dan ianya telah dihadiri oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan menteri-menteri ekonomi ASEAN.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Ut-

Oleh  
Siti Aishah HS

ma di sini, Yang Berhormat memaklumkan bahawa mesyuarat bersepakat untuk membentuk hala tujuan (roadmap) bagi mengintegrasikan setiap sektor-sektor tersebut dalam ASEAN.

Di samping itu juga, mesyuarat membincangkan mengenai dengan keputusan-keputusan Sidang Kemuncak ASEAN Kali Kesembilan yang diadakan di Bali pada Oktober tahun lalu, yang menyentuh mengenai Mekanisme Penyelesaian Pertelingkahan Perdagangan pada akhir tahun ini.

Manakala dengan adanya mekanisme tersebut, kesemua perjanjian-perjanjian ekonomi ASEAN akan dapat dilaksanakan lebih lancar dan teratur bahkan mesyuarat juga bersetuju untuk menjadikan Badan Petugas Peringkat Tinggi (HLTF) bagi pelaksanaan integrasi ASEAN sebagai penyelaras utama bagi pelaksanaan pelan tindakan yang dipersetujui pada Sidang Kemuncak ASEAN di Bali khususnya dalam mencapai hasrat menubuhkan Masyarakat Ekonomi ASEAN.

Di hari kedua Mesyuarat Tidak Rasmi itu, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah mengadakan konsultasi kali keempat

# ASEAN BERI KEUTAMAAN 11 INDUSTRI



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman.

bersama Pesuruhjaya Perdagangan Persekutuan Eropah, Tuan Yang Terutama

Pascal Lamy dan dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Kemboja dan Pesuruhjaya Perdagangan Persekutuan Eropah, Tuan Yang Terutama Cham Prasad.

Yang Berhormat memaklumkan bahawa di antara isu-isu utama yang dibincangkan ialah pertukaran pandangan mengenai status kerjasama ekonomi di antara ASEAN dan EU terutamanya perkembangan terkini proses integrasi ekonomi di kedua-dua rantau dan juga situasi ekonomi global.

Di Mesyuarat Konsultasi tersebut, para Menteri Ekonomi ASEAN dan Pesuruhjaya Perdagangan juga membincangkan mengenai pelaksanaan kerjasama ekonomi ASEAN-EU khususnya TREATI

dan juga inisiatif-inisiatif yang dikenal pasti seperti Pemudahan dan Promosi Perdagangan, Pelaburan, Isu-isu Kuarantin Pemakanan dan Tumbuhan.

Dalam hubungan itu, kedua-dua belah pihak bersepakat untuk membentuk hala tujuan bagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkenaan dan ke arah itu juga mesyuarat telah mengarahkan supaya pihak pegawai kanan dari ASEAN dan Eropah untuk meneliti dan mengemaskinikan hala tujuan itu dengan matlamat untuk melaksanakan TREATI sebelum akhir tahun ini.

Mesyuarat ASEAN-EU juga berkesempatan untuk bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu masa kini serantau dan antarabangsa terutamanya mengenai

perkembangan perundingan Agenda Pembangunan Doha (DDA) di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) lanjutan dari kegagalan perbincangan yang mana telah berlangsung di Persidangan Menteri-menteri Ekonomi Kali Kelima di Cancun, Mexico

pada bulan September tahun lepas.

Siaran akhbar itu antara lain menyatakan, mesyuarat bersetuju bahawa komitmen sepadu dan kelengkapan di peringkat setiap ahli adalah perlu bagi menjamin kejayaan DDA.

Pengharaman, pengimportan ikan-ikan kecil dan kerang-kerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Januari. - Pengimportan ikan-ikan kecil seperti rumahan, tamban, aur-aur dan camau dan semua jenis kerang-kerangan seperti tiram, tembayangan dan kupang dari Malaysia Timur adalah diharamkan.

Menurut Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, pengharaman pengimportan itu hasil maklumat terbaru yang diterima dari Jabatan Perikanan Sabah, Malaysia yang menyatakan bahawa perairan Negeri Sabah, terutama sekali di perairan Kuala Penyu dan Kota Belud telah dicemari oleh racun air kemerah-merahan.

Memandangkan keadaan itu, jabatan berkenaan dalam siaran akhbar hari ini, menegaskan bahawa pengharaman pengimportan jenis-jenis

ikan dan kerang-kerangan adalah dikuatkuasakan hari ini.

Sebagai langkah berjaga-jaga, Jabatan Perikanan menasihati orang ramai supaya membuang semua insang, perut dan organ dalam-ikan sebelum dimasak.

"Orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk tidak memakan sebarang ikan-ikan kecil dan kerang-kerangan seperti tiram, tembayangan, kupang dan lain-lain yang tidak diketahui tempat asalnya," jelas siaran itu lagi.

Jabatan Perikanan akan sentiasa memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perkembangan dari masa ke semasa berhubung perkara sedemikian.

Walau bagaimanapun, tambah siaran itu, perairan Negara Brunei Darussalam adalah bebas daripada air kemerah-merahan.

## RBA perkenal tambang murah

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Januari. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) mengumumkan pembayaran nilai tambang baru Bluesky yang diadakan bermula pada 24 Januari 2004 ini, dengan menawarkan harga istimewa kepada para pelanggan RBA melalui belian 'online' dari laman web penerbangan iaitu www.bruneiair.com.

Dengan pengenalan tambang Bluesky tersebut, RBA menawarkan harga terhebat melalui kelas ekonomi secara langsung dari Negara Brunei Darussalam ke tujuh buah destinasi dengan kadar pembayaran bermula dengan harga \$38.00 bagi perjalanan sehala ke Kota

Kinabalu; \$68.00 bagi perjalanan sehala ke Kuala Lumpur, Kuching, Jakarta, Surabaya dan Denpasar; sementara perjalanan sehala ke Darwin ialah \$138.00.

Kesemua pembayaran yang ditawarkan adalah untuk penerbangan di antara 1 Februari sehingga 31 Mac 2004 ini.

Menurut Penolong Pengurus E-Dagang RBA, Dayang Hajah Masrini binti Abdullah menyatakan khidmat tambang Bluesky itu dilancarkan ekoran penggunaan tempahan melalui internet yang mula digunakan RBA pada Disember 2003.

Jelas beliau, tambang Bluesky adalah langkah pertama sebagai inisiatif

terbesar RBA untuk menggerakkan sepenuhnya keupayaan sistem talian (online) baru sejajar dengan usaha membentuk model penerbangan kos rendah bagi membolehkan RBA bersaing dalam segmen pasaran ini.

Schubungan dengan itu, pelanggan RBA diminta membuat tempahan awal bagi memastikan mereka dapat menikmati kadar murah tersebut.

Jika tambang murah ini habis ditempah, pelanggan yang terlepas peluang masih layak membuat tempahan tawaran peringkat tambang Bluesky seterusnya dengan harga \$88.00 bagi perjalanan sehala ke Kota Kinabalu dan \$138.00 perjalanan sehala ke Kuala

Lumpur, Kuching, Jakarta, Surabaya dan Denpasar.

RBA bagaimanapun mengenakan beberapa syarat kepada pemegang tiket tambang Bluesky iaitu tempahan yang telah dibuat tidak akan dikembalikan, tiada dibenarkan membuat pertukaran tempahan, tempoh tinggal maksimum hanya 30 hari, tiada potongan bagi penumpang kanak-kanak diberikan, tawaran tiket tidak mengambil kira skim ganjaran bagi pelanggan Royal Skies dan cukai kemudahan tidak termasuk dalam pembayaran tersebut.

Melalui tawaran harga murah ini, penumpang RBA masih menerima kemudahan istimewa dalam pesawat termasuk pemilihan tempat duduk awal,

sajian makanan dalam pesawat, kemudahan bagasi dan hiburan dalam penerbangan.

Tempahan boleh dibuat melalui empat langkah mudah iaitu para pelanggan boleh membuat tempahan melalui 'online' dan menjelaskan pembayarannya sama ada di Pejabat Tempahan tiket RBA atau di Pusat Perkhidmatan baru di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei atau membayar melalui 'online' menggunakan kad visa atau master.

Pelanggan yang ingin mendapatkan maklumat mengenai promosi tawaran harga terkini disarankan mendapatkannya dengan melayari laman web RBA di www.bruneiair.com.

## Sastera dan Budaya

## سسترادان بودايا

**R**ENUNGANLAH sejenak, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Jika kita di Brunei ini, leadership yang unggul dan berpengaruh itu ialah Raja. Dan ini, bukanlah dengan penghaja kita cipta, tetapi suatu jawapan daripada sejarah semenjak berkarun-kurun lagi. Realitinya terbukti baik, iaitu telah berhasil membawa kejayaan dan keselamatan kepada bangsa, agama dan negara yang kita cintai ini."

(Titah pada 20 Januari 1993).

### PENGENALAN

Tidak siapa pun menyangkal sejarah kegemilangan pemerintahan atau sistem tradisional Kesultanan Melayu Di Alam Melayu ini, telah dapat mengangkat martabat dan tamadun bangsa Melayu di persada dunia antarabangsa yang menimbulkan kecemburuan dan kedegkian bangsa lain untuk memusnahkan tamadun bangsa di Alam Melayu. Kehadiran bangsa luar khususnya bangsa Barat atau lebih dikenali dengan nama 'orang putih', telah berjaya memusnahkan sistem ketuanan bangsa Melayu dengan memperkenankan sistem pemerintahan ala Barat, khususnya pemerintahan Residen atau Gabenor yang membawa kepada pemerintahan rakyat dengan menggunakan simbol demokrasi yang bertaitkan Kesultanan Melayu Islam dalam perspektif perundangan dan teks-teks perundangan. Zaman kegemilangan Kesultanan Melayu ini merosot akibat pencerobohan dan penjajahan kuasa asing (Barat), khususnya akibat perkembangan revolusi pertanian. Dalam era pintu langit terbuka dan dunia tanpa sempadan ini penulis berpendapat keutuhan dan keunggulan sistem pemerintahan melalui kesultanan Melayu Islam yang telah menjadi warisan tradisional di Alam Melayu ini, nyatanya Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang dapat bertahan dan menyesuaikan dirinya dengan pemerintahan dunia antarabangsa.

Kerajaan-kerajaan bersultan yang wujud di Alam Melayu ini telah musnah akibat pencerobohan dan penjajahan Barat, sesetengah kerajaan ini hanyalah dijadikan sebagai simbol warisan budaya yang tidak mempunyai kuasa terhadap pemerintahan negara, contohnya kerajaan-kerajaan dalam wilayah Indonesia seperti Kerajaan Serdang menurut penulis kertas kerja kerajaan ini iaitu Tuanku Luckman Sinar Basarsyah - 11, dalam halaman 16 berbunyi:

"Sejak itu masyarakat Melayu Serdang menjadi tertindas, terhina dan kehilangan adat istiadatnya. Akhirnya semua 'prominent citizens' orang Melayu Insaf berpegang kepada pepatah Melayu: *Tiada Raja, Tiada Adat*, lalu menubuhkan kembali institusi Orang Besar diambil dari keturunan para Orang Besar yang telah meninggal. Mereka lalu menabalkan Putera Alam, Sultan Sulaiman Syariful Alam Syah sebagai Tuanku Kepala Adat Kesultanan Serdang di tahun 1997. Urusan pemerintahan dan kepala agama Islam sudah diambil sejak tahun 1946 itu oleh pemerintah Republik Indonesia, tetapi peranan raja Melayu selaku Ketua Adat Melayu itu

### OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

#### TITAH RAJA ADALAH PERINTAH DAN UNDANG-UNDANG

Dalam kertas kerja Profesor Datuk Dr. Hajah Ramlah Adam bertajuk 'Kesultanan Melayu Islam Di Alam Melayu: Penjana Tamadun Bangsa' Profesor telah menguraikan zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Islam dalam perspektif perundangan dan teks-teks perundangan. Zaman kegemilangan Kesultanan Melayu ini merosot akibat pencerobohan dan penjajahan kuasa asing (Barat), khususnya akibat perkembangan revolusi pertanian. Dalam era pintu langit terbuka dan dunia tanpa sempadan ini penulis berpendapat keutuhan dan keunggulan sistem pemerintahan melalui kesultanan Melayu Islam yang telah menjadi warisan tradisional di Alam Melayu ini, nyatanya Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang dapat bertahan dan menyesuaikan dirinya dengan pemerintahan dunia antarabangsa.

Kerajaan-kerajaan bersultan yang wujud di Alam Melayu ini telah musnah akibat pencerobohan dan penjajahan Barat, sesetengah kerajaan ini hanyalah dijadikan sebagai simbol warisan budaya yang tidak mempunyai kuasa terhadap pemerintahan negara, contohnya kerajaan-kerajaan dalam wilayah Indonesia seperti Kerajaan Serdang menurut penulis kertas kerja kerajaan ini iaitu Tuanku Luckman Sinar Basarsyah - 11, dalam halaman 16 berbunyi:

"Sejak itu masyarakat Melayu Serdang menjadi tertindas, terhina dan kehilangan adat istiadatnya. Akhirnya semua 'prominent citizens' orang Melayu Insaf berpegang kepada pepatah Melayu: *Tiada Raja, Tiada Adat*, lalu menubuhkan kembali institusi Orang Besar diambil dari keturunan para Orang Besar yang telah meninggal. Mereka lalu menabalkan Putera Alam, Sultan Sulaiman Syariful Alam Syah sebagai Tuanku Kepala Adat Kesultanan Serdang di tahun 1997. Urusan pemerintahan dan kepala agama Islam sudah diambil sejak tahun 1946 itu oleh pemerintah Republik Indonesia, tetapi peranan raja Melayu selaku Ketua Adat Melayu itu

# TITAH RAJA ADALAH PERINTAH DAN UNDANG-UNDANG

### OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

tidak mungkin dihilangkan kerana hanya boleh dihapus oleh masyarakat pendukung adat Melayu Serdang itu sendiri."

Kerajaan Kesultanan Melayu Islam di Filipina seperti Kerajaan Sulu yang diperintah oleh Sultan Sulu ada dihubungkan dengan Kerajaan Kesultanan Melayu Brunei semasa peperangan saudara antara Sultan Muhiiddin dengan Sultan Abdul Bubin. Sultan Muhiiddin dikatakan telah meminta bantu kepada Sultan Sulu untuk menewaskan Sultan Abdul Bubin yang berpusat di Pulau Cermin. Kerajaan Kesultanan Melayu Sulu yang kehebatannya tidak kurang dengan kerajaan kesultanan di Alam Melayu yang lain, telah musnah oleh pencerobohan angkatan Sepanyol yang berjaya menguasai dan memerintah Filipina sehingga negara ini telah memeluk agama Kristian, sementara pemeluk agama Islam dianggap sebagai musuh dalaman.

Di Malaysia kedaulatan raja-raja Melayu telah tergugat dengan wujudnya pindaan pelembagaan mengenai kuasa institusi raja-raja Melayu yang dianggarkan suatu ketika dulu. Pindaan perlembagaan ini telah membawa suatu krisis antara raja-raja Melayu dengan kepimpinan demokrasi. Dalam perundangan mengenai institusi raja-raja Melayu yang telah diluluskan oleh parliman walaupun Yang Dipertuan Agung Malaysia tidak menyetujui atau menuruhkan tanda tangan dalam tempoh tiga puluh hari, undang-undang yang diluluskan oleh parliman itu pasti akan sah dan lulus menurut undang-undang yang telah dipinda itu. Di sinilah pada hemat penulis melihat, keunggulan budaya Melayu yang dikatakan penjana bangsa terhadap Titah Raja/Sultan sebagai satu perintah atau undang-undang sudah hilang. Ini juga menunjukkan kedaulatan raja-raja Melayu sudah tidak bermakna di dalam pemerintahan tradisional Alam Melayu.

Justeru itu penulis tidak teragak-agak berpendapat kesultanan di Alam Melayu ini, Negara Brunei Darussalam satu-satunya negara yang dapat bertahan hingga

ke hari ini dengan mengangkat martabat tamadun bangsa Melayu di persada dunia antarabangsa, sesuai dengan seminar yang dianjurkan oleh Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam. Dalam kertas kerja Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim bertajuk 'Kesultanan Melayu Brunei: Tunggak Identiti Melayu?', halaman 8 ada menyebutkan keunggulan Kesultanan Melayu dilihat sebagaiunggak negara:

"Penentuan kepada sesuatu identiti itu lebih banyak bergantung kepada dasar negara daripada pengalaman rakyat. Jika kesultanan Melayu Brunei dilihat sebagaiunggak identiti Melayu melalui kuasa pemerintahan rajanya, yang dianggap sebagai lambang ketuanan bangsa Melayu, fenomena lain yang menjadi identiti Melayu itu patut juga diambil kira dalam mentakrif apa identiti Melayu yang sebenarnya. Sebagai misal, istilah 'bahasa Melayu' di Alam Melayu ini hanya wujud di Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Sementara di Malaysia dan di Indonesia, istilah bahasa adalah berdasarkan kepada konsep negara walaupun kedua-dua bahasa Malaysia dan Indonesia itu berakar umbi daripada bahasa Melayu dan terdapat perasaan di kalangan rakyat masing-masing yang masih mengimbu bahwa bahasa mereka adalah bahasa Melayu. tetapi dasar negara tidak memperuntukkan sedemikian."

#### KESULTANAN MELAYU BRUNEI SEBAGAI PENYELAMAT

Tidaklah kita menyangkal pemerintahan Negara Brunei Darussalam melalui Kesultanan Melayu Brunei sebagai warisan sejak bermula kewujudan dan pemerintahan negara, adalah sebagai penyelamat kepada negara, bangsa, dan agama. Kepimpinan Kesultanan Melayu Negara Brunei Darussalam tidak kurang hebatnya dalam mengharungi hambatan-hambatan pengaruh dalaman dan luaran yang sangat mencabar jika kepimpinan kesultanan kurang arif dan bijaksana sudah pasti Kesultanan Melayu Brunei akan hancur sama dengan kerajaan kesultanan di Alam Melayu yang lain.

Ada tiga hambatan-hambatan yang sangat mencabar kepimpinan kesultanan Melayu Brunei iaitu:

#### Pertama: Pencerobohan Sepanyol Tahun 1578

Kejayaan angkatan Sepanyol menakluk Negara Brunei Darussalam selama lebih kurang tiga bulan, cuba menjadikan negara ini sebagai sebuah negara Kristian telah mendapat tentangan hebat dari kepimpinan Kesultanan Melayu Brunei bersama rakyat jelata dengan penuh semangat dan komitmen. Sultan Saiful Rijal bersama Pengiran Temangong (kemudi bergelar Pengiran Bendahara Sakam) telah mengatorkan strategi penentangan angkatan Sepanyol. Kerana semangat cintakan agama Islam serta ketuanan Melayu yang tinggi serta ikhlas bangsa Melayu Brunei telah berjaya mengusir keluar angkatan Sepanyol daripada bumi Brunei Darussalam. Cubalah fikirkan sejenak apa akan jadi? Jika Sepanyol terus menguasai negara Brunei Darussalam, yang pasti pemimpin dan rakyat akan memeluk agama Kristian.

#### Kedua: Terlepas Dari-pada Tunggapan Buaya Putih.

Kepintaran dan kebijaksanaan Sultan Hashim Juluil Alam Aqamaddin dalam menghadapi pencerobohan dan rakan buaya putih melalui Charles Brooke untuk menguasai Negara Brunei Darussalam adalah satu sejarah yang amat penting dan mesti diketahui oleh rakyat dan penduduk negara ini. Walaupun baginda tidak dapat mempertahankan kekuasaan Kesultanan Melayu Brunei sehingga menjadi sebuah negara yang kecil pada hari ini, namun jasa dan bakti baginda dalam menyelamatkan serta memperjuangkan sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Brunei dan bangsanya tetap akan disanjung dan dikenang oleh generasi yang mengetahui mengenai sejarah negara ini. Salah satu faktor kejayaan baginda ialah baginda adalah seorang yang berpegang teguh kepada "Surat Amanat Sultan Abdul Momin 1885" dalam kandungan surat itu semua jajah takluk Negara Brunei Darussalam tidak boleh dipajakkan dan terlepas ke tangan bangsa asing. Kenyataan ini telah dicatatkan dalam kertas kerja Dr. Haji Asbol bin Hj

Mail, bertajuk: "Sultan Hashim (1885-1906) Isu Limbang dan Kesinambungan Kesultanan Brunei, halaman 7 dan 8, antara lain berbunyi:

"Menerusi pengisytiharan, Sultan Abdul Momin tidak lagi membenarkan pemilik-pemilik jajahan Brunei untuk menyerahkan mana-mana jajahan Brunei kepada mana-mana pihak."

Kejayaan kedua Sultan Hashim ialah mewujudkan satu perjanjian dengan Kerajaan Baginda Queen pada tahun 1905/6. Walaupun pada dasarnya perjanjian ini dilihat berat sebelah, namun kesannya perjanjian ini juga dilihat sebagai penyelamat kepada Kesultanan Melayu Brunei dari ditunggang oleh buaya putih (Brooke).

#### Ketiga: Gagasan Malaysia.

Cadangan penubuhan pembentukan Malaysia adalah satu cabaran yang amat menakutkan dalam menegakkan kedaulatan, maruah bangsa dan negara, melalui kepimpinan Kesultanan Melayu Brunei. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Al-Haj III (SOAS) adalah seorang tokoh negarawan yang telah berjuang dalam senyap kerana ketabahan, ketelitian, serta kesabaran baginda menghadaui arus tiupan politik yang dahsyat dari dalam dan luar terutamanya dalam menghadapi pembentukan sebuah persekutuan Malaysia yang dicadangkan oleh Tuanku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaya ketika itu. Bagindalah satu-satunya pemimpin yang menolak kemusakan Negara Brunei Darussalam ke dalam Malaysia. Dengan berkat dan daulat baginda yang sentiasa diberi bidaday oleh Allah Subhanahu Wataala baginda tetap disanjung dan dikenang oleh generasi yang bernama Melayu Brunei hingga ke hari ini. Cuba bayangkan apakah akan jadi jika negara kita memasuki Malaysia? Inilah jasa dan pengorbanan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien III, bukan kerana kepentingan diri baginda sendiri tetapi baginda melihat Negara Brunei Darussalam hari esok. Dalam kertas kerja Profesor Datuk Dr. Hajah Ramlah, halaman 4 telah mencatatkan: "Akhirnya, Sultan Brunei mengambil keputusan tidak bergabung

dengan Persekutuan Malaysia..."

#### KESULTANAN MELAYU BRUNEI SELEPAS ERA KEMERDEKAAN

Sesuai dengan budaya Melayu yang mengatakan 'sesiapa pun menjadi raja, tangan kita ke dahi juga'. Kedaulatan Kesultanan Melayu Brunei lebih jelas dan kukuh dilihat semasa Majlis Perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Perpuspaan ini lihat sebagai satu pengisytiharan perjanjian sumpah taat setia di antara raja dengan rakyat yang berbunyi:

1. Sudah dengan kehendak Allah Tuanku menjadi Raja dalam Negeri Brunei ini.
2. Sudah dengan kehendak Allah Tuanku menjadi junjungan kepada rakyat Negeri Brunei ini.
3. Sudah dengan kehendak Allah Tuanku menjadi pemimpin kepada rakyat Negeri Brunei ini.
4. Sudah dengan kehendak Allah Tuanku menjadi penangku kepada rakyat Negeri Brunei ini.
5. Sudah dengan kehendak Allah Tuanku menjadi turus tunggak kepada Negeri Brunei ini.
6. Sudah dengan kehendak Allah Tuanku menjadi Yang Di-Pertuan bagi Negeri Brunei ini.
7. Mudah-mudahan Kebawah Duli Tuanku kekal garai di atas singgahsana Kerajaan Brunei turun temurun dan memerintah rakyat Negeri Brunei Darussalam. Amin ya rab-bal alamin.

Dalam Majlis Sambutan Pengisytiharan Kemerdekaan Negeri Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengisytiharkan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja. Inilah titah seorang Sultan yang dianggap dalam budaya Melayu sebagai satu perintah dan undang-undang yang mesti dipatuhi atau ditaati.

**M**ARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaannya kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Umat Islam pada masa ini sering diancam dengan berbagai-bagai bentuk ancaman baik akidah, akhlak mahu pun pemikiran. Di antara ancaman itu ialah ancaman dari perbuatan jenayah, keganasan, penyalahgunaan dadah, percetakan, keruntuhan akhlak dan moral dan yang paling berbahaya sekali ialah wujudnya ajaran-ajaran sesat yang telah melanda sebahagian masyarakat Islam.

Ajaran sesat merupakan racun terhadap keselamatan yang boleh menggugat keharmonian, kesejahteraan dan perpaduan umat Islam dan boleh mengancam keamanan dan kestabilan negara kerana sebahagian dari ajaran sesat itu boleh menimbulkan perniuisuhan dan kecacauan dan boleh berlaku pertumpahan darah di antara sesama Islam.

Untuk memelihara akidah kita supaya betul dan berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan tidak terpesong dan mudah terpengaruh dengan ajaran sesat, kita perlulah mengetahui secara jelas apakah dia ajaran sesat itu? Ajaran sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan yang dibawa itu berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan itu sebaliknya bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah serta bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Di Negara Brunei Darussalam ini juga, tidak terkecuali dari didatangi dan dipengaruhi oleh ajaran-ajaran sesat yang mana terdapat sebilangan kecil penduduk yang telah terpengaruh dengan dakwah mereka disebabkan kurang arif terhadap agama dan pegangan yang sebenar iaitu Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Antara ajaran-ajaran sesat yang telah sampai ke negara ini dan telah diharamkan oleh kerajaan ialah fahaman Bahai, ajaran Qadani, ajaran Al-Arqam, ajaran Tarekat Abdul Razak, ajaran Saibuni, ajar-

an Silat Lintau, Pergerakan Al-Mauunah dan lain-lain yang mana ajaran-ajaran sesat tersebut mengandungi amalan-amalan yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Di antara faktor berlakunya pengaruh dan penyebaran tersebut disebabkan ianya diajarkan secara sulit dan senyap kepada orang yang jahil pengetahuan tentang agama Islam sehingga tidak mengetahui ajaran itu sama ada betul atau salah tetapi tidak kurang juga ada orang yang dijahilkan sehingga lupa mana betul mana salah kerana dijanjikan kelebihan yang luar biasa.

Oleh itu bagi mengelakkan berlakunya perkara ini ke atas diri kita maka kita patutlah mengenali kriteria-kriteria ajaran sesat itu untuk dijadikan garis panduan dalam menentukan sesuatu ajaran itu adalah salah atau betul, di antaranya:

Pertama: Mempercayai adanya kitab lain yang menyayangi atau memansuhkan Kitab Suci Al-Quran, dan mempercayai adanya kiblat lain selain daripada Kaabah dan seumpamanya.

Kedua: Mempertikaikan kebenaran Al-Quran dan Hadis.

Ketiga: Mendakwa dirinya sendiri (ketua kumpulan) atau orang lain sebagai nabi terakhir, Nabi Isa Alaihissalam, Imam Al-Mahdi Al-Muntazar atau lain-lain istilah yang seumpamanya.

Keempat: Kepercayaan kepada penyatuan beberapa agama terbesar di dunia sebagai agama yang sepatutnya menjadi amunan kepada umat manusia.

Kelima: Dapat memastikan dirinya atau gurunya ahli Syurga, boleh me-

# AJARAN SESAT MENGGUGAT KEHARMONIAN, PERPADUAN

nebus dosa, memiliki keistimewaan yang tidak dimiliki oleh orang lain umpamanya boleh berkahwin lebih daripada empat.

Keenam: Mengadakan bida'ah atau pendapat baru yang bertentangan dengan akidah dan syariah yang berasaskan kepada dalil qat'ie dan tidak boleh dipertikaikan.

Ketujuh: Mentafsir dan menghuraikan Al-Quran atau Al-Hadis mengikut sesuka hati.

Dari kriteria-kriteria ajaran sesat tersebut boleh dijelaskan seperti berikut:

Dari kriteria tersebut terdapat sesetengah kumpulan yang telah memansuhkan atau mengubah Al-Quran dan Al-Hadis umpamanya Al-Bahaiyah iaitu satu kumpulan atau mazhab yang mendakwa nabi baru dengan kitabnya yang suci iaitu 'Al-Bayan' memansuhkan segala kitab samawiyah seperti Zabur, Taurat, Injil dan Al-Quran.

Perbuatan sedemikian adalah bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah kerana memansuhkan atau mengubah ayat-ayat Al-Quran dan Al-Hadis sama ada maksud atau makna dan lafaznya hukumannya adalah kufur. Begitu juga perbuatan mengaku diri menjadi nabi, mendustakan Al-Quran, Hadisnya dan Ijmak adalah kufur.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Maa'idah ayat 48 yang tafsirnya:

"Dan Kami turunkan kepadamu wahai Muhammad Kitab Al-Quran dan membawa kebenaran untuk mengesahkan kebenaran kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka ahli kitab itu


dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah kepada mu. Dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka dengan menyeleweng dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran."

Begitulah juga ada sesetengah kumpulan yang mempercayai adanya kiblat lain selain dari Kaabah ini juga suatu yang bertentangan dengan ajaran Islam dan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 149 yang tafsirnya:

"Dan dari mana sahaja engkau keluar untuk mengerjakan sembahyang, maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram (Kaabah) dan sesungguhnya perintah berkiblat ke Kaabah itu adalah benar dari Tuhanmu. Dan ingatlah Allah tidak sekali-kali lalai akan segala apa yang kamu lakukan."

Terdapat beberapa ajaran di dalam aliran-aliran yang sesat dan menyeleweng bukan sahaja mempertikaikan kebenaran Al-Quran, malahan menafikan kebenaran (perintah) isi Al-Quran. Begitulah juga yang dilakukan oleh aliran ingkar hadis mereka mempertikaikan kebenaran hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan menyatakan bahawa Rasul tidak bertanggungjawab memberikan keterangan yang akan menimbulkan pengertian hukum baru seperti yang dikenal dengan sebutan As-sunnah atau Hadis.

Menurut dakwaan mereka hadis disusun berdasarkan cerita dari mulut ke mulut dari orang-orang yang lebih tua yang dipandang mengerti agama. Dengan demikian mereka menganggap hadis adalah cerita tentang diri Nabi yang tidak dapat diyakini



kebenarannya.

Kepercayaan sedemikian adalah salah dan menyeleweng berdasarkan firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Isra' ayat 88 yang tafsirnya:

"Katakanlah wahai Muhammad: Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan Al-Quran ini mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka membantu sesama sendiri."

Sabda Rasulullah Sallallahu Alahi Wasallam yang maksudnya:

"Dari Abi Abas Radiallahu 'anhuma, bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesungguhnya aku telah tinggalkan kepada kamu untuk kamu berpegang dengannya, maka kamu tidak akan sesat selama-lamanya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Nabinya." (Riwayat Al-Imam Al-Hakim).

Ada pula sesetengah ketua kumpulan atau fahaman atau ajaran mengaku atau mendakwa dirinya sebagai nabi, rasul, Nabi Isa Alaihissalam dan Imam Al-Mahdi. Para ulama sepakat mengatakan bahawa tiada nabi selepas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Oleh itu maka dakwaan ini jelas kepada kita bahawa perbuatan itu bertentangan dengan ajaran agama Islam berdasarkan firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Ahzab ayat 40 yang tafsirnya:

"Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasulullah dan sesudahnya segala nabi-nabi. Dan ingatlah Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."

Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Abi Hurairah Radiallahu 'anhun dari Rasulullah Sall-

lahu Alahi Wasallam Baginda bersabda: "Dahulu-nya Bani Israel dipimpin oleh para nabi, apabila mati seseorang nabi akan diganti pula dengan seseorang nabi, sesungguhnya tidak ada nabi selepasku, dan akan terangkat selepasku beberapa khalifah bahkan akan bertambah banyak." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Oleh itu kita perlulah berhati-hati dengan aliran-aliran sedemikian yang ingin menyesatkan dengan bertopengkan Islam, mudah-mudahan dengan mengenali kriteria-kriteria ajaran sesat tersebut, sekurang-kurangnya akan dapat membuka minda dan membantu kita agar berwaspada terhadap apa jua bentuk amalan khususnya dari orang yang tidak bertanggungjawab dan tidak diketahui latar belakangnya yang ingin memporak-perandakan dan mengadu domba umat Islam dan bentuk keuntungan demi kepentingan mereka sendiri.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali-Imran ayat 83 yang tafsirnya:

"Patuklah sesudah mengaku dan menerima perjanjian itu mereka mencari lain dari agama Allah? Padahal kepada Dia-lah tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa dan kepada Dia-lah mereka dikembalikan."

## وقت سبهيخ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سبهيخ، امساک، شوروق دان ضحی باکمی دائره بروني دان موازا مولاي دري هاري رايو، 6 ذوالحجه، 1424 برسنان دغن 28 جنوري، 2004 هيگ کھاري ثلاث، 12 ذوالحجه، 1424 برسنان دغن 3 فيبروري، 2004 اداله سقرت دباوه اين۔

هجره	ظھر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
ذوالحجه									
6	12.35	3.56	6.31	7.43	5.06	5.16	6.36	7.00	جنوري 28
7	12.35	3.56	6.31	7.43	5.06	5.16	6.36	7.00	29
8	12.35	3.56	6.31	7.43	5.06	5.16	6.36	7.00	30
9	12.35	3.56	6.31	7.44	5.06	5.16	6.36	7.00	31 جنوري
10	12.35	3.57	6.32	7.44	5.06	5.16	6.38	7.00	1 فيبروري
11	12.35	3.57	6.32	7.44	5.07	5.17	6.38	7.00	2
12	12.36	3.57	6.32	7.44	5.07	5.17	6.38	7.00	3

وقت ۲ سبهيخ باکمی دائره نونوغ دغه ساتو مينيت دان دائره بلايت دغه نيگ مينيت، سبهيخ فرض جمعة دسلوروه نکارا بروني دارالسلام دمولاي دري فولکل 12.45 تھاري.

# SEMBAHYANG HARI RAYA

DENGAN NAMA ALLAH, SEGALA PUJI BAGI ALLAH, SELAWAT DAN SALAM KE ATAS RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM, KELUARGA, SAHABAT DAN PARA PENGIKUT BAGINDA

**S**EMBAHYANG *an-nafl* ialah amalan sunat yang lebih afdal daripada sunat-sunat lainnya. Menurut dalam kitab Tuhfah karangan Ibnu Hajar, bahawa sembahyang-sembahyang sunat mengikut tertib keafdalannya bermula daripada sembahyang sunat Hari Raya Adha, Hari Raya Fitrah, gerhana matahari, gerhana bulan, *istisqa'* (meminta hujan), sembahyang sunat witr, dua rakaat fajr, sunat-sunat rawatib yang selebihnya, tarawih, doha, sembahyang dua rakaat tawaf, dua rakaat tahyatul masjid, dua rakaat sunat ihram, sembahyang sunat wuduk, sunat zawal kemudian diikuti dengan sembahyang sunat mutlak.

Amalan-amalan sunat disyariatkan sebagai penampal atau menyempurnakan kekurangan amalan-amalan fardu, bahkan amalan sunat itu di akhirat nanti menjadi pengganti kepada amalan fardu yang tertinggal kerana ada uzur seperti lupa.

Apa yang dimaksudkan amalan sunat itu menjadi pengganti di akhirat kelak, ialah apabila seseorang itu tertinggal amalan fardu seperti sembahyang, tertinggal kerana uzur, kemudian meninggal dunia dan tidak sempat mengqada sembahyang fardu tersebut, maka sembahyang sunat itulah menjadi penggantian. Menjadilah setiap 70 daripada sembahyang sunat itu satu rakaat bagi sembahyang fardu. Ini kerana pahala amalan fardu melebihi 70 darjah amalan sunat.

Berlainan halnya, jika seseorang itu ingat bahawa dia mempunyai qada, maka wajib diqadanya dan jangan harap amalan sunatnya itu akan menggantinya jika tidak diqada amalan fardunya itu.

Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Hari Raya merupakan kurniaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayakan daripada Anas Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

**IRSYAD HUKUM**  
DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti  
E-mail : mufti@brunet.bn  
Fatwa@brunet.bn

mu'akkadah. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Thalhab bin 'Ubadillah Radiallahuanhu, katanya yang maksudnya:

"Seorang lelaki daripada penduduk Najd datang kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan keadaan rambut yang kusut. Kami mendengar nada suaranya tetapi tidak memahami kata-katanya. Setelah hampir kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dia terus bertanya mengenai Islam."

Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Ia adalah sembahyang lima waktu sehari semalam."

Lelaki tersebut bertanya lagi: "Masih adakah sembahyang lain yang diwajibkan kepadaku?"

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Tidak, melainkan jika engkau ingin melakukan yang sunat." (Hadis Muttafaq Alaihi).

Sembahyang Hari Raya itu sunat dikerjakan oleh orang yang mukalaf, sama ada lelaki atau perempuan, yang bermukim atau yang sedang musafir.

Sembahyang Sunat Hari Raya itu afdal dilakukan di masjid, kerana ia adalah tempat yang mulia.

Sembahyang Hari Raya sunat dan afdal dikerjakan secara berjemaah. Melainkan bagi orang yang menuaikan haji, afdal bagi mereka mengerjakan sembahyang Hari Raya Adha dengan bersendirian, kerana banyak kesibukan

antara terbit matahari sehingga tergelincir matahari. Iaitu terbitnya sebahagian daripada matahari, akan tetapi sunat dan afdal diakhirkkan sembahyang hari raya itu sehingga naik matahari dengan kadar tinggi segalah (kira-kira tujuh hasta pada pandangan mata kasar). Ini kerana bagi *ittiba'* dan bagi mengelakkan daripada pendapat yang menyatakan bahawa awal waktu sembahyang Hari Raya itu bermula pada naiknya matahari.

Sunat dengan segera bagi imam keluar untuk mengerjakan sembahyang Hari Raya Adha (sesudah naik matahari segalah) supaya luas masa untuk melakukan ibadah korban. Sementara sembahyang Hari Raya Fitrah pula sunat diakhirkkan sedikit (daripada waktu Adha tersebut) supaya luas masa untuk orang yang hendak membayar zakat fitrah.

## CARA MENERJAKAN SEMBAHYANG HARI RAYA

Sembahyang Hari Raya itu sekurang-kurangnya dikerjakan seperti sembahyang sunat wuduk. Namun yang sempurna dikerjakan dengan dua rakaat bersama-sama dengan takbir. Segala rukun, syarat dan sunat sembahyang sama dengan sembahyang-sembahyang yang lain. Hanya pada sembahyang Hari Raya itu disunatkan lagi bertakbir tujuh kali pada rakaat pertama dan lima kali pada rakaat kedua.

Lafaz niat Hari Raya Adha yang ertinya:

"Sahaja aku sembahyang sunat Hari Raya Adha dua rakaat kerana Allah Taala."

Lafaz niat Hari Raya Fitrah yang ertinya:

"Sahaja aku sembahyang Sunat Hari Raya Fitri dua rakaat kerana Allah Taala."

Pada rakaat pertama sesudah membaca *do'a awawuz* dan Surah Al-Faatihah. Kemudian diikuti dengan

membaca surah-surah Al-Quran. Pada rakaat pertama sunat membaca Surah Qaf dan rakaat kedua Surah Al-Qamar atau Surah Al-Ghaasyiyah.

## KHUTBAH HARI RAYA

Sunat khatib membaca dua khutbah selepas mengerjakan sembahyang Hari Raya. Segala rukun dan perkara sunat ketika berkhutbah adalah sama dengan rukun dan perkara sunat Khutbah Jumaat. Walau bagaimanapun sedikit perbezaan pada syarat khutbah hari raya dan Jumaat, iaitu ketika imam membaca khutbah Hari Raya tidak disyaratkan berdiri, duduk antara dua khutbah, bertaharah dan menutup aurat, akan tetapi disunatkan sahaja.

Dimulakan pada khutbah pertama dengan bertakbir sebanyak sembilan kali dan khutbah kedua sebanyak tujuh kali dibaca dengan berturut-turut. Hendaklah khatib memisahkan antara dua khutbah itu dengan memperbanyakkan takbir, boleh juga dipisahkan dengan bertahmid, tahlil dan puji-pujian sebagaimana dinyatakan dalam syarah Az-Zubad. Hal melafazkan takbir sebagai pemisah antara dua khutbah tersebut, tidak disunatkan bagi makmum melafazkannya, bahkan disunatkan mendengarnya daripada khatib.

Sunat juga bagi khatib ketika Hari Raya Fitri berkhutbah mengenai hukum-hukum zakat fitrah. Manakala Hari Raya Adha pula sunat berkhutbah mengenai hukum-hukum ibadah korban.

Tidak disunatkan berkhutbah bagi orang yang mengerjakan sembahyang Hari Raya dengan bersendirian. Demikian juga bagi jemaah perempuan, melainkan ada lelaki yang membacakan khutbah untuk mereka.

Adalah sunat mengangkat tangan pada setiap kali takbir dan sunat diselang-seling setiap takbir itu dengan suara *israr* mengucapkan zikir

(سبحان الله وبحمده لا اله الا الله وحده لا شريك له)

Selepas bertakbir tujuh kali dan lima kali baharulah membaca *do'a awawuz* dan Surah Al-Faatihah. Kemudian diikuti dengan

## BERSAMBUNG

# Korban

Dari hadis itu jelas kepada kita keutamaannya ibadah korban. Ianya merupakan satu ibadah yang disyariatkan oleh Islam bagi mengingati pengorbanan teragung Nabi Ibrahim Alaihissalam terhadap puteranya Nabi Ismail Alaihissalam, di samping ianya merupakan satu amalan yang besar ganjarannya seperti sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bazar dan Al-Imam Ibnu Hibban yang bermaksud:

"Wahai Fatimah berdirilah di sisi korbanmu dan saksikanlah ia, sesungguhnya titisan darahnya yang pertama itu pengampunan bagimu atas dosa-dosamu yang telah lalu."

Begitulah besarnya ganjaran yang akan

diterima oleh orang-orang yang melakukan korban. Pada akhirnya ibadah ini hanyalah pengorbanan seekor binatang sahaja, namun apabila kita perhatikan dengan lebih teliti ianya merupakan satu ibadah yang dapat melatih kita supaya sentiasa ingin berkorban. Berkorban masa, wang ringgit, tenaga dan jiwa raga.

Dengan adanya semangat berkorban, ianya dapat mengikis sifat bakhil dan terlahu sayangkan harta untuk membelanjakan ke arah kebaikan dan sekali gus dapat membantu orang-orang yang kurang berkemampuan dan tidak bernasib baik supaya mereka gembira dan bahagia apabila merasakan hidup mereka mendapat simpati daripada orang lain.

# Menuju Keredaan Allah

كلوان ثومة دعوه اسلاميه

Dan di samping itu dapat mewujudkan suasana hidup bermasyarakat, bersatu padu, saling membantu dan hormat-menghormati. Keadaan ini akan menimbulkan rasa kasih sayang dan dapat mengeratkan lagi silaturahmi sesama Islam.

Jelasnya kepada kita ibadah korban dapat membersihkan jiwa manusia dari sifat-sifat keji, jika ianya dilakukan dengan niat dan amal yang ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wataala tetapi adalah sebaliknya jika ianya dilakukan dengan sifat riya, membangga diri dan menunjuk-nunjuk akan kemampuan atau kelebihan yang mereka ada nescaya sia-sialah amalan mereka.

**K**ITA telah berada dalam bulan Zulhijah, cuma tinggal beberapa hari saja lagi kita akan menyambut Hari Raya Adha. Dalam keriangannya menantikan kedatangan Hari Raya Adha, satu amalan yang sangat dituntut dan dianjurkan kepada orang-orang yang berkemampuan iaitu melakukan ibadah korban dengan menyembelih haiwan seperti kambing, lembu, kerbau atau unta. Seekor kambing untuk seorang manakala lembu, kerbau atau unta untuk tujuh orang. Penyembelihan tersebut dilakukan pada hari kesepuluh Zulhijah dan hari-hari tasyrik iaitu 11, 12 atau 13 Zulhijah.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Tiada ada suatu amalan yang dikerjakan oleh anak Adam pada Hari Raya Haji yang lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wataala dari menumpahkan darah. Bahawasanya ia (korban itu) datang pada Hari Kiamat dengan tanduk-tanduknya, bulu-bulunya dan kuku-kukunya, dan bahawasanya darah (korban itu) mendapat tempat yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wataala sebelum darah itu tumpah ke bumi, oleh kerana itu hendaklah kamu berkorban dengan hati yang bersih." (Riwayat At-Tirmizi).

# Pameran Forum Seni Brunei 2004

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Januari - Forum Seni Brunei 2004 yang merupakan susulan projek tahun 2002 kini dibukaan bagi kunjungan orang ramai yang berlangsung di Balai Pameran Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei di Jalan Residency di sini.

Terlaksananya forum ini adalah hasil sekumpulan pelukis yang berkumpul bagi menyempurnakan hasil lukisan mereka yang bermastautin di negara ini.

Pameran yang dibukaan bagi kunjungan orang

Oleh  
Abu Bakar HAR

ramai boleh disaksikan sehingga penghujung bulan ini sewaktu masa bekerja.

Lebih 30 buah lukisan yang dihasilkan oleh pelukis-pelukis tempatan dan luar negara telah dipamerkan di pameran itu.

Hadir merasmikan pameran tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela

Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Pameran yang dikenali sebagai Seni Brunei 2004 itu mempamerkan hasil seni lukisan yang mempamerkan seni visual di negara ini yang mempamerkan budaya bagi menggalakkan interaksi antara berbilang budaya.

Selain penyertaan yang menggalakkan dari pelukis tanah air, pameran ini juga melibatkan pelukis-pelukis dari luar negara seperti Kanada, Republik Indonesia, New Zealand, Sweden dan Amerika Syarikat.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyaksikan Pameran Forum Seni Brunei 2004, yang dihasilkan oleh pelukis-pelukis tempatan dan luar negara sejurus merasmikannya. Majlis berlangsung di Balai Pameran, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei di Jalan Residency. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

# Al-Hafiz gelaran berharga yang bukan ringan

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Januari - Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar berkata, menghafal Al-Quran bukanlah suatu yang mudah kerana memerlukan pengorbanan sama ada melalui proses pembelajaran menghafaznya, apatah lagi setelah mendapat gelaran sebagai Al-Hafiz.

Menurut Yang Dimuliakan, seseorang yang bergelar Al-Hafiz pada dasarnya merupakan

Oleh  
Haji Ahmad HS

orang yang dipilih oleh Allah Subhanahu Wataala untuk dianugerahkan sesuatu yang amat berharga kepadanya dan sekaligus sebagai amanah yang bukan ringan dalam meneruskan dan memelihara kehormatannya.

"Bahkan kelebihan orang yang bergelar Al-Hafiz selain dapat memelihara kesucian Al-Quran, kelebihannya melimpah mengalir kepada kaum keluarganya melalui syafaat Al-Quran yang dihafalnya," jelas Yang Dimuliakan di Majlis Perasmian Minggu Taaruf Pelajar-pelajar Baru Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah Sesi Pengajian 1424/2004 yang berlangsung di dewan institut itu.

Yang Dimuliakan seterusnya berharap pelajar-pelajar yang berjaya mengikuti pembelajaran di institut itu akan memanfaatkan peluang keemasan itu dengan sebaiknya.

Di majlis itu, Yang Dimuliakan juga menyentuh mengenai kemuliaan dan kesucian Al-Quran.

Kemuliaan dan kesucian Al-Quran, tegas Yang Dimuliakan, tidak perlu diragukan. Walaupun pelbagai usaha dan tindak tanduk musuh Islam cuba untuk menodai dan mendustakan Al-Quran tetapi segala usaha itu sedikit

pun tidak mendapat kejayaan apatah lagi untuk mengelirukan umat Islam.

"Hari ini kita dikejutkan dengan pelbagai dakwaan kepalsuan dan pemboghongan terhadap Al-Quran daripada pembawa ajaran sesat dan menyeleweng daripada kalangan orang Islam sendiri dengan mengatakan ianya mendapat wahyu baru sebagai tambahan kepada Al-Quran dan pelbagai lagi pemboghongan dan pendustaan," ujar Yang Dimuliakan.

Kalangan musuh Islam, tambah Yang Dimuliakan, cuba meragukan keyakinan umat Islam terhadap kemuliaan dan kesucian Al-Quran Kalamullah dengan tujuan supaya umat Islam meninggalkan Al-Quran daripada segi membacanya, menghafaz termasuklah berpegang dan beramal dengan ajaran yang terdapat di dalam Al-Quran.

Sebagai orang yang beriman kepada Al-Quran, tegas Yang Dimuliakan, kita hendaklah yakin bahawa Al-Quran Kalamullah itu akan tetap terjamin kemuliaan dan kesuciannya di atas bumi Allah ini kerana yang menjadi penjamin itu bukan makhluk akan tetapi Allah Subhanahu Wataala sendiri.

Yang Dimuliakan seterusnya menambah bahawa hari ini kita menyaksikan di setiap negara Islam, pelbagai usaha dilakukan sama ada melalui penulisan semula

Al-Quran dan pencetakan, akan tetapi yang menjadi keutamaan dalam menjaga kesucian dan kemuliaan Al-Quran ialah melalui penghafalan Al-Quran.

Menurut Yang Dimuliakan, keutamaan dan kelebihan yang tinggi diberikan kepada orang yang hafiz Al-Quran berbanding dengan mereka yang berusaha memelihara Al-Quran melalui penulisan dan pencetakan adalah memandangkan apa yang tersimpan di dalam dada para Al-Hafiz itu tidak dapat untuk diubah dan didustakan oleh mereka yang cuba menodai dan mendustakan Al-Quran.

Sesuatu yang dihafal dengan baik dan dipelihara serta dijaga hafalan itu setiap masa, jelas Yang Dimuliakan, adalah umpama nukilan di atas batu yang tidak mudah untuk dihapuskan atau dipadamkan.

Di majlis itu, Yang Dimuliakan selaku tetamu kehormat juga menyampaikan Mushaf Al-Quran kepada pelajar-pelajar baru seramai 38 orang iaitu 15 orang lelaki dan 23 orang pelajar perempuan.

Sejak penubuhannya, institut itu telah berjaya melahirkan seramai 46 orang yang telah berjaya khatam hafaz 30 juz, iaitu 33 orang lelaki dan 13 orang perempuan. Darpada jumlah itu, seramai tujuh orang telah disahkan sebagai Al-Hafiz, manakala tiga orang telah disahkan hafal 20 juz dan 12 orang lagi hafal 10 juz.



HAKIM Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim ketika menyampaikan Mushaf Al-Quran kepada seorang pelajar baru Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah Sesi Pengajian 1424/2004. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PELAJAR-PELAJAR baru Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah terdiri dari 15 orang pelajar lelaki dan 23 orang perempuan ketika membaca ikrar pelajar. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

## MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

# Raikan Aidiladha dengan ketaqwaan

**H**ARI RAYA Aidiladha disambut pada hari kesepuluh bulan Zulhijah, bulan terakhir pada kalendar Hijrah Islam. Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Haji yang juga dikenali sebagai Hari Raya Korban di kalangan orang kita pada 'dasarnya' membawa 'istilah' yang sama maknanya. Bahkan terdapat pelbagai pendapat-pendapat ulama mendefinisikan Hari Raya Aidiladha dengan pelbagai 'hurairan'. Sesetengah berpendapat Hari Raya Korban secara bahasa bererti mendekat/pendekatan. Sedangkan pengertiannya menurut agama adalah usaha pendekatan diri seseorang hamba kepada penciptanya dengan jalan menyembelih binatang yang halal dan dilaksanakan dengan tuntutan dalam rangka mencari reda-Nya. Berdasarkan firman Allah,

*"Ceritakanlah kepada mereka kisah kedua putera Adam (Habil dan Qabil) menurut yang sebenarnya ketika keduanya mempersembahkan korban maka diterima dari salah seorang dari mereka berdua (Habil) dan tidak diterima dari yang lain (Qabil). Ia berkata (Qabil): Aku pasti membunuhmu! Berkata*

*Habil: "Sesungguhnya Allah hanya menerima korban dari orang-orang yang bertaqwa." (Al-Maa'idah ayat 27).*

Bahkan di dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wataala telah menamakan Hari Raya Haji dengan Hari Haji Akbar. Firman Allah dalam Surah At-Taubah ayat 3 yang tafsirnya:

*"Dan suatu pengumuman daripada Allah dan Rasul-Nya kepada umat manusia pada Hari Haji Akbar bahawa sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya berlepas diri dari orang-orang Musyrikin."*

Hari Raya Aidiladha mengingatkan kita pula 'pengorbanan' suci yang dihadapi oleh Nabi Ibrahim iaitu ketika ia mendapat mimpi supaya menyembelih anaknya Nabi Ismail dan kerelaan Nabi Ismail tunduk kepada kemahuan bapanya tanpa alasan patut dijadikan sebagai 'iktibar' pada kita. Iaitu melakukan sesuatu itu patutnya ikhlas semata-mata kerana Allah. Lebih menyedihkan ada yang berpendapat dan berfikir bahawa ibadat korban tersebut dianggap sebagai satu jalan untuk menunjukkan bahawa diri lebih bermurah hati tetapi dalam hati

tidak ikhlas dan sering bersungut mengatakan: "Habis tia duitku". Bahkan tidak kurang juga beranggapan bahawa ibadat korban dijadikan suatu kemestian tiap-tiap Hari Raya Aidiladha menjelang. Dengan kata lain: Kita patut fikirkan sejenak apa faedahnya korban-korban yang disembelih Hari Raya Haji yang dianggap oleh tuannya suatu kemestian tetapi dengan melupakan orang-orang yang berhajat, fakir miskin dan yang berhak menerimanya.

Ibadat korban tersebut perlu dilakukan secara ikhlas kerana Allah dan bukannya bertujuan hendak menunjuk-nunjuk bahawa seseorang itu mampu untuk melaksanakannya. Dari Aisyah Radiallahuanha Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

*"Tiada ada sesuatu amalan yang dikerjakan oleh anak Adam pada Hari Raya Haji yang lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wataala dari menumpahkan darah. Bahawasanya ia (korban itu) datang pada Hari Kiamat dengan tanduk-tanduknya dan bulu-bulunya dan kuku-kukunya dan bahawasanya darah (korban itu)*

*mendapat tempat yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wataala sebelum darah itu tumpah ke bumi, oleh kerana itu hendaklah kamu berkorban dengan hati yang bersih." Hadis riwayat Al-Imam At-Tarmizi.*

Dalam Islam hari-hari perayaan bagi kita orang Islam iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Haji hendaklah disambut, pertamanya dengan beribadat dan taqwa. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda mengenai Hari Raya Puasa dan Haji:

*"Siapa yang berjaya pada kedua malam Hari Raya (Puasa dan Haji) dengan mengingati Allah nescaya hatinya tiada mati pada hari matinya semua hati-hati lain."*

Bahkan pada hari-hari perayaan tersebut kaum Muslimin disyariatkan memulakan dengan suatu sembahyang yang istimewa iaitu sembahyang Hari Raya dan 'dikemundang' dengan gemanya laungan takbir-takbir raya. Di negara kita, kita bersyukur kerana dengan 'pemedulian' raja

yang kita sayangi dan kasih telah berkenan bersama-sama meraikan Hari Raya Haji bersama rakyat di negara ini serta tidak pernah lupa mengurniakan daging-daging korban dan diagih-agihkan kepada yang berhak menerimanya setiap kali menjelangnya Hari Raya Haji.

Malah terdapat juga mereka yang menyedekahkan daging-daging korban setiap menjelangnya Hari Raya Aidiladha dan sebagainya penerima kita patut bersyukur dengan apa yang diberi dan adalah tidak patut membandingkan dan menilaikan hasil pemberian tersebut atau daging-daging korban tersebut kerana semua itu adalah 'utusan' Allah semata-mata bagi 'menilai' ibadat korban yang telah dilakukan oleh tuannya. Apa yang penting ialah ketulusan dan ketaqwaan orang yang melakukan ibadat korban tersebut iaitu semata-mata kerana Allah dan bukannya melakukan ibadat korban sehingga berpuluh-puluh ekor sedangkan di dalam dirinya tiada ketaqwaan serta ikhlas terhadap apa yang dilaku-

kan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hajj ayat 37 yang tafsirnya:

*"Daging-daging unta dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai keridaan Allah tetapi ketaqwaan dari kamu lah yang dapat menjamin. Demikianlah Allah telah menundukkannya untuk kamu supaya kamu mengagungkan Allah terhadap hidayah-Nya kepada kamu. Dan berikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat baik."*

Marilah kita berdoa

agar segala amalan ibadat yang kita lakukan mudah-mudahan akan diredai oleh Allah dan semoga amalan ibadat korban pada Hari Raya Aidiladha tahun ini akan membawa 'kekikimatan' kepada kita baik dari segi duniawi mahupun akhirat kelak.

Zatul Himmah Izzat  
binti Haji Mohd.  
Tejuddin,  
'Baitul Sa'adah',  
No. 24, Jalan 31,  
Simpang 47,  
RPN Lambak Kanan,  
BC 2915.  
No. k/p: 00-300127.

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Badaya Murni Bukan Penghalang Kemajuan'. Tarikh tutup 4 Februari 2004.
2. 'Membuang Anak Damit Perbuatan Terkutuk'. Tarikh tutup 11 Februari 2004.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dibantarkan kepada:

Sidang Penyunting,  
Minda Pembaca,  
Unit Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.  
email: pelita@brunet.bn

## Berkorban perlu ikhlas

**H**ARI RAYA Aidiladha merupakan salah satu di antara hari-hari kebesaran di dalam kalendar Islam. Ianya juga dikenali dengan Hari Raya Korban dan sesetengah masyarakat kita menamakan juga dengan Hari Raya Haji.

Sebagai umat Islam kita sudah semestinya mengagungkan dan membesarkan hari-hari kebesaran agama kita sendiri. Ianya hendaklah dibesarkan mengikut selayaknya. Kita hendaklah memahami konsep atau cerita di sebalik kebesaran hari-hari tersebut. Begitu-lah halnya Hari Raya Aidiladha yang mana hari raya tersebut mengandungi beberapa pengajaran yang tertentu di sebalik kita merayakannya.

Umpamanya pada Hari Raya Aidiladha kita selaku umat Islam digalakkan untuk melakukan ibadat korban jika kita berkemampuan. Ibadat korban itu sendiri secara tidak langsung dapat membantu orang-orang yang memerlukan untuk menampung kehidupan mereka. Ianya juga menggalakkan kita untuk sentiasa bersedekah kerana sedekah itu sendiri akan membawa keberkatan di dalam harta benda kita. Menghilangkan rasa mennggi diri, takbur, riyak dan banyak lagi.

Maka tidak salahlah jika sekiranya kita merayakan Hari Raya Aidiladha. Kerana kedua-dua hari raya ini hampir mempunyai kesamaannya terutama di dalam ibadat bersedekah dan hanya berlainan tujuan ia diadakan sahaja. Iaitu Hari Raya Aidiladha adalah hari raya yang mengenangkan kita serta mengajak kita merenung sejenak tentang peristiwa Nabi Ibrahim Alaihissalam yang mengorbankan anaknya sendiri iaitu Nabi Ismail Alaihissalam, manakala Hari Raya Aidilfitri pula merupakan hari kemenangan kita di dalam melawan hawa nafsu selama sebulan berpuasa di bulan Ramadan.

Oleh yang demikian ada baiknya kita menyambut dan membesarkan Hari Raya Aidiladha mengikut kemampuan kita. Jika

sekiranya kita mempunyai kemampuan yang lebih maka sebaiknya kita melakukan ibadat korban serta mengagih-agihkannya kepada saudara-saudara sesama Islam yang memerlukan kerana tangan yang menghulur itu lebih baik daripada tangan yang meminta. Jika sekiranya kita kurang kemampuan maka samutlah Hari Raya Aidiladha dengan cara yang sederhana sahaja iaitu dengan menyediakan juadah-juadah masakan yang boleh mengenyangkan iaitu dengan cara menjemput sanak saudara datang berkunjung ke rumah samalah halnya seperti mengadakan rumah terbuka di Hari Raya Aidilfitri, di samping secara tidak langsung mengeratkan lagi tali kekeluargaan kita.

Jika sekiranya kita tidak mempunyai kemampuan seperti di atas maka memadailah dengan cara pergi ke masjid untuk sama-sama mendirikan sembahyang Hari Raya Aidiladha berjemaah dan melauangkan kalimat takbir memuji lili tanda kesyukuran kita di atas segala limpah-Nya yang telah dikurniakan kepada kita selama ini.

Dalam kesimpulannya, samutlah dan rayakanlah Hari Raya Aidiladha mengikut kemampuan kita. Kerana hari-hari kebesaran di dalam kalendar Islam mempunyai hikmah-hikmah yang tersendiri yang mana hikmah-hikmah tersebut tidak akan dapat kita capai serta kita capai jika sekiranya kita tidak membesarkan hari-hari kebesaran tersebut dengan selayaknya. Umpamanya Hari Raya Aidiladha yang mempunyai seribu satu macam hikmah yang tersirat serta tersurat di dalamnya maka rebutlah peluang tersebut selagi hayat dikandung badan dan selagi roh belum terpisah dengan badan.

Mohd. Shahrol Azmi bin Haji Abdul  
Muluk,  
No. 9, Simpang 35, Jalan Tanjong Bunut  
Kiri, Kampong Tanjong Bunut, BF 2920.  
No. k/p : 00-293071.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Raikan Aidiladha Dengan Selayaknya'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

## Hayati peristiwa korban

**H**ARI RAYA Aidiladha diraikan mulai 10 Zulhijah pada tiap-tiap tahun mengikut kalendar Hijrah. Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Korban lebih tertumpu kepada melakukan penyembelihan korban terhadap binatang-binatang seperti kambing, kerbau, lembu dan sebagainya untuk disedekahkan kepada fakir miskin. Tujuan berkorban adalah semata-mata bagi menyatakan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala.

Contoh pengorbanan Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail akhirnya dicontohi oleh semua umat Islam di dunia dalam sama-sama menunjukkan ketaqwaan mereka kepada Allah Subhanahu Wataala.

Marilah kita sama-sama mengimbas kembali apa yang terjadi di sebalik peristiwa korban apabila Nabi Ibrahim Alaihissalam yang mendapat mimpi di mana Allah Subhanahu Wataala telah memerintahkan supaya menyembelih anaknya Ismail. Perintah tersebut dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail menerimanya dengan penuh ketaqwaan.

Belum pun sempat mata pedang mencecah tengkuk Nabi Ismail, terdengarlah satu suara "Hai Ibrahim! Mimpi itu adalah benar, dan kamu telah mematuhi. Dan kami akan bala ketaatannya." Nabi Ibrahim menoleh dan dilabuhnya seekor kibas (sejenis kambing) telah mengganti Ismail. Kibas itu dikorbankan. Nabi Ibrahim mengucap syukur kepada Allah kerana telah berjaya menjalani ujian tadi. Dan Allah telah membalas ketaatan mereka dengan balasan baik.

Ketahuilah bahawa Hari Raya Aidiladha adalah hari ibadat, hari kita menunjukkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala. Hari Raya Aidiladha adalah sangat dituntut dalam agama Islam dari itu hendaklah kita

mengambil inisiatif bahawa barang siapa yang mengerjakan ibadat korban lalu membahagi-bahagikan daging korban itu kepada orang Islam, terutama orang yang tidak berkemampuan misalnya fakir miskin nescaya Allah Subhanahu Wataala menjanjikan pahala yang besar kepadanya sebagai ganjarannya atas ibadat korban yang dilakukannya.

Kita hendaklah memenuhi ajaran Islam supaya cara merayakan Hari Raya Aidiladha itu tidak bercanggah yakni bertentangan dengan agama Islam. Kita raikan Hari Raya Aidiladha dengan selayaknya yakni sepatutnya mengikut cara meraiikannya (menyambutnya).

Sebaiknya kita samutlah Hari Raya Aidiladha itu dengan seadanya dengan bersalat Hari Raya Aidiladha terlebih dahulu mengucapkan kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu Wataala sebelum melaksanakannya ibadat korban seperti sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. "Sesiapa yang menyembelih korban sebelum salat, maka tidak sahlah korbanannya itu." Dalam pada itu juga hendaklah memastikan binatang-binatang yang akan disembelih dan dijadikan korban itu adalah binatang yang cukup syarat-syaratnya.

Sama-samalah kita menghayati konsep Aidiladha sebenar dengan meraikan Aidiladha menurut selayaknya semoga kita mendapat keberkatan Allah dan amal ibadat kita diterima oleh-Nya jua.

Sarirah binti Suhaimi,  
No. 10 'B', Simpang 135-24-8, STKRJ Kampong  
Rimba, Gadong, BE 3319.  
No. k/p : 00-315491.

REMAJA

# KENAPA IA TERJADI ...

OLEH H. A. MANAP

**C**UBALAH kita luangkan sedikit masa untuk merenungkan keadaan di sekeliling kita. Dimanakah silapnya jika masih ada yang tidak sayang pada dirinya dan orang lain. Apakah kita sudah mulai lemas oleh arus perubahan yang dibawa oleh kesan dan pengaruh negatif yang berligar, atau memang kita sudi untuk membuka ruang supaya segala yang tidak sesuai boleh masuk ke dalam ruang lingkup kehidupan kita. Mungkin ini tidak kita sedari kerana ia datang tanpa disedari menghiasi kehidupan kita. Maka dengannya terjadilah kerosakan akhlak, gejala penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas dan keruntuhan rumah tangga yang akhirnya menyebabkan ramai yang terjebak dengan melakukan perkara yang tidak sepatutnya berlaku.

Bila gejala sosial berlaku siapa lagikah yang disalahkan, teruskan kita akan menuding jari ke pihak-pihak tertentu lantaran ketiadaan bimbingan, tunjuk ajar dan mungkin bermacam lagi perkara yang boleh sahaja dijadikan sebab kenapa ia berlaku. Rasanya tidak sepatutnya keadaan dan sikap sedemikian ini wujud dalam diri setiap kita. Kita perlu menanamkan sikap bertanggungjawab, mengasahi dan menjaga diri agar kehidupan ini bersih kita lalui dan kita tidak semestinya lepas untuk sentiasa ingat dan taat kepada Allah Subhanahu Wataala. Apa yang kita lalui jangan kita jadikan kehidupan ini sebagai hamparan

yang cuma menjanjikan perkara-perkara yang membahagiakan dalam jangka pendek dan merosakkan kehidupan secara berpanjangan. Berita mengenai pembuangan anak kecil walaupun bilangannya agak sedikit akan tetapi keadaan ini boleh membuatkan kita cemas. Kerana ia mungkin akan bermula dengan bilangan yang sedikit, namun bilangannya mungkin bertambah banyak jika ini tidak dibendung. Perseorangan yang timbul ialah ia merupakan gejala sosial yang mungkin merosak masyarakat kita, jika perkara ini kita biarkan berlaku begitu sahaja.

Punca pergaulan bebas selalunya menjadi penyebab kenapa keadaan ini terjadi, adalah menjadi kewajipan kepada semua remaja untuk mempertahankan nilai-nilai kehidupan ini de-

ngan sebaiknya. Asas atau benteng yang dapat dipergunakan untuk mempertahankan nilai dan moral diri adalah kekuatan pegangan beragama. Kita tidak boleh membiarkan kehidupan ini hanyut oleh arus pengaruh gejala sosial yang tidak sihat. Kepekaan dalam menentukan corak kehidupan yang baik dan berlandaskan ajaran agama tidak boleh dianggap sebagai perkara yang ringan. Kita tidak boleh mengabaikan tanggungjawab beragama dengan semudahnya. Kerana jika kita tidak peka akan tanggungjawab ini maka akan mudahlah kita dipengaruhi oleh gejala sosial yang tidak sihat.

Tanggungjawab diri remaja adalah penting untuk menjaga maruah dan moral diri, kerana jika kita cermat dan teliti dalam menjaga kehidupan ini nescaya kita akan dapat mencapai kebahagiaan dan juga dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Kesempurnaan hidup adalah matlamat yang kita inginkan.

Namun jika sudah tersilap langkah kitalah yang akan menyesal dan menanggung akibatnya secara berpanjangan. Justeru kita perlu kepada pendirian hidup yang ideal dan terarah. Maknanya kita perlu kepada pendirian yang kukuh tidak rapuh dan tidak mudah untuk dipengaruhi.

Cuba bayangkan kalau kita tidak mampu memiliki ciri sedemikian, bagaimanakah orang lain akan melihat kepada kita. Ada orang yang mengeluh merasakan kehidupan ini terasa begitu sukar dan menyakitkan baginya. Ia tidak tahu bagaimana menghadapinya dan hampir menyerah kalah dalam kehidupan. Namun kekuatan diri itu banyak bergantung kepada cara kita. Jika kita melatih diri untuk sentiasa hidup dalam lingkungan kekuatan beragama dan ketaatan kepada ajarannya, mungkin agak sukar untuk ini berlaku.

Kita adalah merupakan masyarakat yang terdidik dan terasah dengan adat sopan dan kekuatan pegangan beragama. Apakah kita tidak dapat mempertahankan nilai dan juga kekuatan ini, tentunya ini boleh kita lakukan. Kita yang bertanggungjawab terhadap diri kita, dan kitalah yang menentukan bagaimana untuk kita mencorakkannya. Kemampuan untuk menghadapi ujian dan cabaran mendatang adalah tugas dan tanggungjawab kita. Jagalah maruah diri, sentiasalah berpegang kepada ajaran Allah dan Rasul-Nya, peganglah sekuatnya nescaya kita akan selamat di dunia dan di akhirat nanti.



PENGARAH Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol menyampaikan sijil kepada seorang belia yang menyertai Program BA'ATH Siri Pertama. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PENGARAH Belia dan Sukan dan lain-lain pegawai serta para belia yang menyertai Program BA'ATH Siri Pertama. - Gambar oleh Ramli Tengah.

## Pergolakan sosial cabar kehidupan belia

BERAKAS, 15 Januari. - Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol berkata, para belia sebagai anak watan yang bertanggungjawab kepada negara, agama, bangsa dan masyarakat sangat mustahak menjaga kebolehan yang mulia dan terpuji kerana dalam era zaman serba moden ini pergolakan sosial sentiasa mencabar cara kehidupan para belia.

Menurut beliau, para belia adalah diakui golongan yang akan memainkan peranan penting bagi meneruskan usaha-usaha pembangunan dan kemajuan negara dalam semua bidang agar keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat dan negara akan sentiasa terjamin serta dapat dinikmati di masa akan datang.

Beliau berucap demikian di Majlis Penyempai Sijil-sijil kepada 11 orang belia yang menyertai Program BA'ATH Siri Pertama menambah, keberkesanan usaha-usaha yang sedang dan akan dibuat

Oleh  
Haji Ahmad HS

oleh pihak-pihak tertentu diharapkan akan dapat melahirkan para belia yang bersikap positif dan mahu untuk memajukan dan memperbaiki diri sendiri di dalam apa jua lapangan yang diceburi.

"Kita sedari bahawa masalah belia adalah begitu susah untuk diatasi tanpa adanya kesedaran dan kekuatan hati para belia untuk mengatasinya sendiri," ujar beliau.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan bahawa masyarakat pula perlu sedar bahawa menangani masalah belia adalah satu obligasi moral yang perlu dilaksanakan dan tanpa adanya usaha-usaha yang fokus untuk membimbing hala tuju belia-belie, maka akan lahirlah dalam jiwa belia yang kurang beriman, rasa tidak puas hati dalam pelbagai bentuk terhadap masyarakat sebagai manifestasi kekecewaan.

Oleh itu ujar beliau, pembentukan unsur-unsur keperibadian yang positif dan penyerapan ilmu pengetahuan dan pengalaman kepada para peserta kursus melalui kegiatan-kegiatan di sepanjang kursus akan dapat menyakinkan para peserta supaya tidak mudah putus asa apabila berhadapan dengan sebarang masalah yang mungkin akan ditempuhi.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, tegas beliau akan sentiasa prihatin dalam menyediakan pelbagai program dan kemudahan asas bagi membentuk golongan belia yang bertanggungjawab, berilmu, berdisiplin dan dapat mencerminkan kepimpinan yang baik kepada masyarakat.

Program BA'ATH Siri Pertama berjalan selama sepuluh hari bermula pada 6 hingga 15 Januari 2004 dengan bentuk kursus

cabaran peribadi. Program itu berpusat di Pusat Logistik OBBB, Batang Duri dan Pusat Operasi OBBB, Belalong, Temburong yang dibahagikan dua fasa iaitu fasa cabaran dan pengembangan dan fasa mini kerja kemasyarakatan.

Matlamat program ialah untuk memberikan kesedaran dan keyakinan kepada para peserta akan tingkat potensi dan tahap keupayaan sebenarnya yang mereka miliki; memberi peluang untuk menemakan keperibadian dan kekuatan serta ketahanan jati diri yang mereka miliki khususnya di dalam ciri berdikari, tekad untuk berjaya, inisiatif, disiplin, bertanggungjawab, keyakinan diri, motivasi, interaksi, kepimpinan, prihatin dan kerjasama berpasukan, di samping untuk memantapkan semula nilai jati diri dan ciri keperibadian mereka ke arah menanai pelbagai cabaran dalam kehidupan dan menanamkan rasa cita serta bertanggungjawab terhadap bangsa, agama dan negara.

# Mengemaskinkan kedudukan sempadan mukim, kampung

BERAKAS, 17 Januari. - Dalam usaha mengemaskini lagi sempadan antara mukim dan kampung Jabatan Ukur hari ini mengadakan taklimat mengenai sempadan antara mukim dan kampung yang berlangsung di Pejabat Daerah Brunei dan Muara di sini.

Taklimat yang dihadiri oleh penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di Daerah Brunei dan Muara itu disampaikan oleh Juruukur Agung, Pengiran Haji Matussin dan merupakan lanjutan perjumpaan antara beliau dengan pegawai daerah.

Menurut Pengiran Haji Matussin, perjumpaan seperti itu antara lain bertujuan untuk memberikan maklumat secara lebih dekat mengenai apakah peranan Jabatan

Oleh  
**Abu Bakar HAR**

Ukur dalam membantu pentadbiran mukim dan kampung dan seterusnya daerah di negara ini terutama dalam mengemaskinkan kedudukan sempadan mukim dan kampung di setiap daerah.

Dalam taklimat penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung juga mendengarkan mengenai dengan penyediaan garis pandu yang digunakan sebagai garis panduan penentuan sempadan mukim dan kampung di samping mengenal pasti kesahihan kedudukan, sempadan mukim dan kampung yang ada dalam peta.

Selain dari itu, katanya

dengan bersemuka secara dekat seperti pagi itu akan menimbulkan pelbagai isu yang dapat dikongsikan bersama.

Taklimat pagi itu adalah dihasratkan bagi memberikan maklumat dan taklimat mengenai isu-isu yang penting yang belum lagi dapat diselarasakan atau diperseujui iaitu isu-isu sempadan mukim dan

kampung.

Dalam perjumpaan itu beberapa orang pegawai Jabatan Ukur juga telah berkesempatan untuk menunjukkan satu taklimat yang berhubung kait dengan sistem informasi yang pernah ditunjukkan kepada beberapa orang penghulu dan ketua kampung dalam satu seminar tahun lalu.



JURUUKUR Agung, Pengiran Haji Matussin ketika memberikan taklimat mengenai sempadan mukim dan kampung di setiap daerah (atas). - Gambar oleh Masri Osman.

PARA penghulu dan ketua kampung Daerah Brunei dan Muara ketika menghadiri taklimat memperkemaskini kedudukan sempadan mukim dan kampung. Majlis berlangsung di Pejabat Daerah Brunei dan Muara (kiri). - Gambar oleh Masri Osman.



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim ketika menyampaikan sijil dan cenderamata kepada seorang pelajar yang berjaya dalam 'Graduation' bagi pelajar Prauniversiti 2, tahun 2003 yang berlangsung di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

# Pelajar aset dan pewaris negara

Oleh  
**Aliddin HM**

RIMBA, 19 Januari. - Para pelajar adalah aset dan pewaris akan datang yang akan menjadi seorang warga yang berguna dalam menyumbang ilmu kepada masyarakat dan negara.

Dalam menghadapi dunia yang semakin mencabar dan bersaing hebat ini, adalah wajar bagi para pelajar membekalkan diri dengan ilmu yang tinggi, di samping mempunyai nilai moral dan kerohanian yang terpuji.

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim berkata demikian di Majlis Graduation Bagi Pelajar-pelajar Prauniversiti 2 tahun 2003 bagi Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan yang berlangsung di maktab berkenaan di sini.

Menurut beliau, dalam era globalisasi, ekonomi yang berpandukan pengetahuan dan kemajuan teknologi yang sangat pesat, pengetahuan atau pembelajaran asas, tidak lagi mencukupi untuk para pelajar bersaing.

"Kita perlu menguasai kemahiran dalam belajar sepanjang hayat (life long learning) dengan erti kata kita mesti sentiasa tahu dan mahu untuk belajar secara berterusan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kita, termasuk kemahiran berkomunikasi, berinteraksi, mempunyai kecerdasan emosi dan lain-lain sejajar dengan keperluan masa kini dan masa depan," katanya.

Dalam hal ini tambah beliau, pihak sekolah, guru-guru dan ibu bapa

memainkan peranan penting dalam mendorong dan memberi pembelajaran ini untuk melahirkan pelajar yang lebih berkeyakinan, mantap, pintar dan pandai dalam meningkatkan kemahiran diri mereka sendiri.

Beliau berkata, banyak kajian telah menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai ibu bapa yang lebih mengambil berat dan dapat melibatkan diri mereka secara aktif dalam pembelajaran anak-anak mereka mendapati bahawa pelajar itu akan lebih berjaya dengan memperolehi markah yang tinggi dalam peperiksaan dan ujian sekolah dan berjaya meneruskan pembelajaran mereka ke tingkat yang lebih tinggi dan mereka lebih berkeyakinan dan tekun serta pandai belajar dengan cara yang betul.

Beliau menyeru kepada semua guru-guru di maktab ini untuk terus meningkatkan lagi tekad, usaha dan kecemerlangan dalam tugas masing-masing serta akan lebih inovatif, kreatif dalam penyampaian pengajaran mereka kepada pelajar.

Pada tahun ini seramai 82 orang pelajar tahun 2003 telah menerima sijil penghargaan dan pengiktirafan di atas kegiatan akademik dan aktiviti kokurikulum sepanjang berada di maktab tersebut.

Majlis itu adalah kali kedua diadakan di maktab tersebut khusus untuk memberikan 'graduation' kepada pelajar Prauniversiti 2, tahun 2003 dan

ianya menjadi aktiviti tahunan yang berterusan bagi menghargai jerih payah pelajar yang bertungkus-lumus untuk berjaya dalam pelajaran serta sumbangan mereka terhadap maktab, baik yang berupa akademik ataupun bukan akademik iaitu selaras dengan wawasan maktab untuk melahirkan bakal pemimpin masa depan yang berwibawa.

Tujuan majlis ini diadakan antara lain untuk melahirkan bakal pemimpin yang berwibawa, bertanggungjawab, berpengaruh dan patuh kepada undang-undang negara, mewujudkan semangat belajar bersungguh-sungguh bagi peperiksaan peringkat A dan mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan pelajar Prauniversiti 2, dengan para guru, ibu bapa dan majlis pelajar.

Majlis ini diadakan bagi mendorong dan menggalakkan serta menjana semangat para pelajar di maktab ini untuk lebih berusaha dan bergiat aktif dalam semua bidang akademik dan aktiviti maktab.

Majlis pada hari itu juga diteruskan dengan penyampaian sijil dan cenderamata kepada para pelajar yang berjaya yang disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim.

Di majlis itu pertunjukan visual kegiatan kegiatan pelajar Prauniversiti 2 ditayangkan dan diserikan dengan persembahan koir oleh Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

## PENDIDIKAN LANJUTAN SESI PERTAMA TAHUN 2004

SEKSYEN Pendidikan Lanjutan - Bahagian Akademik, Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa kelas-kelas bagi sesi pertama tahun 2004 telah bermula pada 12 Januari 2004 di semua pusat pembelajaran.

Sehubungan itu, para pelajar yang telah memohon mengikuti kelas-kelas bahasa asing dan Kelas Al-Quran dan Mukaddam adalah dikehendaki hadir pada tarikh dan tempat-tempat berikut :-

KELAS	TEMPAT	TARIKH & MASA
Kelas Bahasa Jepun	Seksyen Pendidikan Lanjutan	Hari Selasa, 3 Februari 2004 6.30 petang
Kelas Bahasa Mandarin	Maktab SOAS	Hari Selasa, 3 Februari 2004 7.00 malam
Kelas Bahasa Arab	Seksyen Pendidikan Lanjutan	Hari Jumaat, 6 Februari 2004 7.00 malam
Kelas Al-Quran dan Mukaddam	Seksyen Pendidikan Lanjutan	Hari Jumaat, 6 Februari 2004 8.30 pagi

## Mesyuarat Persediaan Awal Hari Keputeraan

Berita dan gambar-gambar oleh  
Dk. Hajah Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 21 Januari. - Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali bin Matyassin berharap Daerah Belait akan dapat mempertahankan kejayaannya dalam konsep persembahan dan perhiasan yang disandangnya pada tahun lepas dan empat tahun kebelakangan di Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Beliau berucap demi-

kian di Mesyuarat Persediaan Awal Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-58 bagi Daerah Belait pada tahun ini yang diadakan di Pejabat Daerah Belait di sini.

Beliau yang mempengerusikan mesyuarat itu berkata pembaharuan dalam persembahan penting demi memelihara dan mengubah suasana persembahan serta acara yang disempenakan hari keputeraan baginda pada tahun ini.

Mesyuarat yang dihadiri oleh wakil dari

beberapa jabatan kerajaan, sektor swasta, penghulu dan ketua kampung, persatuan dan pertubuhan belia itu juga membincangkan mengenai corak persembahan dan aktiviti persembahan sepanjang perayaan itu nanti.

Daerah Belait pada tahun ini dijangka akan mengadakan persembahan berkonsepkan gemilang yang mempamerkan prestasi daerah ini dari tahun ke setahun semakin meningkat, intisari persembahan termasuklah perarakan lintas lalu, pantun, seloka, skesta drama tari dan acara kemuncak yang melibatkan seramai 58 belia yang berpakaian penerima ijazah pelbagai bidang pengajian tinggi.



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali bin Matyassin mempengerusikan Mesyuarat Persediaan Awal Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 pada tahun ini.

## Dadah perosak masa depan

SERIA, 17 Januari. - Pegawai Biro Kawalan Narkotik (BKN), Yahya bin Budin berkata mereka yang terlibat dalam najis dadah akan melakukan perkara

negatif seperti mencuri dan berbuat jenayah.

Menurutnya pada tahun lalu seramai 28 pelajar telah ditangkap oleh pihak BKN atas penyalahgunaan

dadah dan mereka mengambil dadah kerana pengaruh kawan, ingin mencuba, masalah dalam pelajaran dan sebagainya.

Berucap di Forum Dadah bertajuk 'Remaja Waja Negara Sejahtera' bagi pelajar-pelajar Menengah 2 Sekolah Menengah Chung Ching yang diadakan di sekolah tersebut katanya bila seseorang terlibat dengan najis dadah negara akan mengalami kemunduran dan kerugian kerana perlu membelanjakan kos yang banyak untuk memulihkannya.

Sehubungan itu beliau meminta pelajar-pelajar yang ada supaya akan dapat memberi kerjasama dalam mengawal dan memberantas penyalahgunaan dadah agar tidak merebak menjadi penyakit

yang menular, di samping menjadikan Negara Brunei Darussalam bersama negara-negara ASEAN yang lain bebas dari dadah menjelang tahun 2015.

Forum tersebut juga bersama beberapa buah agensi kerajaan iaitu Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja Jabatan Sekolah-Sekolah, Pasukan Polis Diraja Brunei, Bahagian Promosi dan Pendidikan Kementerian Kesihatan, Rumah Al-Islah dan Jabatan Penjara.

Semasa forum tersebut pelajar-pelajar sekolah berkenaan juga ditunjukkan demonstrasi sebatan bagi mereka yang terlibat dalam najis dadah, sesi soal jawab dan pameran mengenai penyalahgunaan dadah.

## Jaga kebersihan alam sekitar

KUALA BELAIT, 19 Januari. - Ketua-ketua bahagian jabatan-jabatan kerajaan Daerah Belait disarankan supaya memantau dan menjaga kebersihan alam sekitar di bangunan dan jabatan masing-masing.

Ini berikutan adanya aduan dan sugunan orang ramai yang disiarkan melalui internet mengenai tahap kebersihan di bangunan baru jabatan-jabatan kerajaan yang kurang memuaskan dan tidak dijaga dengan sempurna seperti kekotoran pada tingkat cermin, tangga, dinding dan sampah dibuang di dalam serta di luar bangunan tersebut.

Sehubungan itu Jabatan Daerah Belait selaku 'indung' jabatan-jabatan kerajaan di daerah ini melaksanakan tindakan segera dengan mengadakan Mesyuarat Hari Gotong-Royong bagi membersihkan bangunan baru jabatan-jabatan kerajaan

dan bangunan jabatan Daerah Belait yang diadakan di Dewan Mawar Jabatan-jabatan kerajaan di sini.

Di mesyuarat itu ketua-ketua bahagian juga ditekankan supaya meningkatkan imej jabatan masing-masing, di samping menegur atau menasihati kakitangan mereka agar bekerjasama menjaga kebersihan alam sekitar di jabatan masing-masing.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Jabatan Daerah Belait dan dihadiri oleh wakil bahagian jabatan-jabatan kerajaan daerah ini antara lain membincangkan kawasan yang akan dibersihkan, peralatan yang tidak disusun dengan sempurna, menggunakan alat pemadam kebakaran bagi penghadang pintu keluar masuk pejabat, melantik ahli jawatankuasa hari gotong-royong, penetapan tarikh diadakan, membincangkan tugas dan peralatan yang diperlukan serta



WAKIL Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah ketika menyampaikan taklimat di Forum Dadah berlangsung di Sekolah Menengah Chung Ching, Seria.

penetapan jumlah peserta yang akan menyertai hari tersebut.

Hari gotong-royong itu dijangka akan diadakan pada 25 Januari yang akan melibatkan semua pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan yang berpejabat di bangunan baru iaitu Jabatan Ukur, Perbendaharaan, Pencen, Jabatan Tanah, Pertanian, Penebaran, Buruh dan Imigrasi.

Manakala bangunan Jabatan Daerah Belait pula

menempatkan Pejabat Daerah, Jabatan Pendaftaran Kebangsaan, Kemajuan Perumahan, Radio Televisyen Brunei (RTB), Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan sebagainya.

Selepas Hari Gotong-Royong itu nanti pengerusi mesyuarat berharap pihak berkenaan akan sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar secara berterusan kerana menjaga kebersihan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama.



PELAJAR-PELAJAR Menengah 2 Sekolah Menengah Chung Ching, Seria ketika mendengar Forum Dadah yang diadakan di sekolah tersebut.

## Anak tempatan berkualiti diperlukan

SERIA, 20 Januari. - Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP), Syarikat Brunei Shell Tankers (BST) dan Syarikat Loji Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) memerlukan lebih ramai anak tempatan yang berkualiti untuk menyertai syarikat-syarikat tersebut.

Perkara tersebut terkandung dalam sesi taklimat mengenai peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di ketiga-tiga syarikat berkenaan yang merupakan usaha kumpulan syarikat-syarikat minyak Brunei dalam memberi pemahaman dan informasi me-

ngenai peluang kerjaya dan biasiswa yang ditawarkan oleh syarikat berkenaan.

Seramai 67 orang guru Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja dari seluruh negara menghadiri taklimat Skim Biasiswa dan Kerjaya di BSP, BLNG dan BST anjuran Bahagian Strategik dan Pengurusan Pembangunan Bumiputera, Jabatan Perkembangan Sumber Tenaga Manusia BSP diadakan di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) di sini.

Semasa taklimat para peserta diterangkan me-

ngenai kelayakan yang dikehendaki dari segi akademik khususnya kombinasi pembelajaran dari peringkat 'A' bagi memasuki skim-skim yang ditawarkan serta beberapa penerangan mengenai perkara penting pengambilan skim pembelajaran dan skim kerjaya ketiga-tiga syarikat itu, proses pemilihan, pengambilan graduan, memilih kerjaya dengan BSP, BLNG, ujian penilaian graduan dan Skim Kadet Marin BST.

Salah satu bidang teknikal yang amat dikehendaki oleh pihak BSP ialah Jurutera Petroleum.

Sejak tahun 1993 BSP membiayai seramai 107 anak tempatan di bawah skim tersebut. Tahun lalu 13 pelajar ditaja dan dihantar bagi mengikuti kursus yang ditawarkan oleh syarikat berkenaan.

Sebelum itu syarikat-syarikat berkenaan telah mengadakan pelbagai sesi perjumpaan, acara jerayawara kerja dan majlis-majlis taklimat di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara sejak beberapa tahun lalu bagi memberi penerangan mengenai peluang-peluang kerjaya kepada pelajar-pelajar sekolah.



GURU-GURU Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja seluruh negara menghadiri taklimat Skim Biasiswa dan Kerjaya di BSP, BLNG dan BST.



# PERADUAN MENULIS ESEI SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-20

**TEMA**

**M**EMPERKUKUH Semangat Patriotisme Di Kalangan Para Belia dan Penuntut.

**KATEGORI**

Peraduan ini terbahagi kepada empat kategori, iaitu:

1. Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Bawah (Tingkatan 1, 2 dan 3).
2. Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Atas (termasuk Maktab Jururawat, Maktab Perguruan Ugama, Sekolah Vokasional, Maktab Teknik dan yang setaraf dengannya).
3. Penuntut-penuntut Pengajian Tinggi (Universiti Brunei Darussalam dan Institut Teknologi Brunei).
4. Belia-belia yang berumur 20 tahun pada tahun 2004 (bukan penuntut mana-mana sekolah atau pengajian tinggi).

**TAJUK ESEI**

Peserta Kategori 1 dikehendaki memilih salah satu daripada tajuk-tajuk berikut:

1. Pengalaman Saya Menyertai Sambutan Hari Kebangsaan Negara.
2. Salah Satu Acara Sambutan Hari Kebangsaan Yang Saya Suka.
3. Bendera Negaraku Kemegahanku.

Berikut ialah tajuk-tajuk esei untuk Kategori 2 (pilih salah satu):

1. Lagu Kebangsaan Patut Dihayati Oleh Semua Lapisan Masyarakat.
2. Semangat Cintakan Negara Hendaklah Disemai Sejak Di Bangku Sekolah.
3. Tanah Airku Kebanggaanku.

Kategori 3 diminta memilih salah satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini:

1. Usaha Mengisi Ruang Kemerdekaan Belum Selesai.
2. Penuntut Pencetus Wawasan dan Idea-idea Besar Untuk Negara.
3. Mengangkat Martabat Bahasa Melayu Tanggungjawab Semua Pihak.

Kategori 4 juga akan memilih salah satu daripada tajuk-tajuk berikut:

1. Kami Anak Merdeka.
2. Saya Sedia Hadapi Cabaran Demi Untuk Negara.
3. Belia Mesti Berilmu, Bermoral dan Bijaksana.

**SYARAT DAN PERATURAN**

1. Terbuka kepada para belia dan penuntut sebagaimana mengikut kategori-kategori yang ditetapkan di atas.
2. Warga Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
3. Esei hendaklah dalam Bahasa Melayu

dan menggunakan ejaan baru sama ada rumi atau jawi.

4. Esei hendaklah asli bukan terjemahan, saduran atau apa jua cara yang boleh membawa pengertian bukan karya asli. Walau bagaimanapun penggunaan bahan rujukan dan nota kaki adalah dibolehkan asalkan tidak menjejaskan keaslian esei.

5. Panjang esei adalah seperti berikut:

- Kategori 1 : Tidak kurang daripada 150 perkataan
- Kategori 2 : Tidak kurang daripada 350 perkataan
- Kategori 3 : Tidak kurang daripada 450 perkataan
- Kategori 4 : Tidak kurang daripada 350 perkataan

6. Esei hendaklah dihantar dalam empat salinan termasuk salinan asal menggunakan kertas A4 yang ditaip pada sebelah muka surat sahaja.

7. Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar sebuah skrip esei yang belum pernah terbit dalam mana-mana media massa sama ada dalam ataupun luar negeri.

8. Nama peserta, nama pena (jika ada), nombor kad pengenalan dan alamat penuh (yang mudah dihubungi) hendaklah ditulis dalam borang yang disediakan oleh pihak penganjur yang boleh didapati daripada akhbar PELITA BRUNEI atau:

Penyambut Tetamu,  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama Berakas,  
Negara Brunei Darussalam.

Dan cawangan-cawangan Jabatan Penerangan di Daerah-daerah Belait Tutong dan Temburong.

9. Esei bersama borang peraduan yang lengkap diisi dan disertakan salinan kad pengenalan (depan belakang) hendaklah dihantar kepada:

Pengerusi Peraduan Menulis Esei,  
(Ketua Bahagian Akhbar)  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama,  
Berakas BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat pada **28 Februari 2004**.

10. Setiap skrip esei yang sampai kepada pihak penganjur akan disusuli dengan pengakuan penerimaan oleh Jawatankuasa Peraduan. Jawatankuasa ini tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan skrip semasa dalam pengiriman.

11. Jawatankuasa Peraduan akan melantik panel hakim dan keputusan panel hakim adalah muktamad.



12. Esei yang mendapat hadiah penghormatan dan saguhati akan menjadi hak milik kepada pihak Penganjur Peraduan dan berhak menerbitkan semula

esei-esei berkenaan sama ada dalam akhbar atau buku yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Negara Brunei Darussalam tanpa dibayar.

- Kedua - \$250.00
- Ketiga - \$200.00
- 3 hadiah saguhati - \$100.00

**HADIAH**

Hadiah penghormatan dan saguhati serta sijil akan diberikan kepada skrip esei yang terbaik mengikut kategori:

- Kategori 1
  - Pertama - \$200.00
  - Kedua - \$150.00
  - Ketiga - \$100.00
  - 3 hadiah saguhati - \$50.00
- Kategori 2
  - Pertama - \$300.00

- Kategori 3
  - Pertama - \$500.00
  - Kedua - \$400.00
  - Ketiga - \$300.00
  - 3 hadiah saguhati - \$100.00
- Kategori 4
  - Pertama - \$300.00
  - Kedua - \$250.00
  - Ketiga - \$200.00
  - 3 hadiah saguhati - \$100.00



**BORANG PERADUAN MENULIS ESEI  
SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-20**

Nama .....

Jantina ..... Tarikh lahir .....

Bangsa ..... Kerakyatan .....

No. Kad Pengenalan ..... Warna .....

Alamat atau Sekolah/Maktab (jika penuntut) .....

Tingkatan/Pengajian (jika penuntut) .....

Tel. Rumah ..... Tel. Bimbit .....

Tel. Pejabat .....

Tajuk Esei .....

Kategori .....

Saya dengan ini telah memahami syarat dan peraturan yang ditetapkan dan akan mematuinya. Saya juga akan bertanggungjawab jika terdapat sebarang masalah yang timbul dari esei yang dikemukakan ini serta mematuhi keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Peraduan sebagai keputusan yang muktamad.

Tarikh ..... Tandatangan .....



# DELEGASI ACWW BERPELUANG LAWAT KAMPONG AYER

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Januari. - Para delegasi ke Persidangan Serantau Kali Ke-7 Perkumpulan Wanita Sedunia (ACWW) Bagi Rantau Asia Tenggara dan Timur Jauh di samping rancak membincangkan beberapa isu kehidupan, sosial, alam sekitar dan pembangunan masyarakat juga berkesempatan berpeluang menyaksikan secara dekat kebudayaan serta beberapa khazanah kraf tangan di Kampong Ayer.

Kebanyakan delegasi yang menyertai lawatan ke Kampong Tamoi Ujung adalah baru pertama kali datang ke negara ini dan merasa terpegun dengan keunikan Kampong Ayer serta terpesona dengan persembahan bermukun, tunjuk cara memasak kuih tradisi dan menganyam bakul.

Ketua perwakilan dari Republik Rakyat China, Piao Yue Xing selaku Ketua Persatuan NSWAS Republik Rakyat China sangat tertarik dengan persembahan bermukun dan tidak mahu ketinggalan untuk mencuba tarian joget bersama-sama rakan.

"Tarian cukup menarik, saya sangat suka dan ia sangat memberi saya cukup gembira di sini," jelasnya kepada wakil PELITA BRUNEI.

Sekalipun di negaranya mempunyai kebudayaan sendiri, beliau mengakui kebudayaan Brunei juga boleh menarik pelancong datang ke negara ini.

Sementara itu, perwakilan dari Kelab Bagi Kemajuan Luar Bandar Republik Filipina, Bai Srika Pendatun pula menjelaskan beberapa kepu-



PRESIDEN ACWW, Puan Hilda Stewart (tengah) ketika menyertai rombongan melawat ke Kampong Tamoi.

luan di Republik Filipina juga mempunyai banyak persamaan kebudayaan dengan Negara Brunei Darussalam.

Beliau yang juga guru

kelas Al-Quran di Selatan Republik Filipina menjelaskan perlunya Negara Brunei Darussalam menempatkan satu perkembangan budaya bukan saja untuk menarik minat para pelancong malah akan menjadi penyelidikan kepada penduduk tempatan dan luar negara.

Awal dari itu, Penghulu Mukim Tamoi, Pengarah

Haji Mokti berkata, banyak kebudayaan dan makanan tradisi tempatan semakin tenggalam dan sudah dilupakan oleh terutama generasi muda.

Bagaimanapun, beliau gembira beberapa usaha untuk menghidupkan dan mengekalkan kekayaan kebudayaan itu masih dapat bertahan dan diserapkan kembali.

Menurutnya, sudah tiba masanya Kampong Ayer yang menjadi mercu tanda ini mempunyai satu bangunan kekal bagi menempatkan kumpulan khazanah kebudayaan, masakan tradisi dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

Lawatan delegasi jemaah Persidangan Serantau ACWW yang disertai sendiri oleh Presiden

ACWW, Puan Hilda Stewart tidak melepaskan peluang untuk mencuba bermukun, memasak kuih tradisi dan menganyam bakul.

ACWW adalah dihasratkan bagi memperbaiki taraf kehidupan wanita, keluarga dan masyarakat melalui sokongan jaringan kerja yang meluas dan projek-projek dari akar umbi.



PARA delegasi dengan penuh komitmen mencuba joget Brunei.



PIAO Yue Xing selaku Ketua Pasukan NSWAS Republik Rakyat China (kiri) sangat tertarik dengan kebudayaan Brunei.



PERWAKILAN dari Kelab Bagi Kemajuan Luar Bandar Republik Filipina, Bai Srika Pendatun pula menjelaskan beberapa buah kepulauan di Republik Filipina juga mempunyai banyak persamaan dengan kebudayaan Brunei (atas).

SEBAHAGIAN daripada tunjuk cara dan pameran kraf tangan tempatan (kiri).

DELEGASI ACWW berpeluang mempelajari dan mencuba joget Brunei iaitu satu kebudayaan yang memang terkenal sejak turun-temurun.

**R**ISAH! Akan ke manakah gerangnya selepas perkahwinan nanti, sebab usia masih muda. Apa lagi tidak seketiduran dengan suami yang benar-benar dicintainya, kerana usia mereka belum mengizinkan hidup bersama, Parto mengikut kehendak Risah demi kesihatan masa panjang dan menjaga hak adat kepentingan bersama, mengikut Daerah Magetan.

Jadi berawalah jika usia masih di bawah umur, itulah Parto tidak suka desak dan paksa untuk membuat sesuatu terhadap Risah yang selaku sebagai adik sepupuan masih itu. Bagi Risah ingin lebih jauh menimba pengalaman hidup dan meminta seboleh mungkin kepada Parto untuk mencari rezeki di rantau orang, apalah salahnya kalau rezeki itu mencarinya bersama merenangi hidup bagi keharmonian rumah tangga nanti.

Bagi Risah, cintanya pada pekerjaan tetaplah berkebar dalam jiwanya. Untuk mengikat kasih sama Parto kecintaannya tanpa berbelah bagi. Dapatkah ia tinggalkan dunia desa kesayangannya, sebahagian pedalaman Magetan! Propinsi Jawa Timur. Risah hanya seorang gadis lemah lembut bila berbahasa Megatannya itu, namun apa yang dirasakannya lebih dari cukup, tapi keadaan itu Risah buat akal untuk berusaha menambah pendapatan bersama suaminya dan selebihnya untuk menyumbang keluarga nanti, biar pun ia lemah, Risah tetap seorang tunjukkan karisma di mana-mana pun berada.

Dapatkah Risah lupakan kerinduan desanya? Dan meninggalkan seorang suami. Kalau ia benar-benar cepat yakin pada Parto? Risah berjanji peninggalan itu satu dari kesan yang baik untuk menanti, keluarga yang menunggu tarut tumpang senang kerana Risah balik dari rantau berolehi rezeki dan barang-barang pakaian. Risah benar-benar yakin akan berubah pada dirinya suatu perkembangan karitatif terhadap adik-adiknya.

Sulitnya hidup begini! Bisik Risah, di mana ekonomi terlalu mencabar derita dan membuatkan manusia tidak henti-henti mencari rupiah atau US masing-masing. Tidaklah manusia buat kesimpulan jadi enas keramanya, Risah mencuba kecekalan menghadapi gelora yang bersifat fana ini. Risah hidup Parto hidup di tengah-tengah kemelesetan ekonomi yang tambah memburukkan keadaan.

Terpaksa hidup itu harus, ke manakah Risah mencari untung? Rasa petualangan daya hidup, mahu hidup! Mencari rezeki yang usaha nanti mendapatkan lebih baik kehalalannya. Kalau dari Parto tidaklah mencukupi dengan kadar gaji dua puluh ribu rupiah saban bulan, itu pun kalau kesihatan Parto mengizinkan kerja tetap, jika tidak gaji-gaji akan dipotong menurut kedatangan hari-hari bekerja, bagi Risah bersyukur lebih dari ada jua, niakan cukup. Tetapi bagaimana meluasnya kehidupan nanti, Risah demi kemungkinan harus mencari. Sebagaimana kebolehan gadis-gadis pemberani di kota besar, bagaimana mencari untuk terus hidup.

Bagi Risah, hidup mestilah pertahankan! Kata Risah mengeluh sedih dan ingin bantu untuk kesejahteraan keluarganya. Tetapi bagaimana tinggalkan desa halamannya secepat itu. Bukankah selepas perkahwinan pastinya diam seketika di rumah tunggu suami dari kerja, kini sudah beberapa bulan berlalu. Desa kelahirannya Daerah Magetan akan ditinggal pergi buat sementara waktu. Sehingga kewangan mencukupi kembali pulih cerah.

Daya yang ada pada Risah apa saja karya yang sesuai dilakukannya, meskipun ia hanya pramuria berjaga di kelab malam membolakkan mata. Kerja sedemikian sudah tentulah menghasilkan bertubuh bidang montok dan berukuran baik, cantik. Peramah dan berbahasa baik pada pelanggan tamu. Tapi tidak pada Risah, Risah tentu tidak ada syarat itu, impiannya, keinginannya biarlah di kilang-kilang makanan, kain dan jahitan atau bungkusan barang dan sebagai jurujual di warung di toko. Angan-angan Risah meliliti otaknya terlalu banyak, yang mana satu yang ia pohonkan setelah ketibaannya di kota besar, Jakarta nanti.

Keizinan Pak Parto mengenai hajat Risah itu, dibenarkan. Parto sanggup bersendirian dan meneruskan pekerjaannya di kilang membuat papan lapis yang terdekat dengan desa kecintaannya itu. Di mana papan lapis pengeluar utama dari kayu terpilih nyatuh dan tamasu, membuat frem pintu rumah juga dan sehingga peralatan perabot dalam rumah ada dengan pelbagai gaya tempahan yang berpatutan.

Bagi Risah itu adalah pengalaman mengenai suaminya dan Risah terpaksa keluar dari desa, lebih di luar dari kenyataannya sendiri. Tidak salah jika Risah buat pilihan hatinya, lebih cocok untuk kemaslahatan dirinya.

Di pagi Senin, Risah pergi bersama ejen untuk membawanya ke pusat kota dengan sebuah kereta Pajero berwarna kelabu asap. Sudah tentu enjinnya tahan berpanas berminyak diesel, biasanya begitu. Makin lama makin bagus jalannya.

Beberapa buah desa dilewati, di tepi-tepi jalan sekali-sekala singgah di warung tempat jual makan dan buah-buahan. Risah juga merasa lapar dan dahaga, tapi seharusnya bagi Risah cepat sampai ke tempat tujuan, lekas datang bolehlah istirahat di pondok atau pada penginapan sementara yang disediakan oleh ejen itu.

Risah berbekalkan sebuah koper kulit yang sedang besarnya, di dalamnya ada beberapa pasang pakaian dan alat solek dan sabun mandi 'body shop'. Barang-barang tersebut adalah dibelikan oleh Mas Parto, suami kesayangannya. Sebelum pada esoknya sama-sama mengemaskan, memasukkan ke dalam koper kulit itu. Lainlah halnya alat solek lipstick dan bedak sedap malam untuk pewangi badan sewaktu tidur, tentu saja tersimpan sama dalam koper.

Pajero sudah pun memasuki kota, makin hampir kota terasa lambat jalannya, kerana kepadatan kenderaan masuk kota. Maklumlah penduduk berdesak pasak, jutaan jiwa. Barangkali begitulah mengigit sangkaan Risah dan hitungan itu pun ia baca-baca dalam akhbar, penduduk pesat ramai dalam pengalamannya dari bacaan, Risah bukanlah banci penduduk!

Keadaan yang begitu ramai, pelbagai cabaran di hati Risah untuk melamar pekerjaan. Jika gagal atau menahan kecewa tentu saja sia-sia turun ke kota, apa lagi nantinya kegagalan itu hilang usaha. Namun Risah yakin akan dirinya dan sesuatunya tidak akan sia-sia, selagi ada semangat, sejak itu meneruskan pencarian apa saja sedapatnya, baginya.



# GEMBALA KASIH

OLEH ADI MISERE



**DAYA yang ada pada Risah apa saja karya yang sesuai dilakukannya, meskipun ia hanya pramuria berjaga di kelab malam membolakan mata. Kerja sedemikian sudah tentulah menghasilkan bertubuh bidang montok dan berukuran baik, cantik. Peramah dan berbahasa baik pada pelanggan tamu. Tapi tidak pada Risah, Risah tentu tidak ada syarat itu, impiannya, keinginannya biarlah di kilang-kilang makanan, kain dan jahitan atau bungkusan barang dan sebagai jurujual di warung di toko. Angan-angan Risah meliliti otaknya terlalu banyak, yang mana satu yang ia pohonkan setelah ketibaannya di kota besar, Jakarta nanti.**

Kuasa Allah jua, Risah mendapat kerja yang sederhana di tempat majikan pada sebuah kilang bungkusan makanan biskut kering. Di kawasan pabrik itu juga Parisah tinggal di rumah los majikan, agak selesa juga Risah punya pekerjaan dan tempat kediaman disediakan dan gaji Risah puluhan ribu rupiah, lumayan juga.

Yah, kalau saban bulan ratusan ribu rupiah. Bagi Risah cukup berbangga pendapatan seperti itu, apa lagi Risah pandai berjinat dan tahu diri menyimpan wang.


Pada siapa bendak dikirimkannya, Parto sudah punya wang juga, pada ibu tersayang? Mungkin sekali-sekala ia pernah mengirimi pada ibu tercinta dan pada ayahnya cukup sekadar makan harian yang seperlunya.

Selama bekerja diperbunkusan biskut dalam pabrik yang pemiliknya terhadap tauke, bos dan seorang majikan suka prihatin terhadap pekerja. Risah sudah tahu membiasakan diri bergaul dengan ahli-ahli sekerja buruhnya. Ada teman sessamanya wanita dan sedikit lelaki saja, agaknya di situlah pintu mula pengalaman membuka hatinya untuk mendapat dan menambah rezeki halal.

Pada Parto belum memberi khabar, sebagaimana Risah seorang gadis pengembala pemberani, bagi keperluan keluarga jangan sampai jauh melarat, apakah Risah sudah mempunyai pekerjaan? Fikir keluarga dan Parto menyangka begitu terhadap Risah, kirimlah khabar. Namun Parto menanti berita gembira dari seorang isteri dan isteri apakah perlu menanti dari khabar suami? Agaknya sama-sama menahan hati. Sedangkan bagaimana alamat Risah, kerinduan kedua-duanya amat elegi







MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Halaqah Tilawatil Quran di Masjid Setia Ali, Pekan Muara. - Gambar oleh Ramli Tengah.

## HALAQAH TILAWATIL QURAN BAGI MEMAKMURKAN MASJID

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Januari. - Satu Majlis Memakmurkan Masjid-masjid Dengan Halaqah Tilawatil Quran berlangsung di Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

Majlis tersebut diadakan antara lain bertujuan bagi memakmurkan masjid seluruh negara melalui Halaqah Tilawatil Quran yang dipersembahkan oleh qari dan qariah bagi meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran di kalangan

Oleh  
Awangku Jefferi PD

qari dan qariah di negara ini.

Majlis ini juga membolehkan qari dan qariah untuk memperkembang dan menyemarakkan lagi perasaan kecintaan terhadap Al-Quran di kalangan jemaah masjid dan masyarakat Islam di negara ini.

Majlis diungkuayahkan

oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran, Bahagian Perhubungan dan Kemajuan Syiar Islam dan akan dilaksanakan secara bergilir-gilir mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain.

## Lawatan MPMK ke Kota Kinabalu

BELAIT. - Dengan semangat dan kemampuan yang ada pada diri setiap ahli maka timbullah semangat untuk berdikari, oleh yang demikian timbullah rasa untuk melihat dan mengetahui akan perkembangan dan kemajuan negara orang terutama negara jiran yang terdekat.

Dalam melaksanakan dan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Belait telah pun mengadakan lawatan muhibah ke Kota Kinabalu, Sabah. Lawatan seperti ini adalah lanjutan daripada lawatan yang telah dilaksanakan pada tahun 2002. Lawatan kali ini dikendalikan oleh Badan Kesenian dan Kebudayaan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Belait 2003 - 2005.

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah adalah

menjadi tuan rumah kepada rombongan daripada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Belait Negara Brunei Darussalam.

Lawatan seperti ini adalah dihasratkan akan dapat mengeratkan lagi perpaduan dan semangat silaturahmi yang sedia ada di kalangan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Belait bersama masyarakat negara jiran, Daerah Belait dalam pada itu dapat menimba pengalaman dan mempelajari serta mengetahui kaji strategi jangka panjang kemajuan serta perkembangan yang baik dari segi perekonomian, kebudayaan serta kehidupan bermasyarakat di kalangan peserta.

Dalam pada itu, ianya dihasratkan juga agar dapat memberi galakan kepada peserta rombongan pemimpin-pemimpin belia dan

para belia, di samping membuka minda dan mengetahui cara-cara menangani masalah yang melibatkan para belia serta sosial masyarakat dengan lebih teratur serta sempurna.

Rombongan yang melibatkan diri kira-kira 50 orang peserta yang terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Belait juga disertai oleh beberapa orang pegawai kerajaan dan diketuai bersama oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah dan Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia, Awang Abdul Majid bin Alias akan berada di Kota Kinabalu, Sabah selama lima hari.

Di samping itu rombongan juga mengadakan perlawanan sukan persahabatan dan acara-acara yang telah dipersetujui bersama.

Oleh  
Haji Nasip Rosli



LAWATAN Muhibah ke Kota Kinabalu, Sabah anjuran Badan Kesenian dan Kebudayaan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Belait.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

- Dua buah kampung pedalaman di Daerah Belait telah dilawati oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 11 Ogos 2003. Apakah nama kampung itu?
  - Rumah Panjang Teraja dan Kampung Rempayoh.
  - Kampung Labi dan Bukit Sawat.
  - Kampung Sukang dan Kampung Mebalau.
- AGENSI manakah yang menaja Seminar Mengenai Brunei Darussalam - Jepun tahun lalu?
  - Kedutaan Besar Jepun.
  - Mitsubishi Corporation.
  - Persatuan Kapal Belta ASEAN dan JEPUN.
- Apakah tajuk Menuju Keredaan Allah PELITA BRUNEI keluaran 20 Ogos 2003?

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

## ALAI PINTAR

### SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

### HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

### TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 21 Januari 2004.
  - B 2. C 3. Mewujudkan Persekitaran Yang Sihat.

### BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 607

Nama : .....

Umur : .....

Alamat : .....

Telefon rumah (jika ada) : .....

Sekolah : .....

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,  
Ruangan Alai Pintar, 607,  
PELITA BRUNEI,  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.

TIADA PEMENANG SOALAN ALAI PINTAR KELUARAN 21 JANUARI 2004



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail menyampaikan cenderamata kepada seorang pelajar universiti yang terpilih mengikuti Perkhemahan Pelajar Universiti Antarabangsa di Arab Saudi. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Pengiran Penerangan, Awang Haji Bujang bergambar kenangan bersama sepuluh pelajar universiti yang terpilih menyertai Perkhemahan Pelajar Universiti Antarabangsa di Arab Saudi sejurus selepas mendengarkan taklimat kenegaraan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

## Perkenalkan negara di mata dunia

BERAKAS, 17 Januari. - Pelajar-pelajar Brunei di luar negara mempunyai tanggungjawab untuk memperkenalkan negara ini di mata dunia, di samping menjaga nama baik negara kerana mereka merupakan wakil tidak rasmi yang berdepan de-

ngan masyarakat antarabangsa.

Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail berkata, walaupun negara telah mencapai kemerdekaan 20 tahun, namun sebahagian penduduk dunia belum mengetahui mengenai negara kita.

"Oleh itu, adalah menjadi peranan pelajar-pelajar yang mengikuti Perkhemahan Pelajar Universiti Antarabangsa di Arab Saudi untuk memperkenalkan dan memberitahu nama Brunei ketika berada di sana," jelasnya.

Awang Haji Yusoff membuat seruan itu ketika berucap di Majlis Taklimat Kenegaraan dan Doa Selamat Bagi Pelajar-pelajar Yang Mengikuti Perkhemahan Pelajar Universiti Antarabangsa di Arab Saudi di sini hari ini.

Katanya, selain menghadiri perkhemahan selama dua minggu, para pelajar juga akan mengadakan beberapa sesi perjumpaan bersama pelajar-pelajar lain dan di sinilah mereka akan berpeluang untuk

Oleh  
Abdullah Asgar

mengenalkan dan menceritakan mengenai Brunei.

Sementara itu dalam taklimat oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut antara lain berkata taklimat kenegaraan yang diberikan oleh jabatannya kepada penuntut-penuntut yang belajar di luar negara akan terus diadakan dan juga akan melibatkan kepada pelajar swasta kerana jumlahnya sekarang semakin bertambah.

Jelasnya, tujuan sebenar taklimat kenegaraan itu diberikan ialah untuk memberikan pemahaman yang padat mengenai negara, kerana ada sebahagian dari penuntut-penuntut itu sendiri tidak mengetahui akan sistem dan cara pentadbiran beraja yang diamalkan sebelum dan selepas merdeka, di samping ia dapat menjelaskan kepada pelajar-pelajar perihalnya beberapa isu yang didengar di luar negara mengenai Negara Brunei Darussalam.

Katanya, semasa bela-

jar di luar negara, para pelajar bukan saja untuk melanjutkan pengajian bagi mendapatkan ijazah tetapi mereka juga perlu tahu akan usaha-usaha kerajaan untuk mengembangkan ekonomi, menarik pelancongan, sosial dan kebudayaan negara kerana apabila ditanya nanti mereka tidak akan gugup untuk menjawabnya.

Menurutnya, seorang penuntut yang juga belajar di luar negara semestinya 'update' pengetahuannya mengenai tanah air dalam banyak hal seperti perbank Islam, pelaburan langsung asing (FDI), kesejahteraan rakyat dan penduduk serta peranan negara dalam dunia antarabangsa.

Taklimat tersebut adalah yang pertama kali diadakan bagi tahun ini yang dihadiri oleh sepuluh orang pelajar yang akan menghadiri perkhemahan selama dua minggu di Arab Saudi selain berpeluang menunaikan fardu haji tahun ini.

Mereka merupakan pelajar universiti yang terpilih dari lebih 200 permohonan yang diterima.

## Polis anjurkan Majlis Membaca Tahlil

PENKALAN BATU, 16 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei menyusun pelbagai acara bagi memperingati lagi Sambutan Hari Polis Pasukan Polis Diraja Brunei Ke-83.

Sehubungan itu, hari ini, pasukan itu mengadakan Majlis Membaca Surah Yaasin, Tahlil dan Doa Arwah serta menjirus aying asah-asahan bagi Allahyarham Mata-Mata 3692

Oleh  
Haji Ahmad HS

Awang Janudin bin Haji Mumin yang telah kembali ke rahmatullah pada 13 Oktober 1998 ketika menjalankan tugas.

Majlis itu yang diadakan di Tanah Perkuburan Ingan-Ingan, Kampong Parit Mukim Pe-

ngakalan Batu dipimpin oleh Imam Surau Pasukan Polis Diraja Brunei, Awang Haji Abdullah bin Haji Karim.

Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan yang juga hadir di majlis itu yang kemudian menjirus aying asah-asahan ke pusara Allahyarham diikuti oleh para pegawai pasukan

berkenaan.

Majlis yang sama juga telah diadakan pada 23 Januari lepas bagi Allahyarham Mata-Mata 2309 Awang Mohd. Izzat bin Abdullah yang telah kembali ke rahmatullah pada 19 Mac 1994 ketika menjalankan tugas.

Majlis itu berlangsung di Tanah Perkuburan Islam, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan.



PESURUHJAYA Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman hadir di Majlis Membaca Surah Yaasin, Tahlil dan Doa Arwah serta menjirus aying asah-asahan bagi Allahyarham Mata-mata 3692 Awang Janudin bin Haji Mumin. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

## YSHHB sumbang tikar permaidani

Oleh  
Abdullah Asgar

GADONG, 15 Januari. - Surau Polis Ibu Pejabat Gadong kini mempunyai tikar permaidani yang baru dan selesa setelah yang terdahulu rosak akibat dua kali ditimpa kejadian banjir kilat.

Tikar permaidani yang berjumlah \$18,000.00 adalah sumbangan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanol Bolkihah (YSHHB).

Majlis Penyerahan Surat Penghargaan dan Doa Selamat telah diadakan di surau berkenaan.

Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan dan Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani hadir di majlis tersebut.

Majlis bermula dengan



PESURUHJAYA Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Rahman menyampaikan sumbangan kepada Pengarah YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani. - Gambar oleh

sembahyang fardu Mahrib berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaasin dan Doa Selamat yang kemudiannya disusuli Majlis Penyampaian Surat Penghargaan oleh Pesuruhjaya Polis kepada Pengarah Urusan YSHHB.

Hadir menyaksikan

majlis itu ialah pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua belah pihak.

Surau berkenaan telah mula digunakan sejak pembukaan Ibu Pejabat Polis dulu dan kini telah mengalami beberapa pengubahsuaian bagi mengatasi banjir kilat.

# اخبار



**BRUNEI**

**BILANGAN 4**

**RABU 28 JANUARI 2004**

**رابطو 6 ذوالحجه 1424**

**PERCUMA**



**JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA  
DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran: JBS/TDR/01/04 DAN JBS/TDR/02/04

**Maklumat Tawaran:**

1. TAWARAN-TAWARAN diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran : JBS/TDR/01/04

"TERM CONTRACT FOR THE SERVING AND MAINTENANCE REPAIR AND REPLACEMENT OF PARTS FOR THE FULL COLOR LED SCOREBOARD DISPLAY UNIT AND OTHER RELATED FACILITIES AT HASSANAL BOLKIAH NATIONAL STADIUM.

Bilangan Tawaran: JBS/TDR/02/04

"TERM CONTRACT FOR THE SERVING AND MAINTENANCE REPAIR AND REPLACEMENT OF PARTS FOR THE SCOREBOARD DISPLAY UNIT AND OTHER RELATED FACILITIES AT THE SWIMMING POOL COMPLEX"

Tarikh Tutup : Hari Isnin, 2 Februari 2004.

Harga Cagaran : \$ 25.00 (untuk dokumen- tidak dikembalikan)

2. Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Tingkat 5, (Bahagian Pemeliharaan dan Opresan, Jabatan Belia dan Sukan) manakala resit pembayaran dari Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas, BA 1211, Negara Brunei Darussalam dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang pada setiap hari bekerja.



**JABATAN  
PERKHIDMATAN POS  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**PENUTUPAN SEMENTARA PETI-PETI SURAT  
PERSENDIRIAN CAWANGAN PEJABAT POS KUALA BELAIT**

DIMAKLUMKAN kepada semua penyewa-penyewa peti-peti surat persendirian di cawangan Pejabat Pos Kuala Belait bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos membuat penutupan sementara peti-peti surat di cawangan tersebut khusus bagi peti-peti surat yang berkedudukan di bangunan lama Pejabat Daerah Belait kerana atas sebab-sebab pemeliharaan dan tugas-tugas pembaikan. Penutupan tersebut bermula dari 6 Januari, 2004 dan kepada semua penyewa-penyewa yang terlibat bolehlah mendapatkan surat-surat mereka di kaunter Pejabat Pos Kuala Belait pada waktu pejabat dibuka.



**JABATAN LAUT  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**PEMBERITAHUAN KEPADA PELAUT-PELAUT BIL : 01/2004 (S)  
LATIHAN MENEMBAK MENGGUNAKAN PELURU HIDUP**

LATIHAN di atas bagi bulan Januari 2004 akan diadakan pada tarikh dan masa berikut dari kawasan Padang Tembak Binturan.

TARIKH	MASA	KAWASAN	KAWASAN LAUT BAHAYA
Januari 2004 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30 dan 31	Dari jam 7.30 pagi hingga 11.59 malam	Binturan	14 km dari pantai

Semua kapal termasuk perahu-perahu kecil dinasihatkan agar tidak memasuki kawasan yang disebutkan semasa latihan sedang dijalankan. Pemberitahuan ini mansuh pada 30 Januari 2004 jam 12.00 tengah malam.



**BAHAGIAN PROMOSI DAN  
PERKEMBANGAN KEUSAHAWANAN  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN  
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran : PSR/KPSU/LTN-001/2004

**TAWARAN BAGI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN KONSULTAN \*  
HACCP SYSTEM DEVELOPMENT CONSULTANCY FOR THE FOOD  
INDUSTRY IN BRUNEI\***

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam bagi menyediakan perkhidmatan konsultan "HACCP SYSTEM DEVELOPMENT CONSULTANCY FOR THE FOOD INDUSTRY IN BRUNEI"
2. Dokumen tawaran boleh diperolehi melalui Unit Piawaian dan Kawalan Mutu, Pusat Pembangunan Usahawanan Dan Perniagaan (sebelum ini dikenali sebagai Pusat Sumber dan Piawaian) Km 33 Kampong Sinaut, Jalan Tutong, Tutong TB 1741, Negara Brunei Darussalam
3. Setiap syarikat yang berhasrat mengikuti tawaran ini mestilah membayar wang cagaran sejumlah \$100.00 (Ringgit : Satu Ratus sahaja) secara tunai. Waktu menerima wang cagaran bagi tawaran ini adalah seperti berikut : Hari Isnin - Khamis dan Sabtu : 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang. Wang cagaran akan dikembalikan kepada syarikat yang tidak berjaya pada waktu tersebut di atas di Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Tingkat 2, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.
4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup bertulis: "HACCP SYSTEM DEVELOPMENT CONSULTANCY FOR FOOD INDUSTRY IN BRUNEI"- PSR/KPSU/LTN-001/2004. Tarikh tutup : Hari Isnin, 16 Februari, 2004, jam 2.00 petang dan ditujukan kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.
7. Taklimat mengenai tawaran ini akan diadakan pada 3 Februari 2004, hari Selesa, jam 9:00 pagi bertempat Dewan Pelbagai Ekonomi, Tingkat 2, Pusat Pembangunan Usahawanan Dan Perniagaan, Km 33 Kampong Sinaut, Jalan Tutong, Tutong TB 1741, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN  
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran: JDB/T/01/2004 HINGGA JDB/T/05/2004

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat di bawah seperti yang dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran:-  
Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin, 9 Februari 2004 jam 2.00 petang.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dengan rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantar kepada alamat di para 1 menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran dengan perkataan:-

JDB/T/01/2004  
TAWARAN MEMBAIKI JALAN BIADONG ULU KE SUKANG MUKIM SUKANG

JDB/T/02/2004  
TAWARAN MEMBAIKI JALAN BUKIT ABAI/DUNGUN HINGGA KE SUNGAI TITIAN DAWAI, MUKIM SUKANG.

JDB/T/03/2004  
TAWARAN MEMBAIKI JALAN KECIL BUKIT TIMUR MUKIM SUKANG

JDB/T/04/2004  
TAWARAN MEMBAIKI JALAN KECIL KUKUP/BUAU MUKIM SUKANG.

JDB/T/05/2004  
TAWARAN KERJA MENYAMBUNG JALAN TERIAM/ KUALA BALAI BERMULA DARI KUALA TERIAM HINGGA KUALA SUNGAI SEMBURU FASA II, MUKIM LABI.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran: JPA/MET/04/LTN - 01

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal "METEOROLOGICAL BALLOONS AND KITS".
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong ditulis dengan:-

TAWARAN BAGI MEMBEKAL  
METEOROLOGICAL BALLOONS AND KITS  
Bilangan Tawaran: JPA/MET/04/LTN-01  
Tarikh Tutup: 16 Februari 2004

Kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran : JPA/MET/04/LTN - 02

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal "RADIOSONDE".
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/ pemborong ditulis dengan:-

TAWARAN BAGI MEMBEKAL RADIOSONDE Bilangan Tawaran: JPA/MET/04/LTN - 02. Tarikh Tutup : 16 Februari 2004  
Kepada: Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran di atas hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 16 Februari 2004. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Jabatan Penerbangan Awam, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Khamis dan Sabtu) dengan harga sebanyak B\$ 25.00 senaskah (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran. Harga dokumen tawaran ini boleh dikecualikan oleh Jabatan Penerbangan Awam bagi pembekal yang dijemput.
5. Keterangan lanjut boleh diperolehi dari pejabat Ketua Pegawai Kajucaua, Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam. Telefon No : 2330142 sambungan 1348. Telek No: BU 2267. Faks No: 2331706 atau 2332735.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**JAWATAN KOSONG DI  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

PERMOHONAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai Pembantu Makmal/Bilik Kuliah Demonstrasi di Jabatan Kimia, Universiti Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan.

1. PEMBANTU MAKMAL/ BILIK KULIAH DEMONSTRASI (DI JABATAN KIMIA, UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM) TANGGAGAJI : D.1-2-3 EB 4-5 (\$530.00 - \$1,625.00 SEBULAN)

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:**

- i) Mempunyai kelulusan dengan kepujian/kredit empat mata pelajaran dan mata daripadanya mata pelajaran Sains Sijil Am Pelajaran Peringkat Bina. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
  - ii) Mempunyai kelulusan BDTVEC Pre-National Diploma in Science/elektrikal dan elektronik.
  - b) Berkebolehan menguasai Bahasa Inggeris dan pengalaman dalam kerjaya makmal adalah satu kelebihan.
- TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**
- i) Membantu Juruteknik Makmal Kanan /Ketua Juruteknik Makmal dalam mengendalikan kelas-kelas amali dan persediaan peralatan sains.
  - ii) Mengendalikan kerja-kerja stor bahan kimia, stor alat radas dan lain-lain peralatan jabatan.
  - iii) Mengendalikan alat pandang dengar di dalam makmal dan di bilik kuliah.
  - iv) Memastikan semua peralatan sains berfungsi dengan sempurna.
  - v) Penggunaan komputer di dalam kerja harian adalah digalakan.
  - vi) Bertanggungjawab terhadap keselamatan makmal sains.

**PERINGATAN:**

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatan dan Ketua Jabatannya itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang yang boleh didapati daripada Bahagian Pendaftaran, Universiti Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akan dan Rekod Perkhidmatan yang lengkap dan diakui sah kepada PENDAFTAR DAN SETIAUSAHA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (U.P. BAHAGIAN PERJAWATAN), JALAN TUNGU LINK GADONG, BE 1410, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh Tutup Permohonan : Hari Sabtu, 21 Februari 2004.



**DI DALAM MAHKAMAH  
PEGAWAI WARIS  
BANDAR SERI BEGAWAN**

LA No. 261/2003

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Haji Zainal Abidin bin Haji Ahmad** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Hajah Zaitun binti Haji Md. Daud** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **suami** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **10 Februari 2004** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 8 Januari 2003.

LA No. 256/2003

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Muhammad Joha Syamsul bin Abdullah Ajak @ Johashamsul Ajak** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Simew binti Ahmad** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **3 Februari 2004** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 7 Februari 2004.

LA No. 227/2003

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Hajah Halijayati binti Pudin** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Pudin bin Haji Durahim** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **3 Februari 2004** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 7 Februari 2004.

LA No. 148/2003

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Norhashim bin Hj. Omar Ali** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Hajah Afsah binti Ismail** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **3 Februari 2004** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 7 Februari 2004.

LA No. 274/2003

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Haji Amjah bin Haji Raya** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Hajah Ismeh binti Tassan** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **suami** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **3 Februari 2004** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 7 Februari 2004.

LA No. 271/2003

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Salam Miah** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Abdul Rahim Yead Ali** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak kemanakan** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **3 Februari 2004** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 7 Februari 2004.

LA No. 03/2004

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Mohamaddin bin Maserudin** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Naik binti Abdullah @ Dollah** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **3 Februari 2004** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 7 Februari 2004.

meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **10 Februari 2004** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 7 Januari 2004.

LA No. 278/2003

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Haji Ali bin Daud** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Hajah Saadiah binti Haji Kiki** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **suami** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **27 Januari 2004** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 3 Januari 2004.

LA No. 4/2004

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Mohamad bin Marassan** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Dayang Saadiah binti Hitam** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **suami** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **3 Februari 2004** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 7 Januari 2004.

LA No. 244/2003

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh 1. **Hjh. Dy. Azizah binti Hj. Jamaludin** dan 2. **Hj. Mohamad Zafrin bin Hj. Metusop** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Haji Metusop bin Japarudin** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **isteri dan anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **3 Februari 2004** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 24 Disember 2003.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesela yang berhasrat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di atas.



**DI DALAM  
MAHKAMAH BESAR  
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 65/2003

STANDARD CHARTERED BANK ..... Pemiutang  
Pengkakiman/Pemetsyen

LAWAN

**MOHD MAIDIN BIN HAJI MUNCHIT**  
(BYIC NO. 063474) ..... Penghutang Pengkakiman/  
Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 6 November 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerimaan Rasmi, Mahkamah Besar pada **18 Februari 2004** jam 2.00 petang.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **18 Februari 2004** jam 2.00 petang.

Bertarikh : 10 Disember 2003

**DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN, -**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 103/2003

ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHAD ..... Pemiutang  
Pengkakiman/Pemetsyen

LAWAN

**SERFUDIN BIN HAJI JA'AFAR**  
(BYIC NO. 071973) ..... Penghutang Pengkakiman/  
Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 20 November 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerimaan Rasmi, Mahkamah Besar pada **18 Februari 2004** jam 2.30 petang.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **18 Februari 2004** jam 2.30 petang.

Bertarikh : 10 Disember 2003.

**DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN, -**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 183/2002

HONGKONG & SHANGHAI BANKING CORP. LTD ..... Pemiutang  
Pengkakiman/Pemetsyen

LAWAN

**NORADENAH BINTI HAJI ADNAN**  
(BYIC NO. 123572) ..... Penghutang Pengkakiman/  
Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 20 November 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerimaan Rasmi, Mahkamah Besar pada **17 Februari 2004** jam 2.00 petang.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **17 Februari 2004** jam 2.00 petang.

Bertarikh : 22 Disember 2003

**DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN, -**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.



**DI DALAM  
MAHKAMAH TINGGI  
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 65/2003

STANDARD CHARTERED BANK ..... Pemiutang  
Pengkakiman/Pemetsyen

LAWAN

**MOHD MAIDIN BIN HAJI MUNCHIT**  
(BYIC NO. 063474) ..... Penghutang Pengkakiman/  
Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 6 November 2003. Nama dan alamat terakhir Bankrap diketahui : **Mohd, Maidin bin Haji Munchit, No. 14-42, Kampong Jaya Setia, Perpindahan Berakas BB 2713, Negara Brunei Darussalam.**  
Tarikh Petisyen : - 20 Mei 2003.  
Bertarikh : 10 Disember 2003.

**DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN, -**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 103/2003

ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHAD ..... Pemiutang  
Pengkakiman/Pemetsyen

LAWAN

**SERFUDIN BIN HAJI JA'AFAR**  
(BYIC NO. 071973) ..... Penghutang Pengkakiman/  
Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 20 November 2003. Nama dan alamat terakhir diketahui : **Serfudin bin Haji Ja'afar, No. 34D, Kampong Tamoi Tengah, Brunei Muara BC 2112, Negara Brunei Darussalam.**  
Tarikh Petisyen : - 27 Jun 2003. Bertarikh : 10 Disember 2003.

**DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN, -**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 183/2002

HONGKONG & SHANGHAI BANKING CORP. LTD. .... Pemiutang  
Pengkakiman/Pemetsyen

LAWAN

**NORADENAH BINTI HAJI ADNAN**  
(BYIC NO. 123572) ..... Penghutang Pengkakiman/  
Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 20 November 2003.

Nama dan alamat terakhir diketahui : **Noradenah binti Haji Adnan, No. 6, Simpang 363-29-36-3, RPN Kampong Pandan, Kuala Belait KA 1931, Negara Brunei Darussalam.**  
Tarikh Petisyen : - 8 Mei 2003. Bertarikh : 22 Disember 2003.

**DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN, -**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 61/2001

HSBC FINANCE (B) BERHAD ..... Pemiutang Pengkakiman/  
Pemetsyen

LAWAN

**JASNI BIN SALLEH**  
(K.P. BRUNEI NO. 076687 KUNING) ..... Penghutang Pengkakiman/  
Penentang.

NOTIS PEMBATALAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 25 Ogos 2001 telah dibatalkan pada 3 Januari 2004.

Nama Penghutang : **Jasni bin Salleh, No. 1, Simpang 38-4, Rancangan Perumahan Negara, Kampong Pandan, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh : 6 Januari 2004.

**DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 89/2002

HSBC FINANCE (B) BERHAD ..... Pemiutang Pengkakiman/  
Pemetsyen

LAWAN

**ABANG PERWIRA BIN ABANG HAJI TAHA**  
(K.P. BRUNEI NO. 069426 KUNING) ..... Penghutang Pengkakiman/  
Penentang.

NOTIS PEMBATALAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 15 Jun 2002 telah dibatalkan.

Nama Penghutang : **Abang Perwira bin Abang Haji Taha, No. 317, Kampong Belait, Jalan Pandaruan Tamada, Temburong, PE 1351, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh : 6 Januari 2004.

**RAMZIDAH POKD HAJI ABDUL RAHMAN -**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

- b) Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang/Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan secepatnya kepada saya yang boleh.

- c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Penghutang/Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



**BIASISWA-BIASISWA KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN SYARIKAT MINYAK BRUNEI SHELL SENDIRIAN BERHAD KE LUAR NEGERI BAGI SIDANG AKADEMIK 2004/2005**

SURAT PEMBERITAHUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN BILANGAN : 4/2004

1. PEMOHON-PEMOHON yang memenuhi syarat-syarat yang disenaraikan yang ingin meneruskan pengajian ke tahap Ijazah Lanjutan/Ikhtisas/Ijazah Pertama/ Higher Diploma dan Diploma atas Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Biasiswa Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad di luar negeri mulai Sidang Akademik 2004/2005 ini bolehlah memohon.
  2. SYARAT-SYARAT UTAMA  
Pemohon mestilah:-
    - 2.1 Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
    - 2.2 Pemohon-pemohon hendaklah beragama Islam dari kalangan Ahli Sunnah Wal Jemaah (bagi mengikuti Pengajian Islam sahaja).
    - 2.3 Memperolehi sekurang-kurangnya Kepujian (credit) Bahasa Melayu dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau Sijil Pelajaran Agama Brunei, Kelulusan Bahasa Melayu peperiksaan London General Certificate of Education Peringkat Biasa dan juga kelulusan Bahasa Melayu peperiksaan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) tidak dikira sebagai sebanding dengan Bahasa Melayu Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa.
    - 2.4 Memperolehi Kepujian (credit) sama ada Bahasa Inggeris dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau Kertas Am (General Paper) dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan atau memperoleh IELTS Overall Band 6.0. ATAU Memperolehi Kepujian (credit) dalam mata pelajaran Bahasa Arab dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Agama Brunei (SPUB) atau yang dikira sebagai sebanding dengannya.
    - 2.5 Umur tidak melebihi 25 tahun pada 1 September 2004 bagi pemohon peringkat Higher Diploma dan Ijazah Pertama sementara bagi Ijazah Lanjutan atau Ikhtisas tidak melebihi 30 tahun pada 1 September 2004.
    - 2.6 Memperolehi kelulusan akademik minima mengikut tahap dan bidang pengajian berikut:-
      - 2.6.1 Ijazah Lanjutan atau Ikhtisas (professional)
        - Bagi Ijazah Lanjutan telah memperoleh Ijazah Pertama dengan kepujian (Honours) dan mendapat sekurang-kurangnya Kelas Kedua Atas (2:1) atau Jaid Jiddan merupakan satu kelebihan atau kelayakan yang dikira sebagai sebanding dengannya yang diperolehi daripada universiti terkemuka. Bidang pengajian yang dipohon hendaklah berkait rapat dengan kelulusan yang telah diperolehi.
        - (Walaupun bagaimanapun pemohon yang mendapat Kelas Kedua Bawah (2:2) kelulusan dari universiti terma yang sekurang-kurangnya bertaraf "of High standing" dan sistem penerapan yang sebanding bagi negeri-negeri lain bolehlah memohon dengan syarat mata pelajaran yang berkaitan dengan pengkhususan di peringkat Lanjutan mestilah di peringkat CEMERLANG. Bagi pengajian peringkat Sarjana (Masters) bukan melalui Post-graduate Diploma).
        - Bagi kursus di peringkat Ikhtisas (professional) hendaklah memperoleh Ijazah Pertama sekurang-kurangnya Kelas Kedua Bawah (2:2) dalam bidang pengajian yang berkaitan atau kelayakan yang dikira sebagai sebanding dengannya dan bidang ikhtisas berkenaan hendaklah diikuti secara sepenuh masa (full-time).
        - Memperolehi tempat pengajian di institusi terkemuka dan yang dikira.
      - 2.6.2 Ijazah Pertama
        - Memperolehi sekurang-kurangnya tiga (3) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan (dalam sekali duduk) yang berkait rapat dengan kursus yang dipohon. ATAU
        - Memperolehi Sijil pangkat Mumtaz dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Agama Brunei (STPUB) dengan memperoleh Mumtaz dalam mata pelajaran Al-Quran dan 2M (dua Mumtaz) dalam mata pelajaran utama yang berkait rapat dengan jurusan dan sekurang-kurangnya 1M (satu Mumtaz), 3 JJ (tiga Jaid Jiddan) dalam mana-mana kumpulan pelajaran yang diambil dalam sekali duduk.
        - Bagi bidang/ jurusan yang diperlukan negara hendaklah memenuhi syarat-syarat gred minima seperti berikut:-
 

Kategori	Bidang/Jurusan	Gred Minima
A	Perubatan dan Pergigian	BBB
B	Sains, Kejuruteraan dan Teknologi	BCC
C	Ekonomi dan Kewangan	BBB
D	Sosial Sains dan Sastera (Arts)	CCC
E	English/English Literature	CCD
F	Physical Education (P.E)	CCC
G	Lughah Arabiah	4M dan 3 JJ
        - Memperolehi tempat pengajian di institusi terkemuka dan yang dikira.
        - Bagi bidang/ jurusan di kategori E pemohon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya gred C dalam mata pelajaran utama yang berkait rapat dengan kursus yang dipohon.
        - Bagi bidang/ jurusan di kategori G pemohon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya M (Mumtaz) dan JJ (Jaid Jiddan) sama ada mata pelajaran Lughah Arabiah atau Qawaid Arabiah.
      - Bagi yang memperoleh kelulusan International Baccalaureate Diploma (IB) bolehlah menghadap permohonan bagi bidang/ jurusan berikut:-
 

Bidang/ Jurusan	Gred Minima
Language / Law	32 mata (points)
Social Sciences/ Humanities/Journalism	30 mata (points) ATAU
      - Memperolehi Higher National Diploma dengan mendapat sekurang-kurangnya Grade Point Average (GPA) 2.00 ATAU
      - Bagi pelajar persendirian di luar negeri yang mengikuti pengajian di universiti terkemuka yang berhasrat meneruskan pengajian ke tahun berikutnya hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya Kelas Kedua atau (Jaid) pada akhir sesi pengajian yang sedang diikuti serta lulus dalam semua mata pelajaran tanpa 'resit' atau 'repeat'. ATAU
      - Bagi pelajar persendirian di luar negeri yang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama dengan kelulusan asas Foundation atau Matriculasi yang berhasrat meneruskan pengajian ke tahun berikutnya mestilah terlebih dahulu memperoleh sekurang-kurangnya 1 'A' level dan 4 'O' level atau lulus STPUB dan 4 SPUB dan hendaklah lulus dengan memperoleh sekurang-kurangnya Kelas Kedua atau Jaid pada akhir sesi pengajian yang diikuti serta lulus dalam semua mata pelajaran tanpa 'resit' atau 'repeat'.
    - 2.6.3 Higher Diploma
      - Memperolehi 1 (satu) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan yang berkait rapat dengan kursus yang dipohon dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C. ATAU
      - Memperolehi kelulusan National Diploma dalam bidang/ jurusan yang berkait rapat dengan kursus yang dipohon dengan mendapat sekurang-kurangnya Grade Point Average (GPA) 2.00. ATAU
      - Diploma in Nursing dengan mendapat sekurang-kurangnya markah keseluruhan 70 %.
    - 2.6.4 Diploma
      - Memperolehi sekurang-kurangnya credit dalam 6 (enam) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa termasuk Bahasa Melayu, English Language dan Matematik serta 2 (dua) mata pelajaran Sains.
3. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN  
Pemohon mestilah juga memenuhi syarat-syarat tambahan berikut:-
  - 3.1 Kombinasi mata pelajaran di Peringkat Lanjutan ('A' level) STPUB atau unit / module di peringkat Higher Diploma / Diploma hendaklah berseesuaian dan berkait rapat dengan kursus yang dipohon serta grednya hendaklah juga memuaskan dan memenuhi kriteria pertimbangan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.
  - 3.2 Bersedia mengikuti kursus yang ditetapkan oleh Kementerian ini. Kementerian boleh menetapkan di mana pelajar-pelajar akan ditempatkan. Penukaran kursus dan/ atau tempat yang sudah ditetapkan oleh Kementerian ini hanya akan dilayan secara 'case by case'.
  - 3.3 Bidang kursus hendaklah selaras dengan keutamaan dan keperluan negara jangka panjang atau pendek.
  - 3.4 Berish dalam tapan keselamatan dan disahkan sihat dalam pemeriksaan kesihatan.
  - 3.5 Lulus Ujian Lisan Bahasa Melayu yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Ujian Lisan Bahasa Melayu dan Ugama.

3.6 Lulus Ujian Lisan Bahasa Arab yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Ujian Lisan Bahasa Arab (yang mengikuti pengajian di Timor Tengah sahaja)

4. PEMOHON YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN

- Pemohon yang dalam kategori berikut dengan sendirinya tidak akan dipertimbangkan jika:-
- 4.1 Tidak memenuhi kehendak syarat-syarat utama dan tambahan seperti yang ditetapkan masing-masing di perenggan 2 dan 3 di muka surat 1 hingga 5.
  - 4.2 Pernah menolak tawaran Kementerian ini untuk mengikuti kursus di Universiti Brunei Darussalam atau di Institut Teknologi Brunei dan sekarang memohon untuk mengikuti kursus di institusi pengajian di luar negeri di tahap pengajian yang sama dengan yang pernah ditawarkan.
  - 4.3 Bekas pelajar Biasiswa Kerajaan atau Biasiswa Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad yang tidak memperoleh kelulusan tambahan atau sebarang peningkatan kelulusan selepas biasiswa ditamatkan.
  - 4.4 Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sama ada dalam jawatan tetap, percubaan, sebulan ke sebulan atau open vote. (Surat Keilang Jabatan Perdana Menteri Bilangan 2/1991 dan 27/1988 masing-masing bertarikh 3 Januari 1991 dan 6 September 1988 adalah dirujuk).
  - 4.5 Kakitangan dan Pelatih Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad.
  - 4.6 Pemohonan yang diterima selepas tarikh yang ditetapkan atau yang tidak lengkap diisi atau siji dan dokumen yang dihadapkan tidak disahkan atau mempunyai maklumat palsu atau tidak benar.

5. PEMOHONAN

- 5.1 Borang permohonan ke luar negeri dan keterangan lanjut boleh diperolehi daripada:- Bilik No. D201, Tingkat 2, Blok D, Unit Biasiswa dan Latihan, Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Berakas BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
- 5.2 'Laporan Sulit' bolehlah dihadapkan kemudian secara berasingan oleh Pengetua Sekolah masing-masing.
- 5.3 Bagi yang berkhidmat di sektor swasta atau dalam jawatan bergaji hari di Kementerian / Jabatan Kerajaan, borang permohonan hendaklah dihadapkan melalui Majikan / Ketua Jabatan. Majikan / Ketua Jabatan berkenaan hendaklah menghadapkan sama ada bersama borang berkenaan atau secara berasingan satu "LAPORAN SULIT" dan satu salinan "CATATAN PERKIDMATAN" yang lengkap dan terkini.
- 5.4 Semua salinan siji dan dokumen yang disertakan hendaklah disahkan oleh Pengetua / Ketua Jabatan / Majikan.
- 5.5 Pemohon adalah dikehendaki menghadapkan salinan surat tawaran tempat pengajian berserta dengan isi kandungan kursus bersama-sama dengan borang permohonan.
- 5.6 Tarikh tutup Permohonan:-
  - 5.6.1 Pelajar persendirian yang menuntut di Australia, New Zealand, Malaysia dan Republik Persekutuan Jerman yang mana tarikh memulakan kursus ialah pada Februari 2004 hendaklah menghadapkan borang permohonan tidak lewat dari hari Sabtu 24 Januari 2004.
  - 5.6.2 Pemohon dalam negeri hendaklah mengemukakan borang yang telah lengkap diisi berserta dengan semua salinan siji dan dokumen-dokumen yang berkaitan tidak lewat dua (2) minggu selepas tarikh keputusan peperiksaan 'A' level 2003 diumumkan ke bahagian Biasiswa, Unit Biasiswa dan Latihan, Blok D, Tingkat 2, Kementerian Pendidikan.
  - 5.6.3 Pelajar persendirian yang menuntut di United Kingdom di peringkat Ijazah dan HND bolehlah menghadapkan borang permohonan setelah keputusan peperiksaan akhir sesi 2003/2004 dikeluarkan iaitu tidak lewat dari hari Isnin, 26 Julai 2004 sementara lepasan 'A' level Jun 2004, mengemukakan borang permohonan tidak lewat dari hari Sabtu 28 Ogos 2004.
  - 5.6.4 Pelajar persendirian yang menuntut di Universiti Al-Azhar di Peringkat Ijazah Pertama dan Lanjutan bolehlah menghadapkan borang-borang permohonan setelah keputusan peperiksaan akhir tahun pengajian sesi 2003/2004 dikeluarkan iaitu tidak lewat dari hari Selasa 31 Ogos 2004.

6. PERHATIAN

- 6.1 Tertakluk juga kepada perenggan 3.1, pemohon lulusan Peringkat Lanjutan yang tidak memenuhi syarat kelayakan utama iaitu minima 3 mata pelajaran dalam sekali duduk seperti di perenggan 2.6.2 boleh juga dipertimbangkan dengan syarat mata-mata pelajaran Peringkat Lanjutan itu dikumpulkan sama ada dalam tempoh tidak lebih daripada 2 tahun akademik atau 2 kali peperiksaan berturut-turut.
- 6.2 Pemohon yang memenuhi syarat kelayakan dan kriteria pertimbangan Kementerian Pendidikan sahaja yang akan ditemui duga yang mana akan ditetapkan kemudian. Selain daripada pencapaian akademik yang memuaskan, prestasi temu duga adalah juga diambil kira.
- 6.3 Senarai kursus-kursus yang dilampirkan adalah sebagai panduan kepada pemohon yang mana pertimbangan nanti adalah tertakluk kepada keutamaan dan keperluan negara.

**SENARAI KURSUS-KURSUS BAGI PENGANUGERAHAN BIASISWA-BIASISWA KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN SYARIKAT MINYAK BRUNEI SHELL SENDIRIAN BERHAD KE LUAR NEGERI BAGI SIDANG AKADEMIK 2004/2005 (TERTAKLUK KEPADA KEPERLUAN NEGARA)**

Berikut disenaraikan Kod Kursus dan Ijazah Pertama yang ditawarkan.

- A1. - ACTUARIAL SCIENCE ; A2. - AGRICULTURE/ AGRICULTURE ECONOMIC; A3. - AERONAUTICAL / AIR-CRAFT ENGINEERING; A4. ART AND DESIGN / GRAPHIC DESIGN; A5. - ARCHITECTURE; A6. - AUDIOLOGY ; A7. - AUTOMATIVE ENGINEERING / AUTOMATIVE ENGINEERING MANAGEMENT; A8. - BIOLOGY; A9. - BIOMEDICAL ENGINEERING; A 10. - BIOTECHNOLOGY; A 11. - BOTANY; A 12. - BUILDING SERVICES ENGINEERING; A 13. - BUSINESS STUDIES AND FINANCE / BANKING AND FINANCE / BUSINESS DEVELOPMENT & MANAGEMENT; A 14. - CHEMISTRY; A 15. - CHEMICAL ENGINEERING; A16. - CIVIL ENGINEERING ; A 17. - COMMERCE; A 18. - COMPUTER AIDED ENGINEERING / COMPUTER TEHNOLOGY ; A 19. - CONTROL SYSTEM ENGINEERING; A 20. - CROP TECHNOLOGY & RESOURCE MANAGEMENT; A 21. - DENTISTRY; A 22. - DESIGN AND TECHNOLOGY; A 23. - DIRASAH ISLAMIAH WAL-ARABIAH; A 24. - ECONOMICS ; A 25. - ENGINEERING MANUFACTURE AND MANAGEMENT / MANUFACTURING DESIGN/ MANUFACTURING ENGINEERING; A 26. - ENGINEERING SCIENCE; A 27. - ENTREPRENEURSHIP; A 28. - ENVIRONMENTAL HEALTH; A 29. - ESTATE MANAGEMENT; A 30. - FISHERY SCIENCE / STUDIES/ FISHERIES; A 31. - FOREIGN LANGUAGES (ENGLISH/ FRENCH/ GERMAN); A 32. - FOOD SCIENCE/ TECHNOLOGY & NUTRITION; A 33. -FORESTRY; A 34. - GEOSCIENCE (GEOLOGY/GEOPHYSICS); A 35. - GOVERNMENT AND POLITICS; A 36. - HEALTH STATISTICS ; A 37. - HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT / HUMAN RESOURCE MANAGEMENT; A 38. - HISTORY; A 39. - HISTORY WITH ECONOMICS AND POLITICAL STUDIES; A 40. - HOTEL / HOTEL AND CATERING MANAGEMENT / HOTEL AND PROPERTY MANAGEMENT; A 41. - HOME ECONOMICS; A 42. - INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY / MULTIMEDIA TECHNOLOGY / INFORMATION TECHNOLOGY; A 43. - INFORMATION SCIENCE / MEDICAL RECORD; A 44. - INTERNATIONAL RELATIONS AND POLITICS / INTERNATIONAL STUDIES AND POLITICS; A 45. - INSTRUMENTATION AND CONTROL SYSTEM ENGINEERING; A 46. - LAND SURVEYING; A 47. - LAW; A 48. - LIBRARY STUDIES / INFORMATION AND MANAGEMENT; A 49. - LUGHAH ARABIAH; A 50. - MARINE ENGINEERING; A 51. - MARKETING; A 52. - MASS COMMUNICATIONS AND PUBLIC RELATIONS / MEDIA STUDIES ( COMMUNICATIONS, JOURNALISM, PUBLISHING); A 53. - MECHANICAL ENGINEERING ( FITTING AND MACHINING); A 54. - MEDICINE; A 55. - MEDICAL PHYSICS; A 56. - METALLURGY / METALS SCIENCE / ENGINEERING / TECHNOLOGY; A 57. - METEOROLOGY ; A 58. - NURSING; A 59. - NUTRITION / DIETETICS; A 60. - OCCUPATIONAL THERAPY; A 61. - OPTHALMIC TECHNOLOGY; A 62. - PETROLEUM ENGINEERING AND MINING ENGINEERING; A 63. - PHARMACY; A 64. - PLANT ENGINEERING; A 65. - PHYSICS; A 66. - PHYSICAL EDUCATION / EXERCISE SCIENCE; A 67. - PHYSIOTHERAPY ; A 68. - PODIATRY ; A 69. - PSYCHOLOGY; A 70. - QUANTITY SURVEYING; A 71. - RADIOGRAPHY ; A 72. - SOCIOLOGY; A 73. - SOCIAL WORK; A 74. - SPEECH THERAPY / SPEECH PATHOLOGY; A 75. - SPORTS SCIENCE / STUDIES; A 76. - STATISTICS ; A 77. - SYARIAH; A 78. -SYARIAH WAL- QANUN; A 79. - TELECOMMUNICATIONS ( RADAR) ; A 80. - TOWN AND COUNTRY PLANNING; A 81. - TOURISM; A 82. - TRANSPORT MANAGEMENT; A 83. - USULUDDIN; A 84. - VETERINARY SCIENCE; A 85. - YOUTH AND COMMUNITY DEVELOPMENT / COMMUNITY STUDIES; A 86. - ZOOLOGY;

Berikut disenaraikan Kod Kursus dan Ikhtisas (professional):-

- B 1. - ASSOCIATE OF THE ASSOCIATION OF CERTIFIED ACCOUNTANTS (A.C.CA.); B 2. - ASSOCIATESHIP OF THE LIBRARY ASSOCIATION (ALA); B 3. - CHARTERED INSTITUTE OF PUBLIC FINANCE AND ACCOUNTING (CIPFA); B 4. - CHARTERED SOCIETY OF PHYSIOTHERAPY; B 5. - INSTITUTE OF CHARTERED ACCOUNTANTS IN ENGLAND AND WALES (ICAEW); B 6. - INSITUTE OF COST AND MANAGEMENT ACCOUNTANTS (ICMA); B 7. - ROYAL INSTITUTE OF BRITISH ARCHITECTS (RIBA); B 8. - INSTITUTE OF CHARTERED SECRETARIES AND ADMINISTRATORS (ICSA).

Berikut disenaraikan Kod Kursus bagi Ijazah Lanjutan (Masters dan Ph.D)

C. Mengikut keperluan dan keutamaan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Berikut disenaraikan Kod Kursus bagi Higher Diploma/ yang dikira sebanding dengannya.

- D 1. - ART AND DESIGN; D 2. - CRAFT DESIGN STUDIES ( CERAMIC, WOOD, METAL, TEXTILES); D 3. - DESIGN ( ANIMATION, GRAPHICS AND VIDEO PRODUCTION); D 4. - DESIGN AND TECHNOLOGY; D 5. - FASHION DESIGN/ TECHNOLOGY; D 6. - FURNITURE DESIGN AND PRODUCTION; D 7. - INTERIOR DESIGN; D 8. - LAND SURVEYING.

Berikut disenaraikan Kod Kursus bagi Diploma

- E 1. - DIPLOMA IN HOME ECONOMICS TEACHERS (SINGAPORE)



**INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**SURAT PEMBERITAHUAN  
INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI BIL : 01/ 2004  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BIASISWA KERAJAAN KE INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI  
SESI 2004 I 2005**

PEMOHON-PEMOHON yang memenuhi syarat-syarat berikut yang ingin mengikuti pengajian ke Institut Teknologi Brunei bagi kursus Ijazah Pertama dan BDTVEC Higher National Diploma atas Skim Biasiswa Kerajaan mulai Sidang Akademik 2004/2005 ini bolehlah memohon.

**1. SYARAT-SYARAT UTAMA**

- Pemohon mestilah -
- 1.1 Terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
  - 1.2 Memperolehi sekurang-kurangnya Kepujian (Merit) Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau dalam peperiksaan yang diiktiraf sebagai sebanding dengannya.
  - 1.3 Bagi kursus Ijazah Pertama pemohon mestilah memperolehi 3 (tiga) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan termasuk mata pelajaran Mathematics dan Science. ATAU memperolehi keputusan yang sangat baik dalam BDTVEC Higher National Diploma in Civil Engineering.
  - 1.4 Bagi kursus BDTVEC Higher National Diploma pemohon mestilah memperolehi 1 (satu) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge yang berkaitan pada peringkat lanjutan. ATAU Memperolehi salah satu kelulusan berikut:
    - BTEC/BDTVEC National Diploma in Aircraft Engineering (Aircraft /Engine / Avionics)
    - BTEC/BDTVEC National Diploma in Automotive Engineering
    - BTEC/BDTVEC National Diploma in Business and Finance
    - BTEC/BDTVEC National Diploma in Computer Studies
    - BTEC/BDTVEC National Diploma in Construction
    - BTEC/BDTVEC National Diploma in Electrical and Electronic Engineering
    - BTEC/BDTVEC National Diploma in Industrial Measurement and Control Engineering
    - BTEC/BDTVEC National Diploma in Mechanical and Manufacturing Engineering
    - BTEC/BDTVEC National Diploma in Plant Engineering
    - BTEC/BDTVEC National Diploma in Refrigeration and Air Conditioning Engineering
    - BTEC/BDTVEC National Diploma in Science
    - BTEC/BDTVEC National Diploma in Welding and Metallurgical Engineering
    - Mana-mana kelulusan yang difikirkan bersesuaian dengan kursus yang dipohonkan.

**2. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN**

- Pemohon mestilah juga memenuhi syarat-syarat tambahan berikut:
- 2.1 Unit-unit di peringkat BTEC/BDTVEC National Diploma hendaklah bersesuaian dan berkaitan rapat dengan kursus yang dipohon. Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang banyakk memperolehi kepujian (Merit) dalam mata pelajaran yang diambil dan memenuhi kriteria pertimbangan yang ditetapkan oleh Institut Teknologi Brunei.
  - 2.2 Bersedia mengikuti kursus yang ditetapkan oleh institut ini. Pertukaran kursus yang sudah ditetapkan oleh institut tidak akan dilayan.
  - 2.3 Bersih dalam tapisan keselamatan dan disahkan sihat dalam pemeriksaan kesihatan.
  - 2.4 Bagi lepasan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Maktab Kejuruteraan Jefri Boiklah dan Pusat Latihan Pertanian Sinaut yang tidak memperolehi kredit Bahasa Melayu di Peringkat Biasa hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya kredit dalam peperiksaan Brunei Junior Certificate of Education / Pemilihan Menengah Rendah (PMB) dan juga lulus ujian khas bertulis.

**3. PEMOHON YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN**

- Pemohon yang dalam kategori berikut dengan sendirinya tidak akan dipertimbangkan jika -
- 3.1 Tidak memenuhi syarat-syarat utama dan tambahan yang ditetapkan masing-masing di perenggan 1 dan 2.
  - 3.2 Pernah menolak tawaran Kementerian Pendidikan untuk mengikuti Kursus di Universiti Brunei Darussalam atau Institut Teknologi Brunei.
  - 3.3 Bekas pelajar Biasiswa Kerajaan atau Biasiswa Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad yang tidak memperolehi kelulusan tambahan atau sebarang peningkatan kelulusan selepas biasiswa ditawarkan.
  - 3.4 Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sama ada dalam jawatan tetap, percubaan, sebelum ke sebulan atau open vote. (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 2/1991 dan 27/1988 masing-masing bertarikh 3 Januari 1991 dan 6 September, 1988 adalah dirujuk).
  - 3.5 Kaitangan dan Pelatih Syarikat Minyak Brunei Sendirian Berhad.
  - 3.6 Pemohonan yang diterima selepas tarikh yang ditetapkan atau yang tidak lengkap diisi atau siji dan dokumen yang diadapka tidak disahkan atau mempunyai maklumat palsu atau tidak benar.

**4. BORANG PEMOHONAN**

- 4.1 Borang Pemohonan boleh didapati daripada - BAHAGIAN PENDAFTARAN, INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI, JALAN TUNGKU LINK, GADONG BE 1410, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
- 4.2 Setiap pemohon hanya perlu melengkapkan satu salinan borang sahaja.
- 4.3 "Laporan Sulit" bolehlah diadapka kemudian secara berasingan oleh Pengetua Maktab masing-masing.

- 4.4 Bagi yang berkhidmat di sektor swasta atau dalam jawatan bergaji hari di Kementerian /Jabatan Kerajaan, borang permohonan hendaklah diadapka melalui Majikan / Ketua Jabatan. Majikan / Ketua Jabatan berkenaan hendaklah menghadapka sama ada bersama borang berkenaan atau secara berasingan satu "LAPORAN SULIT" dan satu salinan "CATATAN PERKHIDMATAN" yang lengkap dan terkini.
- 4.5 Semua salinan siji dan dokumen yang disertakan hendaklah disahkan oleh Pengetua / Ketua Jabatan / Majikan.
- 4.6 Borang-borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta dengan semua salinan siji dan dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah dikembalikan terus ke Institut Teknologi Brunei tidak lewat pada hari Sabtu, 28 Februari 2004.

**5. PENERANGAN**

- 5.1 Maklumat lanjut dapat diperolehi daripada:- PENDAFTAR, INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI, JALAN TUNGKU LINK, GADONG BE 1410, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
- 5.2 Pemohon yang memenuhi syarat kelayakan sahaja yang akan dipertimbangkan untuk menduduki ujian bertulis (jika perlu) dan di temu duga yang akan ditetapkan kemudian.
- 5.3 Kelulusan Bahasa Melayu peperiksaan London General Certificate of Education Peringkat Biasa tidak lagi diiktiraf sebagai sebanding dengan Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa.
- 5.4 Senarai kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut.

**SENARAI KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN BAGI PENGANUGERAHAN BIASISWA KERAJAAN KE INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI SESI 2004 / 2005**

**BERIKUT DISENARAIKAN KOD KURSUS DAN KURSUS YANG DITAWARKAN**

- IJAZAH PERTAMA**  
 A1 B. ENG IN CIVIL ENGINEERING (PROGRAMME KEMBAR (1+2) INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI DAN QUEEN'S UNIVERSITY BELFAST, UNITED KINGDOM).  
 BDTVEC HIGHER NATIONAL DIPLOMA D1. BUSINESS AND FINANCE. Accounting. Banking. Management D2. CIVIL ENGINEERING. D3. COMPUTING D4. COMMUNICATIONS AND COMPUTER SYSTEMS ENGINEERING. D5. ELECTRICAL POWER AND BUILDING SERVICES ENGINEERING D6. INFORMATION SYSTEM D7. MECHANICAL ENGINEERING

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI PENGARAH BADAN TANMIAH HARTA MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI**

BADAN Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam Brunei mempelawa pemohon-pemohon bagi jawatan berikut-

**JAWATAN : PENGARAH BADAN TANMIAH HARTA MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI**

**KADAR GAJI : \$ 6,600.00 - \$ 6,800.00 - \$ 7,000.00 - \$ 7,400.00**

**BADAN KORPORAT : BADAN TANMIAH HARTA MAJLIS UGAMA ISLAM**

**KELAYAKAN:**

- a. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, beragama Islam mengikut Mazhab Syafiee Ahli Sunnah Wal-Jemaah.
- b. Calon mestilah berumur tidak kurang daripada 40 tahun.
- c. Mempunyai pengetahuan tentang keransman agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan Perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- d. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dari mana-mana universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam salah satu dari bidang berikut:-
  - i. Business Administration/Management
  - ii. Economics/Statistic/Mathematic/Accounting
  - iii. Business Management and Quality/Quality Management
  - iv. Estate management.
 Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang berkaitan di atas serta mempunyai kelulusan dalam bidang Ugama Islam adalah satu keutamaan.
- e. Hendaklah mempunyai pengalaman bekerja dalam hal ehwal ekonomi, pengurusan atau pelaburan kewangan dan hartanah selama tidak kurang dari lima (5) tahun serta pengalaman bekerja pada peringkat pengurusan tinggi atau peringkat eksekutif dalam bidang-bidang yang berkaitan.
- f. Hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih dari tapisan keselamatan.
- g. Calon mestilah mempunyai watak yang menarik dan kemahiran-kemahiran berkomunikasi dan perhubungan awam yang tinggi.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- a. Bertanggungjawab kepada yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei dan kepada Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam Brunei.
- b. Mengetuai BADAN TANMIAH HARTA MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI
- c. Menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan yang berkaitan dengan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam.
- d. Bertanggungjawab dalam pelaksanaan dasar yang berkaitan dengan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam Brunei.
- e. Bertanggungjawab dalam bidang kuasa BADAN ini dalam mengurus dengan penuh cekap, amanah dan berjaya dalam aspek kewangan, hartanah, pentadbiran, hal ehwal kaitangan BADAN ini yang ditetapkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei.
- f. Bertanggungjawab dalam mencari peluang-peluang pelaburan 'cash asset' dan hartanah Majlis Ugama Islam Brunei supaya akan terus bertambah nilai dan kepentingannya kepada ummah.
- g. Memastikan segala rancangan-rancangan, perkhidmatan-perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan BADAN ini dijalankan dengan cekap dan berkesan.
- h. Memberi pandangan, buah fikiran yang kreatif, proaktif dan berinisiatif dalam memperbaiki dan meningkatkan lagi Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam Brunei.
- i. Memberi laporan-laporan seperti kewangan, tahunan, keputusan mesyuarat Lembaga Pengarah Badan Tanmiah dan seumpamanya yang berlesen mengenai BADAN ini kepada Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei dari masa ke semasa.
- j. Mengawal pegawai-pegawai dan kaitangan di bawahnya dan apa jua peruntukkan kewangan serta perbelanjaan kepada Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam Brunei termasuk menandatangani peraturan dan cek-cek serta baucer-baucer pembayaran dan mengambil tindakan-tindakan berpatutan menurut yang ditetapkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei dari masa ke semasa.
- k. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei dari masa ke semasa.

**SYARAT-SYARAT LAIN**

- 6.1 Calon-calon yang berjaya akan diantik secara tetap selepas tamat tempoh percubaan dengan jayanya.
- 6.2 Calon yang berjaya akan behal mendapat cuti tahunan dengan gaji penuh selepas tamat setiap tahun perkhidmatan pada kadar dua puluh (20) hari bekerja.
- 6.3 Sebagai tambahan kepada gaji, bonus tahunan akan dibayar bagi setiap tahun perkhidmatan yang memuaskn dengan kadar satu bulan gaji yang diterima.
- 6.4 Calon yang berjaya akan mengikut Skim TAP
- 6.5 Calon yang berjaya hendaklah disahkan sihat oleh Pengamal Perubatan yang berkelayakan sebelum memegang jawatan ini.
- 6.6 Gaji permulaan adalah sejajar dengan pengalaman dan kelayakan.
- 6.7 Calon yang berjaya akan diambil atas perjanjian bagi satu tempoh tiga (3) tahun perkhidmatan dan akan diperbaharu atas persetujuan Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam Brunei.
- 6.8 Lain-lain syarat perkhidmatan adalah menurut aturan-aturan dan peraturan-peraturan pada masa ini yang berkuat-kuasa dari masa ke semasa yang ditetapkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei.

**PERINGATAN:**

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang yang boleh didapati daripada Tingkat 3, Jabatan Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat ahwal dan siji-siji serta gambar terbaru berukuran saiz passport dan ditujukan ke Tingkat 3, Kementerian hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, BB 9910, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup bagi menghantar permohonan ialah 2 Februari 2004 jam 4.30 petang.



**BAHAGIAN MEKANIKAL,  
JABATAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL,  
JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JUALAN LELONG KENDERAAN DAN JENTERA BERAT**

JUALAN LELONG di bawah akan diadakan pada hari Isnin, 16 Februari 2004 jam 9.00 pagi bertempat di Bahagian Mekanikal, Sinarubai, Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.  
 Tarikh untuk melihat (viewing) bermula 7 Februari 2004 dari jam 8.30 hingga 11.00 pagi.

BIL.	LOT	BG. NO.	JENIS	TEMPAT/LOKASI
1	1	6747	CASE EXCAVATOR LOADER	SCRAPYARD
2	2	4750	SAKAI ROAD ROLLER	SCRAPYARD
3	3	4961	KOMATSU BULLDOZER	SCRAPYARD
4	4	2942	CATERPILLAR WHEEL LOADER	SCRAPYARD
5	5	4835	NIKKO TRACK EXCAVATOR	SCRAPYARD
6	6	6589	KOMATSU EXCAVATOR LOADER	SCRAPYARD
7	7	6590	KOMATSU MINI EXCAVATOR	SCRAPYARD
8	8	5188	MITSUBISHI LG-2H GRADER	SCRAPYARD
9	9	4133	SAKAI ROAD ROLLER	LUAR SCRAPYARD
10	10	5190	ROAD GRADER	LUAR SCRAPYARD
11	11	5002	CASE EXCAVATOR LOADER	BENGKEL TASEK LAMA
12	12	4088	KOMATSU TRACK TRACTOR	BENGKEL TASEK LAMA
13	13	6745	CASE EXCAVATOR LOADER	BENGKEL TASEK LAMA
14	14	2956	SAKAI ROAD ROLLER	BENGKIL SIBULU TEMBURONG
15	15	4250	HINO 3 WAY TIPPER TRUCK	SCRAPYARD
16		4252	HINO 3 WAY TIPPER TRUCK	SCRAPYARD
17		4260	HINO 3 WAY TIPPER TRUCK	SCRAPYARD
18		4262	HINO 3 WAY TIPPER TRUCK	SCRAPYARD
19	16.	4267	ISUZU TRUCK	SCRAPYARD
20		4271	ISUZU TRUCK	SCRAPYARD
21		7366	ISUZU TIPPER TRUCK	SCRAPYARD

Lelong ini mengandungi beberapa syarat seperti berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar "deposit sebanyak 20% daripada harga membeli atau \$100.00 bayaran minima" semasa jualan lelong dijalankan, jika gagal membuat pembayaran tersebut, jualan yang ditawarkan akan dibatalkan. Untuk menjelaskan bayaran sepenuhnya bagi baki pembayaran mestilah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelong tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Barang-barang yang telah di beli, jika tidak dipindah dari tempat tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelong ini, akan dirampas baik dan akan di lelong semula.



**JAWATAN KOSONG DI  
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong di dalam Perkhidmatan Kerajaan di bawah Kementerian Pertahanan seperti berikut :-

- 1) **PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL BEKAS PERAJURIT**  
BILANGAN KOD : 104-20-562  
(DI BAHAGIAN HAL EHWAL BEKAS PERAJURIT,  
JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA)  
TANGGAGAJI : C3-4 EB5 \$1,990.00 - \$2,970.00 SEBULAN

**KELAYAKAN MINIMUM :**

- (a) (i) Higher National Diploma atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan. ATAU  
(ii) Bekas seorang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berpangkat serendah-rendahnya Kapten dan mempunyai catatan perkhidmatan yang baik dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. ATAU  
(iii) 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III tidak kurang daripada 5 tahun.  
(b) Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik adalah menjadi satu kelebihan.

**TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :**

- (a) Membantu Ketua Pegawai/Pegawai Hal Ehwal Bekas Perajurit di dalam pentadbiran di bahagian ini.  
(b) Membantu Pegawai Hal Ehwal Bekas Perajurit bagi penempatan kursus-kursus peralihan kepada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang akan bersara.  
(c) Memberikan khidmat nasihat kepada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang akan bersara/berhenti.  
(d) Menyusun dan mengemaskinikan maklumat-maklumat peribadi bekas anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang bersara/berhenti untuk di jadikan rujukan kepada pihak-pihak yang berkenaan.  
(e) Membantu mengatasi masalah-masalah bekas anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang berkaitan dengan pekerjaan dan kebajikan.

- 2) **PENOLONG PEGAWAI UGAMA**  
BILANGAN KOD : 104-14-153  
(DI BAHAGIAN HAL EHWAL UGAMA,  
JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA)  
TANGGAGAJI : C3 EB4-5 \$1,990.00 - \$2,620.00 SEBULAN

**KELAYAKAN MINIMUM :**

- (a) Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.  
(b) Berumur tidak kurang dari 30 tahun.

- (c) Mempunyai kelulusan Maktab Perguruan Agama atau yang sebanding dengannya yang di akui serta kelulusan akademik sekurang-kurangnya 4 mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa.  
(d) Telah berkhidmat sebagai Guru Agama sekurang-kurangnya 10 tahun.  
(e) Mempunyai pengalaman yang baik dalam pentadbiran.  
(f) Pemah menjawat jawatan Nazir Sekolah-Sekolah Agama adalah satu kelebihan.  
(g) Mempunyai rekod perkhidmatan yang memuaskan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :**

- (a) Meneliti masalah rumahtangga isteri-isteri anggota ABDB atau anggota Kompeni Askar Wanita dan menasihati mereka untuk mengatasi masalah yang ada.  
(b) Berhubung rapat dengan Pegawai Agama (Unit) Kompeni Askar Wanita dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah rumahtangga dan kegiatan-kegiatan keagamaan.  
(c) Bersedia untuk bertugas di luar waktu bekerja.

**AM :**

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas

bila-bila masa di kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**PERINGATAN :**

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah di kehendaki supaya mencatatkan nama jawatan Serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan-jawatan di pohonkan di dalam Borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan di layan.

Borang Permohonan boleh di dapati di Bangunan K19, Bahagian Pengambilan, Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup 25 Februari 2004.**



**KEMENTERIAN  
KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran: KKBS/PJK/16.14 (6) PY:1

**SUPPLY AND INSTALL DESIGN OF TROPHY CABINET IN THE  
MINISTRY OF CULTURE, YOUTH AND SPORTS BUILDING**

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di negara Brunei Darussalam.  
2. Tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran

tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada: Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

3. Tarikh tutup tawaran ialah pada jam 2.00 petang, hari **Isnin, 9 Februari 2004.**  
4. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi daripada Tingkat 7, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam pada waktu bekerja.  
5. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.  
6. Bayaran bagi setiap tawaran adalah B\$ 100.00 (Ringgit Brunei: Satu Ratus sahaja) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai semasa mengambil dokumen tawaran pada waktu hari bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari semasa mengambil dokumen tawaran dan bayaran tawaran tersebut tidak akan dikembalikan.  
7. Sebut harga mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dengan mencatatkan tajuk projek berkenaan dan tarikh tutup pada sampul surat tanpa menyatakan identiti Syarikat/Pemborong.  
8. Setiap syarikat yang mengambil bahagian hendaklah menyertakan salinan Sijil Perniagaan (Business Names of Enactment Section 16 & 17 atau list of Directors).  
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima sebarang tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

**TAWARAN MEMBEKAL SAJIAN MAKAN DAN MINUM  
KEPADA PESERTA-PESERTA PUSAT PEMBANGUNAN BELIA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan untuk membekal Sajian Makan dan Minum kepada peserta-peserta Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 1 Mac 2004.**  
2. Borang tawaran boleh didapati di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam semasa waktu pejabat.  
3. Bayaran 'tender fees' sebanyak \$ 50.00 (tidak dikembalikan) dibayar semasa mengambil borang.  
4. Tawaran mestilah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang disediakan seterusnya dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan dokumen lain yang dikehendaki ke dalam sampul surat yang ditutup rapi. Manakala di bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk, bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran sebagaimana yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti atau pengenalan pemohon dan dialamatkan ke alamat seperti dinyatakan di atas.  
5. Tawaran-tawaran yang dihadapkan lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.  
6. Pemborong dikehendaki menghadapkan salinan "Business Names Enactment Section 16 and 17".  
7. Pemborong adalah dinasihatkan melawat ke Pusat Pembangunan Belia semasa waktu pejabat di alamat Jalan Lebuhraya Muara Tutong, Lambak Kanan Berakas, Negara Brunei Darussalam seterusnya mendapatkan penerangan lanjut daripada Ketua Pusat mengenai tawaran berkenaan.  
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.



**JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA  
DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**JUALAN LELONG**

